



14 April 2016  
14 April 2016  
P.U. (A) 97

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM 2016

### *CIVIL AVIATION REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM 2016

---

SUSUNAN PERATURAN

---

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN, TANDAAN DAN GADAI JANJI KAPAL UDARA

3. Tafsiran
4. Kapal udara hendaklah didaftarkan
5. Pendaftaran kapal udara di Malaysia
6. Kelayakan bagi pendaftaran
7. Permohonan bagi pendaftaran
8. Penempahan tanda pendaftaran
9. Tamat tempoh dan pembaharuan perakuan pendaftaran
10. Daftar Kapal Udara
11. Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia
12. Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia kepada orang yang tidak layak
13. Pembatalan pendaftaran kapal udara yang didaftarkan di Malaysia
14. Perubahan dalam Daftar Kapal Udara
15. Carian maklumat dalam Daftar Kapal Udara
16. Kenegaraan dan tanda pendaftaran
17. Kemasukan gadai janji kapal udara
18. Pindaan butiran gadai janji dalam Daftar Kapal Udara
19. Pengeluaran kemasukan gadai janji dari Daftar Kapal Udara
20. Pemakaian Akta Bil Jualan 1950 dan peruntukan Akta Syarikat 1965

**BAHAGIAN III**  
**KELAYAKAN TERBANG KAPAL UDARA**

**Peraturan**

21. Perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik
22. Perakuan pengesahan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik
23. Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan produk aeronautik
24. Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan bagi reka bentuk bagi pengubahsuaian dan pembetulan produk aeronautik
25. Menerima pakai kod kelayakan terbang
26. Perakuan kelayakan terbang hendaklah berkuat kuasa
27. Perakuan kelayakan terbang terhenti berkuat kuasa
28. Perakuan kelayakan terbang untuk eksport
29. Pengeluaran, pembaharuan dan pengubahan permit untuk terbang
30. Kehendak bagi pelepasan penyenggaraan
31. Kelulusan bagi organisasi untuk terlibat dalam pengurusan kelayakan terbang berterusan, penyenggaraan produk aeronautik dan latihan penyenggaraan
32. Kelulusan organisasi berhubung dengan penyenggaraan dan latihan penyenggaraan
33. Penandatangan yang diluluskan
34. Maklumat kelayakan terbang berterusan yang mandatori
35. Lesen penyenggaraan kapal udara
36. Peperiksaan dan ujian yang berhubungan dengan lesen penyenggaraan kapal udara
37. Kelulusan bagi kursus latihan dan pengajaran bagi penyenggaraan kapal udara
38. Rekod kapal udara
39. Penyempurnaan dan penyimpanan rekod
40. Kelengkapan bagi pengendalian kapal udara
41. Kelengkapan radio bagi pengendalian kapal udara
42. Kehendak minimum kelengkapan
43. Jadual berat kapal udara

**BAHAGIAN IV**  
**STANDARD ALAM SEKELILING**

Peraturan

44. Perakuan bunyi bising
45. Kehendak bagi perakuan bunyi bising oleh kapal udara yang didaftarkan di luar Malaysia
46. Perakuan bunyi bising hendaklah dibawa

**BAHAGIAN V**  
**KRU KAPAL UDARA DAN PELESENAN**

47. Tafsiran
48. Komposisi kru kapal udara
49. Juruterbang dikehendaki dalam penerbangan pengangkutan udara komersial
50. Latihan dan ujian bagi penerbangan solo atau dual
51. Bilangan anggota kru kabin yang dikehendaki dalam kapal udara
52. Kuasa untuk mengarahkan penambahan kru penerbangan dan anggota kru kabin atas kapal udara
53. Kehendak bagi lesen berhubung dengan anggota kru penerbangan
54. Kehendak bagi lesen yang berkaitan berhubung dengan kapal udara yang didaftarkan dalam suatu Negara
55. Pengendali radio telefoni penerbangan
56. Pegawai pengendalian penerbangan/pengirim penerbangan
57. Jurutera penerbangan
58. Anggota angkatan tentera
59. Pengeluaran, pembaharuan dan kesan lesen kru penerbangan
60. Kehendak perubatan bagi pemegang lesen
61. Peperiksaan dan ujian yang berhubungan dengan lesen kru penerbangan
62. Pemegang lesen tidak boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan apabila tidak sihat
63. Pengesahan lesen kru penerbangan
64. Organisasi latihan yang diluluskan
65. Pemeriksa yang dibenarkan

Peraturan

66. Pengajaran dalam penerbangan
67. Kelab penerbangan
68. Peranti simulasi latihan penerbangan
69. Buku log penerbangan peribadi

BAHAGIAN VI  
PERLINDUNGAN KRU

70. Tafsiran
71. Pemakaian
72. Tanggungjawab pengendali berhubung dengan kelesuan
73. Tanggungjawab kru berhubung dengan kelesuan
74. Masa penerbangan dan tanggungjawab kru penerbangan
75. Perlindungan kru daripada radiasi kosmik

BAHAGIAN VII  
KAPAL UDARA DALAM PENERBANGAN

76. Kemudahan penerbangan udara
77. Kaedah-Kaedah Udara
78. Pertunjukan terbang
79. Belon, belon bertambat, layang-layang, pesawat udara, glider dan paracut naik
80. Kuasa untuk melarang dan menyekat penerbangan

BAHAGIAN VIII  
PENGENDALIAN KAPAL UDARA

81. Pengendalian kapal udara
82. Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara pengangkutan udara bukan komersial
83. Juruterbang hendaklah kekal berada di alat kawalan
84. Pemakaian sut keselamatan oleh kru

Peraturan

85. Tindakan pra-penerbangan oleh ketua juruterbang kapal udara
86. Taklimat penumpang oleh ketua juruterbang
87. Kelengkapan keselamatan bagi kapal udara pengangkutan udara bukan komersial
88. Penggunaan oksigen dalam penerbangan pengangkutan udara bukan komersial
89. Pengendalian stesen radio di dalam dalam kapal udara
90. Penggunaan sistem pengelakan pelanggaran udara
91. Penggunaan sistem perakam penerbangan dan pemeliharaan rekod
92. Tugas ketua juruterbang berhubung dengan pencarian dan penyelamatan
93. Cara pembawaan orang
94. Pembawaan binatang hidup
95. Pintu keluar
96. Penandaan kawasan pecah masuk
97. Membahayakan keselamatan kapal udara
98. Membahayakan keselamatan orang atau harta benda
99. Mabuk di dalam kapal udara
100. Merokok di dalam kapal udara
101. Kuasa ketua juruterbang dan anggota kru kapal udara
102. Tingkah laku yang mengganggu
103. Penumpang gelap

BAHAGIAN IX  
MENGEKALKAN KETINGGIAN DAN PENERBANGAN

104. Tafsiran
105. Penerbangan berdasarkan prestasi bagi kapal udara Malaysia
106. Penerbangan berdasarkan prestasi bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia
107. Penerbangan dalam Ruang Udara Aras Tinggi Atlantik Utara
108. Prestasi pengekalan ketinggian bagi kapal udara Malaysia
109. Prestasi pengekalan ketinggian bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia

BAHAGIAN X  
PENGENDALI UDARA

Peraturan

110. Perakuan pengendali udara
111. Manual pengendalian
112. Program latihan
113. Program analisis data penerbangan
114. Pengesahan perakuan pengendali udara asing
115. Pajakan kapal udara yang berdaftar dengan negara asing
116. Pajakan kapal udara Malaysia kepada mana-mana Negara

BAHAGIAN XI  
PERJANJIAN ARTIKEL 83BIS

117. Pemakaian
118. Perjanjian Artikel 83bis

BAHAGIAN XII  
PENGENDALIAN PENGANGKUTAN UDARA KOMERSIAL

119. Tanggungjawab pengendali
120. Pemuatan kapal udara pengangkutan udara komersial dan penggantungan muatan
121. Syarat pengendalian dan kehendak prestasi kapal terbang
122. Pengendalian masa lencongan lanjutan
123. Syarat kendalian dan keperluan prestasi helikopter
124. Pengendalian pengangkutan udara komersial pada waktu malam atau dalam keadaan alatan meteorologi oleh kapal terbang enjin tunggal
125. Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara Malaysia
126. Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia
127. Tanggungjawab tambahan ketua juruterbang dalam pengangkutan udara komersial yang membawa penumpang

**BAHAGIAN XIII**  
**PEMBAWAAN SENJATA PERANG DAN BARANGAN BERBAHAYA**

Peraturan

128. Tafsiran
129. Program Pengangkutan Barang Berbahaya Kebangsaan
130. Permit bagi pembawaan senjata perang
131. Pembawaan senjata perang dalam kapal udara
132. Permit bagi pembawaan barang berbahaya
133. Pembawaan barang berbahaya di atas kapal udara
134. Obligasi pengendali dan pengantar muatan
135. Pelaporan dan penyiasatan kejadian

**BAHAGIAN XIV**  
**KERJA KEUDARAAN DAN PENGENDALIAN KHAS**

136. Pengendalian kerja keudaraan
137. Pengguguran artikel dan binatang
138. Pengguguran orang

**BAHAGIAN XV**  
**PERKHIDMATAN PENGENDALIAN DARAT**

139. Kelulusan teknikal oleh Ketua Pengarah

**BAHAGIAN XVI**  
**SISTEM KAPAL UDARA TANPA PEMANDU**

140. Sistem kapal udara tanpa pemandu
141. Kerja keudaraan yang melibatkan sistem kapal udara tanpa pemandu
142. Kapal udara kecil tanpa pemandu
143. Kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu
144. Sistem kapal udara tanpa pemandu melebihi 20 kilogram

**BAHAGIAN XVII**  
**PENERBANGAN AM**

Peraturan

145. Tafsiran
146. Kapal udara Malaysia yang digunakan dalam pengendalian penerbangan am
147. Kapal udara didaftarkan di negara asing yang digunakan dalam pengendalian penerbangan am

**BAHAGIAN XVIII**  
**PENGENDALIAN KAPAL UDARA ASING**

148. Sekatan berkenaan dengan pengangkutan bagi balasan berharga dalam kapal udara yang didaftarkan di negara asing

**BAHAGIAN XIX**  
**PELESENAN PENGAWAL TRAFIK UDARA**

149. Pelesenan pengawal trafik udara
150. Tandatangan dikehendaki
151. Kesahan lesen pengawal trafik udara
152. Organisasi latihan yang diluluskan
153. Manual Kawal Selia Perkhidmatan Penerbangan Udara
154. Manual Perkhidmatan Trafik Udara
155. Ketidakupayaan pengawal trafik udara
156. Kelesuan pengawal trafik udara
157. Larangan menggunakan bahan-bahan psikoaktif

**BAHAGIAN XX**  
**PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI AERONAUTIK**

158. Perkhidmatan telekomunikasi aeronautik
159. Perakuan stesen radio aeronautik

**BAHAGIAN XXI**  
**DOKUMEN DAN REKOD**

Peraturan

160. Buku log perjalanan
161. Dokumen yang kena dibawa
162. Pengemukaan dokumen dan rekod
163. Penyimpanan kekal dokumen dan rekod
164. Kesalahan berhubung dengan dokumen dan rekod

**BAHAGIAN XXII**  
**PELAPORAN MANDATORI KEJADIAN**

165. Pelaporan mandatori kejadian

**BAHAGIAN XXIII**  
**PROGRAM KESELAMATAN DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN**

166. Program Keselamatan Malaysia
167. Sistem pengurusan keselamatan

**BAHAGIAN XXIV**  
**LANGKAH KESELAMATAN**

168. Tanggungjawab Ketua Pengarah

**BAHAGIAN XXV**  
**PENAHAANAN DAN PENJUALAN KAPAL UDARA**

169. Tafsiran
170. Penahanan kapal udara apabila mungkir dalam pembayaran fi atau caj
171. Tanggungjawab Ketua Pengarah apabila menahan kapal udara
172. Lien kapal udara
173. Pembatalan pendaftaran kapal udara Malaysia

Peraturan

174. Penjualan kapal udara
175. Notis permohonan
176. Notis jualan
177. Hasil jualan
178. Mendapatkan kembali fi atau caj melalui tindakan sivil
179. Pemberhentian lien kapal udara
180. Membuka dan menanggalkan bahagian atau kelengkapan kapal udara di bawah lien
181. Perlindungan terhadap tindakan
182. Insurans kapal udara

BAHAGIAN XXVI

PENYIASATAN KEMALANGAN DAN INSIDEN KAPAL UDARA

183. Tafsiran dan pemakaian
184. Pelantikan penyiasat dan penyiasat bertanggungjawab
185. Pemberitahuan mengenai kemalangan dan kejadian
186. Penjalanan penyiasatan
187. Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat
188. Objektif penyiasatan

BAHAGIAN XXVII

AM

189. Permohonan bagi lesen, perakuan, permit, dsb.
190. Pemindahnilikan perakuan, lesen, permit, dsb.
191. Kehilangan atau kerosakan perakuan, lesen, permit, dsb.
192. Penyerahan balik perakuan, lesen, permit, dsb.
193. Penggantungan, pembatalan dan pengubahan perakuan, lesen, permit, dsb.
194. Pengukuran unit
195. Penerbangan melintasi negara asing

Peraturan

196. Pemakaian Peraturan-Peraturan ini kepada kapal udara yang dikawal Malaysia yang tidak didaftarkan di Malaysia
197. Pemakaian Peraturan-Peraturan kepada Kerajaan dan tentera pelawat
198. Kesan luar wilayah bagi Peraturan-Peraturan ini
199. Pengecualian bagi kelas kapal udara tertentu
200. Menjalankan tugas dan kuasa Ketua Pengarah
201. Kelulusan bagi orang untuk mengemukakan laporan
202. Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat
203. Penahanan kapal udara
204. Pengawasan dan pengawalseliaan keselamatan
205. Halangan penyiasatan
206. Penalti

BAHAGIAN XXVIII  
PERUNTUKAN KECUALIAN

207. Pembatalan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996
208. Perakuan, lesen, permit, dsb. terus sah
209. Pembayaran yang kena bayar kepada Kerajaan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969  
PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I  
PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2016.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aerodrom angkatan tentera” ertinya mana-mana aerodrom di Malaysia yang di bawah kawalan angkatan tentera;

“altitud penurunan minimum/ketinggian (DA/H)” ertinya suatu altitud atau ketinggian yang ditentukan dalam suatu pengendalian sua alatan tiga dimensi yang padanya suatu sua tidak kena mestilah dimulakan jika rujukan visual yang dikehendaki untuk meneruskan sua itu belum dipastikan;

“anggota kru kabin” ertinya seseorang anggota kru yang menjalankan, demi kepentingan keselamatan penumpang, tugas yang ditugaskan oleh pengendali atau ketua juruterbang sesuatu kapal udara, tetapi tidak termasuk seseorang anggota kru penerbangan;

“apron” ertinya suatu kawasan tertentu di atas suatu aerodrom darat yang dimaksudkan untuk menempatkan kapal udara bagi maksud untuk mengambil atau menurunkan penumpang, mel atau kargo, mengisi bahan api, parkir atau penyenggaraan;

“aras penerbangan” ertinya suatu permukaan tekanan atmosfera yang tetap yang berhubung dengan dengan suatu tekanan datum tertentu, 1013.2 hekto-paskal (hPa), dan terpisah daripada permukaan yang lain oleh sela tekanan tertentu;

“balasan berharga” ertinya apa-apa hak, kepentingan, keuntungan atau faedah, perihal tidak membuat, mudarat, kerugian atau tanggungjawab yang terakru, diberikan, ditanggung atau diaku janji di bawah suatu perjanjian, yang bersifat lebih daripada nominal;

“batu nautika” ertinya Batu Nautika Antarabangsa yang merupakan jarak sejauh 1852 meter;

“belon” ertinya kapal udara yang tidak didorong oleh kuasa lebih ringgan daripada udara;

“belon bebas” ertinya belon yang apabila dalam penerbangan tidak ditambat dengan apa-apa bentuk alat penghalang ke permukaan;

“belon bertambat” ertinya belon yang apabila dalam penerbangan ditambat dengan suatu alat penghalang ke permukaan;

“belon kecil” ertinya belon yang tidak melebihi dua meter dalam mana-mana dimensi lurus pada mana-mana peringkat penerbangannya, termasuk apa-apa bakul atau kelengkapan lain yang dipasangkan pada belon itu;

“buku log” dalam hal buku log kapal udara, buku log enjin atau buku log pic bebaling boleh ubah, atau buku log penerbangan peribadi, termasuklah suatu rekod

yang disimpan sama ada dalam suatu buku, atau dengan apa-apa cara lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah dalam sesuatu hal tertentu;

“Daftar Kapal Udara” ertinya Daftar Kapal Udara yang disimpan dan disenggara oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 10;

“fi yang ditetapkan” ertinya fi yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016 [P.U. (A) 99/2016];

“glider” ertinya kapal udara yang terpacu tanpa kuasa lebih berat daripada udara yang mendapat daya angkatnya dalam penerbangan terutamanya daripada reaksi aerodinamik pada permukaan yang kekal tetap di bawah keadaan penerbangan yang tertentu;

“hari” ertinya—

- (a) tempoh masa dua puluh empat jam yang berterusan yang bermula pada tengah malam; atau
- (b) bagi maksud peraturan 49, masa dari dua puluh minit sebelum matahari terbit sehingga dua puluh minit selepas matahari jatuh, tidak termasuk kedua-dua masa itu, yang ditentukan pada aras permukaan;

“helikopter” ertinya suatu kapal udara yang lebih berat daripada udara yang diangkat dalam penerbangan terutamanya oleh reaksi udara pada satu atau lebih rotor yang didorong oleh kuasa pada sebahagian besar paksi tegak;

“ICAO” ertinya Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa;

“jaket keselamatan” ertinya suatu jaket atau weskit, yang memasukkan ruang keapungan boleh kembung, yang direka untuk menyokong seseorang di dalam air;

“kaedah-kaedah penerbangan alatan” ertinya set kaedah-kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk mengawal selia penerbangan di bawah keadaan yang baginya penerbangan dengan rujukan luar visual tidak boleh dipatuhi;

“kaedah-kaedah penerbangan visual” ertinya set kaedah-kaedah yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk mengawal selia penerbangan di bawah keadaan yang baginya rujukan luar visual boleh dipatuhi;

“kapal terbang” ertinya suatu kapal udara yang didorong oleh kuasa lebih berat daripada udara, yang mendapat daya angkatnya dalam penerbangan terutamanya daripada tindak balas aerodinamik pada permukaan yang kekal tetap dalam keadaan penerbangan yang tertentu;

“kapal udara” ertinya suatu mesin yang boleh mendapat daya angkat di atmosfera daripada tindak balas udara, selain tindak balas udara menyongsong permukaan bumi;

“kapal udara kecil tanpa pemandu” ertinya suatu sistem kapal udara tanpa pemandu, selain belon atau layang-layang, yang mempunyai jisim tidak melebihi 20 kilogram tanpa bahan apinya tetapi termasuk apa-apa artikel atau kelengkapan yang dipasang di dalamnya atau disambungkan pada kapal udara pada permulaan penerbangannya;

“kapal udara lebih ringan daripada udara” ertinya apa-apa kapal udara yang disokong terutamanya oleh keapungannya di udara;

“kapal udara mikroringan” ertinya suatu kapal udara yang direka bentuk untuk membawa tidak lebih daripada dua orang yang mempunyai—

- (a) berat kosong tidak melebihi 150 kilogram; dan
- (b) bebanan sayap pada berat kosong maksimum yang dibenarkan tidak melebihi 10 kilogram setiap meter persegi;

“kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu” ertinya suatu kapal udara kecil tanpa pemandu yang dilengkapi untuk menjalankan apa-apa bentuk pengawasan atau pengambilan data;

“kawasan olah gerak” ertinya bahagian sesuatu aerodrom yang digunakan untuk pelepasan, pendaratan dan penteksian kapal udara, tetapi tidak termasuk apron;

“keadaan meteorologi alatan” ertinya keadaan meteorologi yang dinyatakan dari segi kebolehlihatan, jarak daripada awan dan langit, yang kurang daripada minimum yang dinyatakan bagi keadaan meteorologi visual;

“keadaan meteorologi visual” ertinya keadaan meteorologi yang dinyatakan dalam terma kebolehlihatan, jarak daripada awan dan langit, sama dengan atau lebih baik daripada minimum yang ditentukan mengikut kaedah-kaedah penerbangan visual;

“kelayakan terbang berterusan” ertinya suatu set proses yang tengganya kapal udara, atau enjin, bebalung atau bahagiannya mematuhi kehendak kelayakan terbang yang terpakai dan kekal dalam keadaan untuk pengendalian selamat sepanjang hayat pengendaliannya;

“kepentingan benefisial” termasuklah kepentingan yang berbangkit daripada kontrak dan kepentingan ekuiti yang lain;

“kerja keudaraan” ertinya suatu pengendalian kapal udara yang baginya suatu kapal udara digunakan untuk menyediakan perkhidmatan khusus dalam pertanian, pembinaan, fotografi, pengukuran, pemerhatian dan perondaan, pencarian dan penyelamatan, pengiklanan udara dan aktiviti lain yang serupa;

“ketibaan alatan standard” ertinya kaedah-kaedah penerbangan alatan laluan ketibaan yang ditentukan yang menghubungkan suatu titik ketara, kebiasaannya di atas laluan perkhidmatan trafik udara, dengan suatu titik yang daripadanya suatu tatacara sua alatan yang telah disiarkan boleh dimulakan;

“ketua juruterbang” ertinya juruterbang yang ditugaskan oleh pengendali, atau dalam hal penerbangan am, pemunya, sebagai ketua dan dipertanggungjawabkan dengan pengendalian penerbangan yang selamat;

“kru penerbangan” ertinya, berhubung dengan suatu kapal udara, anggota kru kapal udara itu yang masing-masing bertindak sebagai juruterbang, pemandu arah penerbangan, jurutera penerbangan dan pengendali radio telefoni penerbangan kapal udara itu;

“layak terbang” ertinya keadaan suatu kapal udara atau enjin, bebaling atau bahagiannya yang mengikut jenis reka bentuk yang diluluskan bagi kapal udara itu dan dalam suatu keadaan bagi pengendalian yang selamat;

“malam” ertinya masa antara dua puluh minit selepas matahari jatuh dan dua puluh minit sebelum matahari terbit, tidak termasuk kedua-dua masa itu, yang ditentukan pada aras permukaan;

“manual penerbangan” ertinya suatu manual yang berkaitan dengan perakuan kelayakan terbang, yang mengandungi had yang dalamnya suatu kapal udara dianggap layak terbang dan arahan dan maklumat yang perlu bagi anggota kru penerbangan bagi pengendalian selamat kapal udara itu;

“mesin terbang” ertinya suatu kapal terbang, suatu kapal udara yang dianjak oleh rotor pelancaran berkuasa, helikopter, pesawat giro atau ornitopter;

“minima pengendalian aerodrom” ertinya had penggunaan sesuatu aerodrom untuk—

(a) pelepasan, yang dinyatakan dari segi julat nampak landasan atau kebolehlihatan dan, jika perlu, keadaan awan;

(b) pendaratan dalam kaedah operasi sua alatan dua dimensi, yang dinyatakan dari segi kebolehlihatan dan/atau julat nampak

landasan, altitude penurunan minimum/ketinggian penurunan minimum (MDA/H) dan, jika perlu, keadaan awan; dan

- (c) pendaratan dalam kaedah operasi sua alatan tiga dimensi, yang dinyatakan dari segi kebolehlihatan dan/atau julat nampak landasan dan altitud putus/ketinggian putus (DA/H) yang bersesuaian dengan jenis dan/atau kategori operasi;

“Negara Pejanji” ertinya mana-mana Negara yang merupakan pihak kepada Konvensyen Chicago;

“Negara Pendaftar” ertinya Negara yang di dalam daftarnya sesuatu kapal udara didaftarkan;

“Negara Pengendali” ertinya Negara yang dalamnya terletak tempat perniagaan utama pengendali atau, jika tiada tempat perniagaan sedemikian, kediaman tetap pengendali itu;

“Negara Reka Bentuk” ertinya Negara yang mempunyai bidang kuasa terhadap organisasi yang bertanggungjawab bagi jenis reka bentuk;

“Negara” ertinya suatu Negara asing;

“ornitopter” ertinya sesuatu kapal udara lebih berat daripada udara yang disokong semasa penerbangan terutamanya oleh tindak balas udara terhadap pesawat yang kepadanya gerakan kibasan diberikan;

“pelepasan alatan standard” ertinya kaedah-kaedah penerbangan alatan yang telah ditentukan yang menghubungkan aerodrom atau landasan tertentu aerodrom itu dengan suatu titik ketara yang ditentukan, kebiasaannya ke atas laluan perkhidmatan trafik yang diwakilkan yang pada titik itu di mana peringkat dalam perjalanan suatu penerbangan bermula;

“pelepasan penyenggaraan” ertinya suatu dokumen yang mengandungi perakuan yang mengesahkan bahawa kerja penyenggaraan yang berkaitan dengannya telah dilengkapkan dengan cara yang memuaskan, sama ada mengikut data yang diluluskan dan tatacara yang dinyatakan dalam manual tatacara organisasi penyenggaraan atau di bawah sistem yang setara;

“pembaikan” ertinya pemulihan suatu produk aeronautik kepada keadaan layak terbang sebagaimana yang ditakrifkan oleh kehendak kelayakan terbang yang berkaitan;

“penerbangan persendirian” ertinya suatu penerbangan yang bukan bagi maksud kerja keudaraan atau pengangkutan udara komersial, yang termasuk suatu kapal udara yang ketika dalam penerbangan membawa mana-mana orang yang dengan kuasa oleh Ketua Pengarah membuat apa-apa pemeriksaan atau menyaksikan apa-apa latihan, praktis atau ujian bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

“pengangkutan udara komersial” ertinya pengendalian kapal udara yang melibatkan pengangkutan penumpang, kargo atau mel untuk sewa atau upah;

“pengendali” ertinya mana-mana orang, organisasi atau perusahaan yang terlibat dalam atau menawarkan untuk terlibat dalam suatu pengendalian kapal udara;

“pengendali aerodrom” ertinya—

- (a) seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan 2015 [Akta 771] untuk mengendalikan sesuatu aerodrom; atau
- (b) seseorang yang dilesenkan di bawah Akta untuk menyenggara atau mengendalikan sesuatu aerodrom;

“penggantian” ertinya berhubung dengan mana-mana bahagian suatu kapal udara atau peralatannya termasuklah penanggalan dan penggantian bahagian itu sama ada

bahagian yang sama ataupun tidak, dan sama ada apa-apa kerja telah dijalankan ke atasnya atau tidak tetapi tidak termasuk penanggalan dan penggantian sesuatu bahagian yang direka untuk boleh ditanggalkan hanya bagi maksud membolehkan bahagian lain untuk diperiksa, dibaiki, ditanggalkan atau digantikan, atau dimasukkan kargo;

“pengusahaan kerja keudaraan” ertinya sesuatu pengusahaan yang perniagaannya termasuklah melaksanakan kerja keudaraan;

“pengusahaan pengangkutan udara” ertinya suatu pengusahaan yang perniagaannya termasuklah pengusahaan penerbangan bagi maksud pengangkutan udara komersial;

“penumpang” ertinya seseorang selain kru;

“penyenggaraan” ertinya, berhubung dengan suatu kapal udara, pelaksanaan tugas yang dikehendaki untuk memastikan kelayakan terbang berterusan kapal udara itu, termasuklah mana-mana satu atau kombinasi baik pulih, pemeriksaan, penggantian, pembetulan kecacatan, dan kesempurnaan pengubahsuaihan atau pembaikan;

“perakam penerbangan” ertinya apa-apa jenis alat perakam yang dipasang di dalam sesuatu kapal udara bagi maksud melengkapkan penyiasatan kemalangan atau insiden;

“Perakuan Jenis” ertinya suatu Perakuan Jenis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 23;

“Perakuan Jenis Tambahan” ertinya suatu kelulusan bagi ubah suaian major merangkumi kawasan atau aspek sesuatu produk aeronautik yang telah diubah suai;

“perakuan kelayakan terbang” ertinya suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan 26;

“peranti simulasi latihan penerbangan” ertinya apa-apa radas dalam keadaan penerbangan di dalam suatu kapal udara disimulasikan di atas darat;

“perkelasan” ertinya suatu kebenaran yang dimasukkan ke atas atau berkaitan dengan suatu lesen dan menjadi sebahagian daripada lesen, yang menyatakan keadaan khas, keistimewaan atau had berhubung dengan lesen itu;

“perkhidmatan kawalan sua” ertinya perkhidmatan kawalan trafik udara bagi ketibaan atau perlepasan penerbangan terkawal;

“perkhidmatan kawalan trafik udara” ertinya perkhidmatan yang diberikan bagi maksud—

- (a) mencegah pelanggaran antara kapal udara;
- (b) mencegah pelanggaran di kawasan olah gerak antara kapal udara dengan halangan; dan
- (c) mempercepat dan memelihara aliran trafik udara yang teratur;

“perkhidmatan penerbangan udara” ertinya perkhidmatan yang disediakan kepada trafik udara semasa semua peringkat pengendalian untuk memastikan pergerakan selamat dan cekap, dan termasuklah—

- (a) perkhidmatan kawalan trafik udara bagi ketibaan atau pelepasan penerbangan terkawal, bagi penerbangan terkawal dalam zon terkawal atau bagi trafik dalam mana-mana kawasan olah gerak dan trafik aerodrom yang lain atau mana-mana perkhidmatan kawalan trafik udara yang lain;
- (b) perkhidmatan nasihat trafik yang disediakan dalam ruang udara nasihat untuk memastikan pemisahan, setakat yang praktikal,

antara kapal udara yang beroperasi dalam pelan penerbangan menurut kaedah-kaedah penerbangan alatan;

- (c) perkhidmatan maklumat penerbangan;
- (d) perkhidmatan amaran yang disediakan untuk memaklumkan organisasi yang berkaitan mengenai kapal udara yang memerlukan bantuan mencari dan menyelamat, dan untuk membantu organisasi itu sebagaimana dikehendaki;
- (e) perkhidmatan komunikasi, penerbangan dan pengawasan;
- (f) perkhidmatan meteorologi untuk penerbangan udara;
- (g) perkhidmatan mencari dan menyelamat;
- (h) perkhidmatan maklumat aeronautik bagi menyediakan maklumat aeronautik dan data yang perlu untuk keselamatan, keteraturan dan kecekapan penerbangan udara;
- (i) perkhidmatan kartografi bagi penerbangan udara; dan
- (j) perkhidmatan tatacara penerbangan udara;

“perkhidmatan pengawasan” ertinya kemudahan dan perkhidmatan yang digunakan untuk menentukan kedudukan kapal udara masing-masing bagi membolehkan pengendalian yang selamat;

“perkhidmatan penyemakan penerbangan” ertinya suatu perkhidmatan yang dilaksanakan bagi maksud menentusahkan atau mengesahkan kesesuaian tatacara penerbangan alatan atau pelaksanaan bantuan penerbangan atau sistem yang menyokong tatacara itu dan ketelusan data yang diperoleh daripadanya;

“perkhidmatan telekomunikasi aeronautik” ertinya suatu perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan bagi apa-apa maksud aeronautik;

“permit untuk terbang” ertinya suatu permit yang dikeluarkan di bawah peraturan 29;

“pesawat giro” ertinya suatu kapal udara yang lebih berat daripada udara yang disokong ketika penerbangan oleh reaksi udara pada satu atau lebih rotor yang berputar secara bebas pada sebahagian besar paksi tegak;

“pesawat roto” ertinya suatu kapal udara yang didorong oleh kuasa lebih berat daripada udara yang disokong ketika penerbangan oleh tindak balas udara pada satu atau lebih roto;

“pesawat udara” ertinya suatu kapal udara yang didorong oleh kuasa lebih ringan daripada udara;

“pihak berkuasa yang kompeten” ertinya, berhubungan dengan Malaysia, Ketua Pengarah, dan berhubungan dengan mana-mana Negara, pihak berkuasa yang bertanggungjawab di bawah undang-undang Negara itu untuk meningkatkan keselamatan penerbangan awam;

“produk aeronautik” ertinya apa-apa kapal udara, enjin kapal udara, bebalung kapal udara atau suatu bahagian untuk dipasangkan kepadanya;

“program analisis data penerbangan” ertinya suatu program bagi menganalisis data penerbangan yang direkodkan untuk memperbaiki keselamatan pengendalian penerbangan;

“rekod” termasuklah—

- (a) apa-apa rekod secara bertulis;

- (b) apa-apa fotograf;
- (c) apa-apa cakera, pita, runut bunyi atau alat lain, yang bukan imej visual, yang di dalamnya terkandung bunyi atau isyarat yang boleh, sama ada dengan bantuan peralatan lain atau tidak, dikeluarkan semula daripadanya; dan
- (d) apa-apa filem, pita atau alat lain yang di dalamnya terkandung imej visual yang boleh, sama ada dengan bantuan peralatan lain atau tidak, dikeluarkan semula daripadanya;

dan apa-apa sebutan kepada suatu salinan sesuatu rekod termasuklah—

- (A) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam perenggan (b) tetapi tidak perenggan (c) takrif ini, suatu transkrip bunyi atau isyarat lain yang terkandung di dalamnya;
- (B) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam peranggan (c) tetapi tidak perenggan (b) takrif ini, suatu keluaran semula pegun bagi imej yang terkandung di dalamnya, sama ada diperbesar atau tidak; dan
- (C) dalam hal suatu rekod yang termasuk dalam perenggan (b) dan (c) takrif ini, transkrip bunyi atau data lain yang terkandung di dalamnya bersama-sama dengan keluaran semula pegun imej yang terkandung di dalamnya;

“ruang udara terkawal” ertinya suatu ruang udara dimensi ditentukan yang di dalamnya perkhidmatan kawalan trafik udara diberikan mengikut klasifikasi ruang udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

“sistem kapal udara tanpa pemandu” ertinya suatu kapal udara dan elemen berkaitan dengannya yang dikendalikan tanpa pemandu di dalamnya;

“stesen radio aeronautik” ertinya suatu stesen radio di permukaan yang menghantar atau menerima isyarat bagi maksud membantu sesuatu kapal udara;

“stesen radio aeronautik yang berkenaan” ertinya, berhubungan dengan suatu kapal udara, suatu stesen radio aeronautik yang memberikan perkhidmatan bagi kawasan yang di dalamnya kapal udara itu berada pada masa itu;

“sua berlegar” ertinya peringkat visual bagi suatu sua alatan untuk membawa kapal udara ke dalam posisi untuk pendaratan di atas suatu landasan yang kedudukan tidak bersesuaian bagi suatu sua lurus-masuk;

“tatacara penerbangan alatan” ertinya suatu istilah generik yang termasuk secara sendirinya, keseluruhannya atau sebahagiannya, “tatacara sua alatan”, “ketibaan alatan standard”, “pelepasan alatan standard”, “sua berlegar” dan “tatacara pengendalaan” yang direka mengikut Tatacara Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa bagi Perkhidmatan Penerbangan Udara-Operasi (PANS-OPS);

“tatacara pengendalaan” ertinya suatu olah gerak yang dipastikan terlebih dahulu yang membuatkan kapal udara kekal dalam suatu ruang udara yang ditentukan sementara menunggu kelulusan seterusnya;

“tatacara sua alatan” ertinya suatu siri olah gerak yang ditentukan terlebih dahulu dengan merujuk kepada alatan penerbangan, dengan perlindungan yang ditetapkan daripada halangan, dari suatu titik ke suatu titik yang ditetapkan yang darinya suatu pendaratan boleh disempurnakan dan kemudiannya, jika suatu pendaratan tidak boleh disempurnakan, kepada suatu kedudukan yang padanya pengendalaan atau kriteria kelulusan halangan yang lain terpakai;

“ubah suaian” ertinya suatu perubahan kepada jenis reka bentuk sesuatu produk aeronautik yang bukan suatu pembaikan;

“unit kawalan trafik udara” ertinya suatu unit yang terdiri daripada seorang atau lebih pengawal trafik udara yang ditubuhkan di sesuatu aerodrom atau mana-mana tempat lain bagi maksud menyediakan perkhidmatan kawalan trafik udara;

“unit kawalan trafik udara yang berkenaan” ertinya, berhubungan dengan suatu kapal udara, unit kawalan trafik udara yang dimaklumkan memberikan perkhidmatan bagi kawasan yang kapal udara berhasrat untuk masuk dan unit yang dengannya kapal udara itu berada pada masa itu atau unit kawalan trafik udara yang dimaklumkan memberikan perkhidmatan bagi kawasan kapal udara itu dikehendaki untuk berkomunikasi sebelum memasuki kawasan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“zon terkawal” ertinya suatu ruang udara terkawal yang menjangkau ke atas dari permukaan bumi sehingga suatu had teratas yang dinyatakan;

“zon trafik aerodrom” ertinya ruang udara dalam dimensi tetap yang diadakan di sekeliling aerodrom bagi melindungi trafik aerodrom sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

(2) Suatu kapal udara disifatkan sebagai dalam penerbangan—

- (a) dalam hal suatu mesin terbang yang dipandu, dari saat apabila, selepas pengambilan krunya bagi maksud berlepas, ia pertama kali bergerak dengan kuasanya sendiri sehingga saat ketika ia seterusnya sampai kepada kedudukan rehat selepas mendarat;
- (b) dalam hal suatu mesin terbang yang tidak dipandu atau suatu glider, dari saat apabila ia pertama kali bergerak bagi maksud berlepas sehingga saat ketika ia seterusnya sampai kepada kedudukan rehat selepas mendarat;
- (c) dalam hal suatu pesawat udara atau belon bebas, dari saat apabila ia pertama kali terpisah dari permukaan sehingga saat ketika ia

seterusnya bersambung dengannya atau sampai kepada kedudukan rehat di atasnya; dan

- (d) dalam hal suatu belon bertambat, dari saat apabila belon itu, termasuk kanopi dan bakul, menjadi terpisah dari permukaan, terpisah daripada peranti pembendung yang disambungkan kepada permukaan, sehingga saat ketika ia seterusnya sampai kepada kedudukan rehat di atas permukaan itu,

dan ungkapan “suatu penerbangan” dan “untuk terbang” hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

## BAHAGIAN II

### PENDAFTARAN, TANDAAN DAN GADAI JANJI KAPAL UDARA

#### **Tafsiran**

3. Dalam Bahagian ini, sebutan tentang—

- (a) suatu kepentingan dalam suatu kapal udara tidak termasuk sebutan tentang suatu kepentingan dalam kapal udara yang kepadanya seseorang berhak hanya oleh sebab keanggotaannya dalam suatu kelab penerbangan; dan
- (b) pemunya berdaftar suatu kapal udara termasuk—
- (i) dalam hal orang mati, wakil dirinya; dan
- (ii) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan yang telah dibubarkan, pengantinya.

#### **Kapal udara hendaklah didaftarkan**

4. (1) Seseorang tidak boleh menerangkan suatu kapal udara di atau melintasi Malaysia melainkan jika kapal udara didaftarkan di—

- (a) sebuah Negara Pejanji, termasuk Malaysia; atau
  - (b) mana-mana Negara lain yang berhubungan dengannya ada berkuat kuasa suatu perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Negara itu yang perjanjian itu membuat peruntukan bagi penerbangan melintasi Malaysia bagi kapal udara yang didaftarkan di Negara itu.
- (2) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang itu boleh menerbangkan suatu kapal udara yang tidak didaftarkan jika—
- (a) penerbangan itu bermula dan berakhir di Malaysia tanpa melintasi mana-mana Negara; dan
  - (b) penerbangan itu menurut syarat bagi suatu permit untuk terbang yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.
- (3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi glider, layang-layang, belon bertambat, belon kecil, belon juruterbang meteorologi yang digunakan secara eksklusif bagi maksud meteorologi, belon bebas tanpa muatan, kapal udara kecil tanpa pemandu atau kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu.

#### **Pendaftaran kapal udara di Malaysia**

5. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi pihak berkuasa bagi pendaftaran kapal udara di Malaysia.
- (2) Suatu kapal udara tidak boleh didaftarkan atau terus didaftarkan di Malaysia jika Ketua Pengarah mendapati bahawa—

- (a) kapal udara itu didaftarkan di luar Malaysia;
- (b) tertakluk kepada subperaturan 6(3), orang yang memegang apa-apa kepentingan di sisi undang-undang atau benefisial melalui

pemilikan atau syer dalam kapal udara itu merupakan seorang yang tidak layak;

- (c) kapal udara itu lebih sesuai didaftarkan di Negara Pejanji yang lain; atau
- (d) ia tidak suai manfaat bagi kepentingan awam untuk kapal udara itu didaftarkan, atau terus didaftarkan, di Malaysia.

### **Kelayakan bagi pendaftaran**

6. (1) Ketua Pengarah boleh mendaftarkan suatu kapal udara di Malaysia atas nama seseorang yang layak.

(2) Seseorang yang layak ialah seseorang yang layak untuk memegang kepentingan di sisi undang-undang atau benefisial melalui pemilikan atau syer dalam kapal udara yang merupakan—

- (a) Kerajaan Malaysia;
- (b) seorang warganegara Malaysia; atau
- (c) suatu pertubuhan perbadanan dan mempunyai pejabat berdaftar di Malaysia.

(3) Jika seseorang yang bukan warganegara Malaysia atau suatu pertubuhan yang diperbadankan di luar Malaysia tetapi bermastautin atau mempunyai suatu tempat perniagaan di Malaysia memegang suatu kepentingan di sisi undang-undang atau benefisial melalui pemilikan atau syer dalam kapal udara, Ketua Pengarah boleh mendaftarkan kapal udara itu di Malaysia di atas nama orang itu dan kapal udara yang didaftarkan itu tidak boleh digunakan bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan.

(4) Jika suatu kapal udara dicarter secara demis atau disewakan kepada seseorang orang yang layak, Ketua Pengarah boleh, sama ada atau tidak pencarter secara demis atau penyewa itu seorang yang layak, mendaftarkan kapal udara itu di Malaysia.

(5) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, suatu kapal udara yang didaftarkan di bawah subperaturan (4) boleh terus didaftarkan selama carter atau sewaan itu berterusan.

### **Permohonan bagi pendaftaran**

7. (1) Permohonan bagi pendaftaran kapal udara di Malaysia hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(2) Pemohon hendaklah menyatakan perihal kapal udara yang betul mengikut klasifikasi am kapal udara sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama.

(3) Jika Ketua Pengarah meluluskan permohonan bagi pendaftaran kapal udara di Malaysia, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dan menetapkan tanda pendaftaran bagi kapal udara itu.

### **Penempahan tanda pendaftaran**

8. (1) Seseorang boleh memohon untuk menempah tanda pendaftaran bagi kapal udara yang didaftarkan di Malaysia.

(2) Permohonan bagi menempah tanda pendaftaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Selepas menerima permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menyimpan suatu tanda pendaftaran bagi suatu tempoh yang tidak melebihi 12 bulan jika tanda itu masih belum diuntukkan atau ditempah.

(4) Tanda pendaftaran yang telah ditempah di bawah subperaturan (3) tidak boleh diuntukkan kepada suatu kapal udara yang lain sebagai tanda pendaftaran selain atas permintaan orang yang atas permohonannya tanda pendaftaran itu disimpan.

#### **Tamat tempoh dan pembaharuan perakuan pendaftaran**

9. (1) Perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini sah bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui dari semasa ke semasa.

(2) Permohonan untuk membaharui perakuan pendaftaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189 dalam masa tiga puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh perakuan pendaftaran itu.

#### **Daftar Kapal Udara**

10. (1) Ketua Pengarah hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Kapal Udara bagi semua kapal udara yang didaftarkan di Malaysia.

(2) Daftar Kapal Udara hendaklah dalam bentuk dan mengandungi maklumat, perincian dan butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia**

11. (1) Sekiranya berlaku perubahan kepada pemilikan suatu kapal udara Malaysia, seseorang yang menjadi pemunya kapal udara Malaysia itu—

(a) hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis dalam masa dua puluh lapan hari dari tarikh dia menjadi pemunya; dan

(b) tidak boleh mengendalikan kapal udara itu sehingga Ketua Pengarah memberikan suatu perakuan pendaftaran yang baharu bagi kapal udara itu.

(2) Walau apa pun peraturan 9, suatu perakuan pendaftaran kapal udara Malaysia yang pemilikannya telah diubah hendaklah tamat tempoh pada tarikh pemindahan pemilikan kapal udara itu.

**Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia kepada orang yang tidak layak**

12. (1) Jika selepas suatu kapal udara didaftarkan di Malaysia seseorang orang yang tidak layak menjadi berhak sebagai pemunya kepentingan di sisi undang-undang atau benefisial melalui pemilikan atau syer dalam kapal udara itu, pendaftaran kapal udara itu menjadi tidak sah dan pemunya berdaftar hendaklah dengan segera memulangkan perakuan pendaftaran itu kepada Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), pendaftaran suatu kapal udara yang tertakluk kepada suatu gadai janji yang belum dilepaskan yang dimasukkan dalam Daftar Kapal Udara tidaklah menjadi tidak sah.

**Pembatalan pendaftaran kapal udara yang didaftarkan di Malaysia**

13. (1) Suatu kapal udara yang didaftarkan di Malaysia boleh dibatalkan pendaftaran dengan membuat suatu permohonan untuk pembatalan pendaftaran kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(2) Dalam hal suatu kapal udara yang tertakluk kepada gadai janji, Ketua Pengarah tidak boleh membatalkan pendaftaran kapal udara itu jika ada gadai janji yang dimasukkan belum dikeluarkan daripada Daftar Kapal Udara.

(3) Pembatalan pendaftaran bagi suatu kapal udara atau suatu pengeluaran bagi kemasukkan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara tidak boleh menjelaskan kepentingan bagi mana-mana pemegang gadai janji di bawah mana-mana gadai janji yang telah didaftarkan.

**Perubahan dalam Daftar Kapal Udara**

14. (1) Pemunya Berdaftar Kapal Udara Malaysia hendaklah dengan segera memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang—

- (a) apa-apa perubahan dalam maklumat yang diberikannya kepada Ketua Pengarah semasa permohonan dibuat untuk mendaftarkan kapal udara itu;
  - (b) pemusnahan kapal udara itu, atau penggunaannya ditarik balik secara kekal; atau
  - (c) penamatan carter demis atau sewaan dalam hal kapal udara didaftarkan di bawah subperaturan 6(4).
- (2) Ketua Pengarah boleh, apabila didapati olehnya perlu atau sesuai untuk berbuat demikian untuk memberi kesan kepada Bahagian ini atau untuk membetulkan atau mengemaskini Daftar Kapal Udara, meminda Daftar Kapal Udara itu, atau jika difikirkannya patut, membatalkan pendaftaran sesuatu kapal udara.
- (3) Tiada apa pun dalam Bahagian ini menghendaki Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran suatu kapal udara—
- (a) jika pada pendapat Ketua Pengarah ia tidak suai manfaat bagi kepentingan awam untuk membuat demikian; atau
  - (b) jika kapal udara adalah tertakluk kepada suatu gadai janji yang belum dilepaskan yang dimasukkan ke dalam Daftar Kapal Udara melainkan jika semua orang yang dinyatakan dalam Daftar Kapal Udara sebagai pemegang gadai janji kapal udara itu telah bersetuju dengan pembatalan itu.

#### **Carian maklumat dalam Daftar Kapal Udara**

15. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mencari maklumat berhubung dengan suatu kapal udara dalam Daftar Kapal Udara.
- (2) Permohonan untuk mencari maklumat dalam Daftar Kapal Udara hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

### **Kenegaraan dan tanda pendaftaran**

16. (1) Tiada seorang pun boleh menerangkan suatu kapal udara, selain kapal udara yang dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk terbang tanpa didaftarkan, melainkan jika kapal udara itu menunjukkan tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran bagi Negara Pendaftar.

(2) Tanda kenegaraan itu yang hendaklah ditunjukkan oleh suatu kapal udara yang didaftarkan di Malaysia ialah nombor Arab "9" dan huruf besar Roman "M".

(3) Tanda pendaftaran kapal udara yang didaftarkan di Malaysia hendaklah berupa suatu kumpulan tiga atau lebih huruf besar Roman, yang diberikan oleh Ketua Pengarah semasa pendaftaran kapal udara itu.

(4) Bagi maksud subperaturan (2) dan (3), suatu tanda sempang hendaklah diletakkan antara tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran.

(5) Tanpa menjaskan subperaturan (2), (3) dan (4), tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran hendaklah mematuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (7), suatu kapal udara yang tidak didaftarkan di mana-mana, tidak boleh menunjukkan apa-apa tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran yang boleh menunjukkan kapal udara itu didaftarkan di Malaysia atau mana-mana Negara lain.

(7) Suatu kapal udara yang tidak didaftarkan di mana-mana boleh menunjukkan tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah menurut suatu permit untuk terbang yang dikeluarkan di bawah peraturan 29, tetapi kapal udara itu tidak boleh disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Bahagian ini.

(8) Suatu kapal udara tidak boleh menunjukkan apa-apa tanda kenegaraan dan tanda pendaftaran yang boleh menunjukkan kapal udara itu ialah kapal udara

Malaysia atau suatu Negara tertentu jika kapal udara itu sebenarnya bukan, melainkan jika pihak berkuasa Malaysia atau Negara itu telah mengizinkan tanda itu ditunjukkan.

### **Kemasukan gadai janji kapal udara**

17. (1) Seseorang boleh memohon untuk memasukkan suatu gadai janji bagi suatu kapal udara dalam Daftar Kapal Udara dengan membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(2) Jika Ketua Pengarah membenarkan permohonan itu, Ketua Pengarah hendaklah memaklumkan pemohon tarikh, masa, dan nombor daftar bagi kemasukkan gadai janji itu dalam Daftar Kapal Udara.

(3) Jika dua atau lebih kapal udara yang tertakluk kepada satu gadai janji atau apabila satu kapal udara adalah tertakluk kepada dua atau lebih gadai janji, permohonan berasingan hendaklah dibuat bagi maksud subperaturan (1) berhubung dengan setiap kapal udara atau setiap gadai janji itu.

(4) Jika suatu gadai janji dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, permohonan untuk kemasukkan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara hendaklah disertakan dengan suatu salinan gadai janji dan satu terjemahan gadai janji itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

### **Pindaan butiran gadai janji dalam Daftar Kapal Udara**

18. Seseorang boleh memohon untuk meminda butiran gadai janji dalam Daftar Kapal Udara dengan membuat suatu permohonan kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

### **Pengeluaran kemasukan gadai janji dari Daftar Kapal Udara**

19. Seseorang boleh memohon untuk mengeluarkan kemasukan gadai janji dalam Daftar Kapal Udara dengan membuat permohonan kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

**Pemakaian Akta Bil Jualan 1950 dan peruntukan Akta Syarikat 1965**

20. (1) Peruntukan Akta Bil Jualan 1950 [*Akta 268*] setakat yang ia berhubung dengan bil jualan dan dokumen lain yang diberikan sebagai cagaran untuk pembayaran wang tidak terpakai bagi mana-mana gadai janji kapal udara yang didaftarkan dalam Daftar Kapal Udara.

(2) Seksyen 108 Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] hendaklah terus berkuat kuasa ke atas suatu gadai janji suatu kapal udara atau mana-mana syer dalam suatu kapal udara yang diwujudkan oleh suatu syarikat yang diperbadankan menurut Akta itu.

BAHAGIAN III  
KELAYAKAN TERBANG KAPAL UDARA

**Perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik**

21. (1) Suatu organisasi boleh terlibat dalam mana-mana peringkat reka bentuk, pengeluaran atau pembinaan apa-apa produk aeronautik di Malaysia jika organisasi itu mempunyai perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan dan pengubahan perakuan kelulusan hendaklah—

- (a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kehendak dalam subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan perakuan kelulusan sementara.

(4) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa organisasi yang mempunyai suatu perakuan kelulusan sementara telah menunjukkan kekompeten teknikal dalam reka bentuk, pengeluaran atau pembinaan produk aeronautik dan memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan kelulusan kepada organisasi itu.

(5) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat pada perakuan kelulusan tambahan atau perakuan kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

**Perakuan pengesahan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik**

22. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan pengesahan kepada mana-mana orang bagi kelulusan yang diberikan di bawah undang-undang mana-mana Negara bagi reka bentuk, pengeluaran atau pembinaan produk aeronautik.

(2) Permohonan bagi pengeluaran suatu perakuan pengesahan hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

**Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan produk aeronautik**

23. (1) Semua produk aeronautik hendaklah diluluskan atau disahkan oleh Ketua Pengarah dan bagi maksud itu, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang—

(a) suatu Perakuan Jenis atau pengesahan kepada suatu Perakuan Jenis; atau

(b) suatu kelulusan berhubung dengan produk aeronautik.

(2) Permohonan bagi pengeluaran atau pengesahan suatu Perakuan Jenis atau suatu kelulusan berhubung dengan suatu produk aeronautik hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

(3) Jika Ketua Pengarah menggantung atau membatalkan suatu Perakuan Jenis di bawah Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah hendaklah memaklumkan penggantungan atau pembatalan Perakuan Jenis itu kepada Negara Pendaftar yang telah memaklumkan kepada Ketua Pengarah bahawa ia telah memasukkan kapal udara itu dalam daftarnya.

**Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan reka bentuk pengubahsuaian dan pembaikan produk aeronautik**

24. (1) Semua reka bentuk pengubahsuaian major, pengubahsuaian minor atau pembaikan produk aeronautikal hendaklah diperakui, disahkan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah dan bagi maksud itu Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada mana-mana orang—

(a) suatu Perakuan Jenis Tambahan atau pengesahan kepada suatu Perakuan Jenis Tambahan bagi reka bentuk pengubahsuaian major;

(b) suatu kelulusan bagi reka bentuk pengubahsuaian minor; atau

(c) suatu kelulusan bagi reka bentuk pembaikan.

(2) Permohonan bagi pengeluaran atau pengesahan suatu Perakuan Jenis Tambahan atau kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

(3) Jika Ketua Pengarah menggantung atau membatalkan suatu Perakuan Jenis Tambahan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah hendaklah memaklumkan penggantungan atau pembatalan Perakuan Jenis Tambahan

itu kepada Negara Pendaftar yang telah memaklumkan kepada Ketua Pengarah bahawa ia telah memasukkan kapal udara itu dalam daftarnya.

(4) Bagi maksud peraturan ini—

- (a) “pengubahsuaian major” ertiaya pengubahsuaian suatu produk aeronautik yang pada pendapat Ketua Pengarah boleh memberi kesan kepada kelayakan terbang suatu kapal udara; dan
- (b) “pengubahsuaian minor” ertiaya pengubahsuaian suatu produk aeronautik yang pada pendapat Ketua Pengarah tidak memberi kesan kepada kelayakan terbang suatu kapal udara.

**Menerima pakai kod kelayakan terbang**

25. Ketua Pengarah boleh menerima pakai kod kelayakan terbang daripada mana-mana Negara Pejanji sebagai kod kelayakan terbang kebangsaan dengan pengubahsuaian sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Perakuan kelayakan terbang hendaklah berkuat kuasa**

26. (1) Tiada seseorang pun boleh menerangkan suatu kapal udara melainkan jika—

- (a) adanya berkuat kuasa bagi kapal udara itu suatu perakuan kelayakan terbang yang dikeluarkan atau dijadikan sah—
  - (i) di bawah undang-undang Negara Pendaftar; atau
  - (ii) di bawah undang-undang Negara Pengendali yang telah dipindahkan kepadanya semua atau sebahagian daripada fungsi dan tugas Negara Pendaftar berkenaan dengan kapal udara itu menurut Artikel 83bis Konvensyen Chicago; dan

(b) semua syarat yang tertakluk kepadanya perakuan kelayakan terbang yang dikeluarkan atau dijadikan sah telah dipatuhi.

(2) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi penerbangan yang dibuat secara keseluruhannya di dalam Malaysia, bagi—

(a) suatu glider;

(b) suatu belon;

(c) suatu layang-layang; dan

(d) suatu kapal udara yang diterbangkan mengikut permit untuk terbang yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 29 atau oleh suatu organisasi yang diluluskan di bawah peraturan 31(1)(a).

(3) Dalam hal suatu kapal udara Malaysia, perakuan kelayakan terbang yang disebut dalam subperaturan (1) ialah perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(4) Permohonan bagi pengeluaran atau pembaharuan perakuan kelayakan terbang di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

(5) Perakuan kelayakan terbang yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sah bagi tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu.

### **Perakuan kelayakan terbang terhenti berkuat kuasa**

27. (1) Perakuan kelayakan terbang terhenti berkuat kuasa—

(a) semasa kapal udara atau apa-apa kelengkapannya yang perlu bagi kelayakan terbang kapal udara itu sedang atau telah dibaik pulih, dibaiki, diganti, diubah suai atau disenggara;

- (b) jika penyenggaraan kapal udara atau apa-apa kelengkapan yang perlu bagi kelayakan terbang kapal udara itu dikehendaki oleh suatu program penyenggaraan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (c) jika mana-mana bahagian kapal udara atau kelengkapan diubah suai, dialih atau diganti, selain dengan suatu cara dan dengan suatu bahan daripada jenis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi maksud sama ada secara umum atau berhubungan dengan suatu kelas kapal udara atau kapal udara tertentu;
- (d) sehingga disempurnakan dengan memuaskan apa-apa pemeriksaan bagi maksud untuk menentukan sama ada kapal udara itu masih layak terbang yang atau telah dikehendaki oleh—
  - (i) Ketua Pengarah; atau
  - (ii) suatu program penyenggaraan bagi kapal udara itu yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (e) sehingga penyempurnaan yang memuaskan apa-apa pengubahsuaian kapal udara atau apa-apa kelengkapannya sebagaimana dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi maksud untuk memastikan kapal udara itu masih layak terbang;
- (f) jika kapal udara itu, enjin, bebaling atau kelengkapannya yang perlu bagi kelayakan terbang kapal udara itu diubah suai atau dibaiki melainkan jika pengubahsuaian atau pembaikan itu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu;
- (g) jika kelengkapan tambahan, radio atau kelengkapan radio penerbangan—

- (i) bukan daripada jenis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada secara umum atau berhubung dengan suatu kapal udara atau kelas kapal udara; atau
  - (ii) tidak dipasang dengan cara yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.
- (h) jika kapal udara telah dibatalkan pendaftarannya daripada Daftar Kapal Udara;
- (i) jika terdapat perubahan dalam organisasi pengurusan layak terbang berterusan; atau
- (j) jika terdapat perubahan pengendali kapal udara.

(2) Perakuan kelayakan terbang yang terhenti berkuat kuasa di bawah perenggan (1)(a) hingga (g) menjadi sah apabila pelepasan penyenggaraan dikeluarkan di bawah peraturan 30.

#### **Perakuan kelayakan terbang untuk eksport**

28. (1) Seorang pemunya atau pengendali suatu kapal udara boleh memohon suatu perakuan kelayakan terbang untuk eksport untuk mengesahkan semakan yang memuaskan berkenaan dengan status kelayakan terbang kapal terbang itu.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan kelayakan terbang untuk eksport hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

#### **Pengeluaran, pembaharuan dan pengubahana permit untuk terbang**

29. (1) Seseorang boleh menerangkan suatu kapal udara Malaysia tanpa perakuan kelayakan terbang jika orang itu mempunyai suatu permit untuk terbang yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan dan pengubahan permit untuk terbang hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Melainkan jika dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, seorang pemegang perakuan pengendali udara yang mempunyai suatu permit untuk terbang tidak boleh—

(a) menerangkan suatu kapal udara bagi maksud pengendalian pengangkutan udara komersial; dan

(b) membawa dalam penerbangan seseorang yang bukan anggota kru penerbangan.

(4) Permit untuk terbang terhenti berkuat kuasa—

(a) jika mana-mana syarat permit itu tidak dipatuhi;

(b) sehingga disempurnakan apa-apa pemeriksaan, pengubahsuaian atau penyenggaraan kapal udara atau mana-mana kelengkapannya, yang dikehendaki untuk menentukan sama ada kapal udara itu layak untuk terbang dan dikehendaki—

(i) oleh Ketua Pengarah; atau

(ii) sebagai suatu syarat permit untuk terbang; atau

(c) jika kapal udara, enjin, bebaling atau kelengkapannya yang perlu bagi menentukan sama ada kapal udara itu layak untuk terbang diubah suai atau dibaiki melainkan jika pembaikan atau pengubahsuaian itu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah atau oleh seseorang atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi maksud itu.

**Kehendak bagi pelepasan penyenggaraan**

30. (1) Tiada seorang pun boleh menerangkan suatu kapal udara Malaysia yang baginya suatu perakuan kelayakan terbang telah atau akan dikeluarkan di bawah peraturan 26 jika mana-mana bahagian kapal udara itu atau kelengkapannya yang perlu bagi kelayakan terbang kapal udara telah diperiksa, dibaik pulih, dibaiki, diganti, diubah suai atau diselenggara sehingga suatu pelepasan penyenggaraan telah dikeluarkan oleh orang yang disebut dalam subperaturan (2).

(2) Pelepasan penyenggaraan boleh dikeluarkan oleh—

- (a) seseorang yang mempunyai suatu perakuan kelulusan di bawah perenggan 31(1)(b); atau
- (b) seseorang yang mempunyai suatu lesen penyenggaraan kapal udara di bawah peraturan 35.

**Kelulusan bagi organisasi untuk terlibat dalam pengurusan kelayakan terbang berterusan, penyenggaraan produk aeronautik dan latihan penyenggaraan**

31. (1) Suatu organisasi boleh terlibat dalam mana-mana peringkat—

- (a) pengurusan layak terbang berterusan;
- (b) penyenggaraan produk aeronautik; atau
- (c) latihan penyenggaraan,

jika organisasi itu mempunyai suatu perakuan kelulusan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan suatu perakuan kelulusan hendaklah—

- (a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;

- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon itu memenuhi kehendak dalam subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan kelulusan sementara.

(4) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa organisasi yang mempunyai suatu perakuan kelulusan sementara itu telah menunjukkan kekompeten teknikal dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan kelulusan kepada orang atau organisasi itu.

(5) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat atas perakuan kelulusan sementara atau perakuan kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

#### **Kelulusan organisasi berhubung dengan penyenggaraan dan latihan penyenggaraan**

32. (1) Suatu organisasi yang ditubuhkan dan beroperasi di luar Malaysia boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu perakuan kelulusan berhubung dengan penyenggaraan produk aeronautik atau latihan penyenggaraan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan perakuan kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

#### **Penandatangan yang diluluskan**

33. (1) Tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah, mana-mana orang yang mempunyai suatu perakuan kelulusan yang dikeluarkan di bawah peraturan 21, 31 atau 32 boleh melantik mana-mana pekerja sebagai seorang

penandatangan yang diluluskan untuk melaksanakan semakan kelayakan terbang, penilaian bagi pengubahsuaian dan pembetahan, pemeriksaan dan penilaian praktikal bagi latihan atau apa-apa tugas kelayakan terbang khas yang lain.

(2) Permohonan bagi kelulusan atau pembaharuan kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

### **Maklumat layak terbang berterusan yang mandatori**

34. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu maklumat layak terbang berterusan yang mandatori, termasuk apa-apa perubahan kepada maklumat layak terbang berterusan yang mandatori itu, jika dia mendapati bahawa maklumat itu perlu bagi kelayakan terbang berterusan suatu kapal udara, termasuk enjin dan bebalingnya jika terpakai, dan bagi pengendalian selamat kapal udara itu.

(2) Maklumat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikeluarkan kepada—

(a) jika Malaysia ialah Negara Reka Bentuk—

(i) Negara Pendaftar yang telah memaklumkan kepada Ketua Pengarah bahawa negara itu telah memasukkan kapal udara itu dalam daftarnya; dan

(ii) pengendali di Malaysia; atau

(b) jika Malaysia ialah Negara Pendaftar, Negara Reka Bentuk dan pengendali di Malaysia.

### **Lesen penyenggaraan kapal udara**

35. (1) Seseorang boleh melibatkan diri dalam penyenggaraan suatu kapal udara jika orang itu mempunyai suatu lesen penyenggaraan kapal udara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan suatu lesen penyenggaraan di bawah subperaturan (1) hendaklah—

- (a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan
- (c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat bagi lesen penyenggaraan kapal udara yang dikeluarkan di bawah peraturan ini.

(4) Seseorang yang mempunyai lesen penyenggaraan kapal udara boleh, tertakluk kepada kategori, perkelasan dan sekatan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu, mengeluarkan pelepasan penyenggaraan di bawah peraturan 30.

(5) Lesen penyenggaraan kapal udara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sah bagi tempoh yang dinyatakan dalam lesen itu.

(6) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan untuk mengesahkan apa-apa lesen penyenggaraan kapal udara yang dikeluarkan oleh mana-mana Negara Pejanji tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(7) Lesen penyenggaraan kapal udara yang dikeluarkan di bawah peraturan ini adalah tidak sah melainkan pemegangnya menandatangani namanya dengan dakwat dalam tandatangannya yang biasa.

(8) Seseorang pemegang lesen penyenggaraan suatu kapal udara tidak boleh melaksanakan keistimewaan bagi lesen itu jika—

- (a) dia mengetahui atau mempercayai bahawa keadaan fizikal atau mentalnya menyebabkan dia tidak layak untuk melaksanakan keistemewaan itu; atau
- (b) dia di bawah pengaruh alkohol, apa-apa dadah atau apa-apa bahan psikoaktif, termasuk perubatan yang ditetapkan atau perubatan propietari.

**Peperiksaan dan ujian yang berhubungan dengan lesen penyenggaraan kapal udara**

36. Seseorang boleh memohon untuk menduduki peperiksaan atau ujian bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan suatu lesen penyenggaraan kapal udara mengikut peraturan 189.

**Kelulusan bagi kursus latihan dan pengajaran bagi penyenggaraan kapal udara**

37. (1) Ketua Pengarah boleh—

- (a) meluluskan apa-apa kursus latihan atau pengajaran bagi penyenggaraan kapal udara; atau
- (b) meluluskan mana-mana orang untuk menyediakan atau menjalankan apa-apa kursus latihan atau pengajaran bagi penyenggaraan kapal udara, atau untuk menjalankan peperiksaan dan ujian bagi maksud pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan suatu lesen penyenggaraan kapal udara.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

**Rekod kapal udara**

38. (1) Seseorang pengendali atau pemunya suatu kapal udara Malaysia hendaklah menyimpan rekod kapal udara seperti yang berikut:

- (a) suatu buku log kapal udara;
- (b) suatu buku log yang berasingan bagi setiap enjin yang dipasang di dalam kapal udara itu;
- (c) suatu buku log yang berasingan bagi setiap bebaling pic boleh ubah yang dipasang di dalam kapal udara itu; dan
- (d) suatu buku log perjalanan.

(2) Rekod kapal udara yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dalam bentuk dan cara dan mengandungi maklumat, perincian dan butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **Penyempurnaan dan penyimpanan rekod**

39. Ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan hendaklah, pada pengakhiran tiap-tiap penerbangan, mencatatkan dalam buku log penerbangan maklumat, perincian dan butiran sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **Kelengkapan bagi pengendalian kapal udara**

40. (1) Ketua juruterbang tidak boleh menerangkan suatu kapal udara melainkan jika ia dilengkapi dengan kelengkapan yang—

- (a) mematuhi Peraturan-Peraturan ini dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) mematuhi undang-undang Negara Pendaftar dan Negara Pengendali;
- (c) membolehkan lampu dan tandaan dipamerkan; dan
- (d) membolehkan isyarat diberikan.

(2) Pengendali suatu kapal udara Malaysia hendaklah memastikan kelengkapan yang dikehendaki untuk disediakan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah daripada jenis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada secara umum atau berhubung dengan suatu kelas kapal udara atau berhubung dengan kapal udara itu dan hendaklah dipasang dengan cara yang diluluskan.

(3) Dalam mana-mana hal atau kelas hal tertentu, Ketua Pengarah boleh mengarahkan suatu kapal udara Malaysia untuk membawa kelengkapan atau bekalan tambahan bagi maksud untuk—

- (a) memudahkan penerbangan kapal udara itu;
- (b) menjalankan operasi mencari dan menyelamat; atau
- (c) memastikan keselamatan dan keberterusan hidup orang yang dibawa di dalam kapal udara itu.

(4) Ketua juruterbang hendaklah memastikan kelengkapan yang dibawa atau akan dibawa dipasang atau disimpan, dan terus disimpan, dan disenggara dan dilaraskan supaya tersedia untuk diakses dan boleh digunakan oleh orang yang bagi kegunaannya kelengkapan itu dimaksudkan diniatkan.

(5) Pengendali hendaklah memastikan kedudukan bagi kelengkapan yang disediakan untuk kegunaan kecemasan ditunjukkan dengan tandaan yang jelas di dalam atau pada kapal udara itu.

(6) Pengendali hendaklah memastikan semua kelengkapan yang dipasang atau dibawa di dalam kapal udara, dipasang atau disimpan dan disenggara dan dilaraskan supaya tidak dengan sendirinya menjadi punca kepada bahaya atau menjelaskan kelayakan terbang kapal udara itu atau fungsi sempurna bagi apa-apa kelengkapan atau perkhidmatan yang perlu bagi keselamatan kapal udara itu.

(7) Pengendali hendaklah memastikan semua kelengkapan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (1) disenggara dalam keadaan yang boleh digunakan.

**Kelengkapan radio bagi pengendalian kapal udara**

41. (1) Ketua juruterbang tidak boleh menerbangkan suatu kapal udara melainkan jika—

(a) ia dilengkapi dengan radio dan kelengkapan radio penerbangan yang mematuhi undang-undang Negara Pejanji atau Negara Pengendali dan membolehkan komunikasi dibuat; dan

(b) kapal udara itu diterbangkan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali, dalam hal suatu kapal udara Malaysia, hendaklah memastikan kelengkapan yang dikehendaki untuk disediakan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah daripada jenis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada secara umum atau berhubung dengan suatu kelas kapal udara atau berhubung dengan suatu kapal udara itu dan hendaklah dipasang dengan cara yang diluluskan sedemikian.

(3) Pengendali hendaklah memastikan radio dan kelengkapan radio penerbangan yang dikehendaki untuk disediakan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah jenis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada secara umum atau berhubung dengan suatu kelas bagi kapal udara atau berhubung dengan suatu kapal udara tersebut dan hendaklah dipasang dengan cara yang diluluskan.

(4) Pengendali hendaklah memastikan radio dan kelengkapan radio penerbangan disenggara dalam keadaan yang boleh digunakan.

### **Kehendak minimum kelengkapan**

42. (1) Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan kepada pemunya atau pengendali suatu kapal udara Malaysia untuk membenarkan kapal udara itu memulakan suatu penerbangan dalam hal keadaan yang dinyatakan walau pun mana-mana item kelengkapan yang ditetapkan termasuk radas radio yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dibawa dalam hal keadaan penerbangan yang dimaksudkan itu tidak dibawa atau dalam keadaan tidak sesuai untuk digunakan.

(2) Suatu kapal udara Malaysia tidak boleh memulakan suatu penerbangan jika apa-apa item kelengkapan yang ditentukan termasuk radas radio yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dibawa dalam hal keadaan penerbangan yang dimaksudkan itu tidak dibawa atau tidak berada dalam berkeadaan sesuai untuk digunakan melainkan jika—

(a) kapal udara itu berkeadaan demikian di bawah terma kelulusan yang diberikan di bawah subperaturan (1) kepada pengendali dan mengikut Senarai Minimum Kelengkapan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) dalam hal suatu kapal udara yang baginya peraturan 111 terpakai, manual pengendalian yang terpakai mengandungi butiran kelulusan itu.

(3) Untuk mengelakkan keraguan, suatu kelulusan di bawah peraturan ini tidak boleh diberikan bagi apa-apa kelengkapan di bawah peraturan 40 dan 41.

### **Jadual berat kapal udara**

43. (1) Pemohon bagi suatu perakuan kelayakan terbang atau permit untuk terbang suatu kapal udara hendaklah menyebabkan kapal udara itu ditimbang dan kedudukan pusat gravitinya ditentukan pada masa dan dengan cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi kapal udara itu.

(2) Apabila kapal udara itu ditimbang, pemohon hendaklah menyediakan suatu jadual berat dalam masa dan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang menunjukkan—

(a) sama ada berat asas atau berat lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi kapal udara itu; dan

(b) sama ada kedudukan pusat graviti kapal udara itu pada berat asasnya atau pada kedudukan lain pusat graviti sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi kapal udara itu.

(3) Tertakluk kepada peraturan 162, jadual berat itu hendaklah disimpan kekal oleh pemohon sekurang-kurangnya enam bulan selepas kapal udara itu ditimbang berikutnya bagi maksud peraturan ini.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “berat asas” ertiya berat kosong kapal udara yang dinyatakan mengikut asas pemerakuan jenis kapal udara itu.

#### BAHAGIAN IV STANDARD ALAM SEKELILING

##### **Perakuan bunyi bising**

44. (1) Tiada pengendali boleh menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara yang didaftarkan di Malaysia untuk diterbangkan bagi penerbangan antarabangsa melainkan jika pengendali itu mempunyai perakuan bunyi bising yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan bunyi bising di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “penerbangan antarabangsa” ertiya mana-mana penerbangan yang termasuk laluan melintasi sempadan mana-mana Negara.

## **Kehendak bagi perakuan bunyi bising oleh kapal udara yang didaftarkan di luar Malaysia**

45. Tiada pengendali boleh menerbangkan, mendarat atau berlepas mana-mana kapal udara yang didaftarkan di bawah undang-undang mana-mana Negara di Malaysia melainkan jika pengendali itu telah dikeluarkan suatu perakuan bunyi bising oleh pihak berkuasa yang kompeten Negara Pendaftar.

## **Perakuan bunyi bising hendaklah dibawa**

46. (1) Seseorang pengendali kapal udara yang telah dikeluarkan suatu perakuan bunyi bising di bawah peraturan 45 atau di bawah undang-undang Negara Pendaftar hendaklah membawa perakuan itu apabila dalam penerbangan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), dalam hal suatu perakuan bunyi bising yang dikeluarkan di bawah peraturan 45, jika penerbangan dimaksudkan untuk bermula dan berakhir di aerodrom yang sama, perakuan itu boleh disimpan di aerodrom itu.

## **BAHAGIAN V**

### **KRU KAPAL UDARA DAN PELESENAN**

#### **Tafsiran**

47. Dalam Bahagian ini, "lesen yang berkaitan" ertinya suatu lesen yang memberikan hak kepada pemegangnya untuk menjalankan fungsi yang sedang dilakukan berhubung dengan suatu kapal udara pada suatu penerbangan tertentu.

#### **Komposisi kru kapal udara**

48. (1) Pengendali tidak boleh menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara untuk terbang di Malaysia melainkan jika kapal udara itu membawa bilangan kru penerbangan dan perihal sebagaimana yang dinyatakan dalam manual penerbangan yang dikehendaki oleh undang-undang Negara atau Malaysia, yang baginya kapal udara itu didaftarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Pengendali suatu kapal udara Malaysia yang tidak mempunyai manual penerbangan hendaklah memastikan kapal udara itu membawa sekurang-kurangnya bilangan dan perihal kru penerbangan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam mana-mana dokumen yang berkaitan dengan perakuan kelayakan terbang atau permit untuk terbang.

(3) Dalam hal suatu kapal udara Malaysia yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dilengkapi dengan kelengkapan radio komunikasi, pengendali itu hendaklah memastikan kru penerbangan itu terdiri daripada seorang kru penerbangan yang mempunyai suatu lesen pengendali radioteleponi penerbangan.

**Juruterbang dikehendaki dalam penerbangan pengangkutan udara komersial**

49. (1) Tiada pengendali boleh menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara Malaysia yang merupakan—

- (a) suatu kapal terbang yang digerakkan oleh satu atau lebih jet turbin;
- (b) suatu kapal terbang yang digerakkan oleh satu atau lebih enjin turbin bebalung dan dengan konfigurasi tempat duduk penumpang diluluskan yang maksimum sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau
- (c) suatu helikopter dengan maksimum konfigurasi tempat duduk penumpang yang diluluskan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah,

untuk diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika kapal udara itu membawa sekurang-kurangnya dua juruterbang sebagai anggota kru penerbangan.

(2) Suatu kapal udara Malaysia, selain kapal udara yang disebut dalam subperaturan (1), hendaklah membawa sekurang-kurangnya dua juruterbang sebagai

anggota kru penerbangan jika ia diterbangkan dalam hal keadaan apabila ketua juruterbang dikehendaki untuk mematuhi kaedah-kaedah penerbangan alatan atau diterbangkan pada waktu malam melainkan jika penggunaan juruterbang tunggal diluluskan oleh Ketua Pengarah atau ia suatu helikopter yang diterbangkan pada siang hari dan sentiasa di luar awan dan dengan permukaan boleh dilihat.

#### **Latihan dan ujian bagi penerbangan solo atau dual**

50. Seseorang boleh bertindak sebagai juruterbang suatu kapal udara di bawah Peraturan-Peraturan ini bagi penerbangan solo atau dual bagi maksud untuk menjadi layak bagi pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen juruterbang atau bagi pemasukan, perlanjutan atau pengubahan suatu perkelasan dalam lesen juruterbang tanpa menjadi pemegang lesen yang berkaitan jika orang itu telah memenuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

#### **Bilangan anggota kru kabin yang dikehendaki dalam kapal udara**

51. (1) Pengendali suatu kapal udara Malaysia boleh menyebabkan atau membenarkan kapal udara itu diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial jika kapal udara itu membawa bilangan anggota kru kabin sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh memberikan suatu kebenaran bertulis kepada seseorang pengendali untuk membawa bilangan anggota kru kabin yang kurang dalam mana-mana kapal udara tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(3) Dalam memberikan kebenaran di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah mengambil kira keselamatan kapal udara dan penumpang.

#### **Kuasa untuk mengarahkan penambahan kru penerbangan dan anggota kru kabin atas kapal udara**

52. Ketua Pengarah boleh, bagi maksud keselamatan kapal udara dan penumpang, mengarahkan pengendali suatu kapal udara Malaysia bahawa semua atau mana-mana kapal udara yang dikendalikan oleh pengendali itu, apabila membuat penerbangan

dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam arahan itu, untuk membawa sebilangan kru penerbangan tambahan atau anggota kru kabin sebagai tambahan kepada kru penerbangan atau anggota kru kabin yang dikehendaki untuk dibawa oleh Bahagian ini.

**Kehendak bagi lesen berhubung dengan anggota kru penerbangan**

53. (1) Seseorang boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan suatu kapal udara Malaysia jika orang itu mempunyai lesen yang berkaitan yang diberikan atau yang disahkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang pemegang suatu lesen yang diendoskan yang menyatakan bahawa pemegang lesen itu tidak menepati sepenuhnya standard antarabangsa dan telah diberikan atau dijadikan sah di bawah Peraturan-Peraturan ini, tidak boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan bagi kapal udara yang didaftarkan di Malaysia, yang terbang di dalam atau melintasi Negara Pejanji kecuali mengikut kebenaran yang diberikan oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Negara Pejanji itu.

(3) Pemegang suatu lesen yang diberikan atau dijadikan sah di bawah undang-undang suatu Negara Pejanji, yang merupakan lesen yang diendoskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam subperaturan (2), tidak boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan mana-mana kapal udara di dalam atau melintasi Malaysia kecuali mengikut kebenaran yang diberikan oleh Ketua Pengarah, sama ada lesen itu dijadikan sah atau tidak di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**Kehendak bagi lesen yang berkaitan berhubung dengan kapal udara yang didaftarkan dalam suatu Negara**

54. Seseorang yang telah diberikan lesen di bawah peraturan 59 tidak boleh bertindak sebagai anggota bagi kru penerbangan dalam suatu kapal udara yang didaftarkan dalam suatu Negara melainkan jika—

(a) dalam hal suatu kapal udara yang diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan, orang itu ialah pemegang suatu lesen yang berkaitan yang diberikan atau dijadikan sah

di bawah undang-undang bagi Negara itu yang baginya kapal udara itu didaftarkan; atau

- (b) dalam hal suatu kapal udara bagi penerbangan persendirian, orang itu ialah pemegang suatu lesen yang berkaitan yang diberikan atau dijadikan sah di bawah undang-undang Negara itu yang baginya kapal udara itu didaftarkan, dan Ketua Pengarah dalam hal tertentu itu tidak memberikan suatu arahan yang sebaliknya.

### **Pengendali radioteleponi penerbangan**

55. (1) Seseorang boleh bertindak sebagai pengendali radioteleponi penerbangan dalam Malaysia jika orang itu mempunyai suatu lesen pengendali radioteleponi yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran atau pembaharuan lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang boleh bertindak sebagai pengendali radioteleponi penerbangan dalam Malaysia tanpa suatu lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan ini jika—

- (a) orang itu berbuat demikian sebagai juruterbang suatu glider yang terbang bukan bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan atau sebagai seorang yang sedang menjalani latihan di dalam suatu kapal udara Malaysia untuk menjalankan tugas sebagai seorang anggota kru penerbangan bagi kapal udara itu;
- (b) orang itu dibenarkan untuk mengendalikan stesen radioteleponi oleh pemegang lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan stesen itu oleh mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Malaysia;

- (c) mesej dihantar hanya bagi maksud untuk memberi arahan, atau untuk keselamatan atau penerbangan kapal udara itu;
- (d) mesej dihantar hanya pada suatu frekuensi melebihi 60 megakitar sesaat sebagaimana yang diberikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia;
- (e) pemancar telah disetkan terlebih dahulu pada satu atau lebih frekuensi yang diberikan dan tidak boleh dilaras dalam penerbangan kepada mana-mana frekuensi lain;
- (f) pengendalian pemancar itu menghendaki penggunaan suis luaran sahaja; dan
- (g) kestabilan frekuensi yang dipancarkan dikekalkan secara automatik oleh pemancar itu.

### **Pegawai pengendalian penerbangan/pengirim penerbangan**

56. Pengendali hendaklah memastikan mana-mana orang yang bertindak sebagai pegawai pengendali penerbangan/pengirim penerbangan memenuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Jurutera penerbangan**

57. Seseorang boleh bertindak sebagai jurutera penerbangan kapal udara Malaysia tanpa menjadi pemegang suatu lesen yang berkaitan yang diberikan atau dijadikan sah di bawah Peraturan-Peraturan ini jika—

- (a) penerbangan itu adalah bagi maksud untuk menjalani latihan atau ujian bagi pemberian atau pembaharuan suatu lesen jurutera penerbangan atau bagi pemasukan, pembaharuan atau perlanjutan suatu perkelasan dalam lesen itu; dan

- (b) orang itu bertindak di bawah penyeliaan dan dalam kehadiran orang yang lain yang mempunyai lesen atau perkelasan yang baginya orang itu menjalani latihan atau ujian yang baginya dia sedang dilatih atau diuji.

#### **Anggota angkatan tentera**

58. Seseorang yang merupakan anggota angkatan tentera boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan suatu kapal udara Malaysia tanpa menjadi pemegang lesen kru penerbangan yang diberikan atau disahkan di bawah Peraturan-Peraturan ini jika—

- (a) dia berkhidmat sebagai seorang juruterbang bertauliah bagi mana-mana kapal udara jenis yang sama dalam angkatan tentera;
- (b) keadaan fizikalnya tidak, setakat yang dia sedar, merosot ketika itu sehingga menjadikan dia tidak layak untuk mendapatkan lesen yang dia berhasrat untuk mendapatkannya; dan
- (c) dalam berbuat demikian, orang itu bertindak dalam menjalankan tugas sebagai anggota angkatan tentera.

#### **Pengeluaran, pembaharuan dan kesan lesen kru penerbangan**

59. (1) Ketua Pengarah boleh memberi, membaharui atau mengubah suatu lesen atau memasukkan atau membaharui suatu perkelasan dalam lesen bagi kelas-kelas berikut yang membenarkan pemegang lesen itu untuk bertindak sebagai anggota kru penerbangan suatu kapal udara Malaysia:

- (a) lesen juruterbang pelatih;
- (b) lesen juruterbang persendirian (kapal terbang);
- (c) lesen juruterbang persendirian (helikopter dan pesawat giro);
- (d) lesen juruterbang persendirian (belon dan pesawat udara);

- (e) lesen juruterbang komersial (kapal terbang);
- (f) lesen juruterbang komersial (helikopter dan pesawat giro);
- (g) lesen juruterbang komersial (belon);
- (h) lesen juruterbang komersial (pesawat udara);
- (i) lesen juruterbang komersial (glider);
- (j) lesen juruterbang kru pelbagai (kapal terbang);
- (k) lesen juruterbang perkhidmatan kapal udara pengangkutan (kapal terbang);
- (l) lesen juruterbang perkhidmatan kapal udara pengangkutan (helikopter dan pesawat giro);
- (m) lesen jurutera penerbangan; atau
- (n) lesen pengendali radioteleponi penerbangan.

(2) Permohonan bagi pemberian, pembaharuan atau pengubahan suatu lesen atau pemasukan, pembaharuan atau perkelasan dalam suatu lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah—

- (a) dibuat kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) disertakan dengan fi yang ditetapkan; dan

(c) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh mengenakan terma dan syarat semasa mengeluarkan, membaharui suatu lesen atau semasa memasukkan atau membaharui perkelasan dalam suatu lesen yang diberikan di bawah peraturan ini.

(4) Lesen yang diberikan di bawah peraturan ini tidak sah melainkan jika ia ditandatangani oleh pemegang dalam bentuk dakwat.

(5) Tertakluk kepada terma dan syarat yang Ketua Pengarah boleh kenakan, suatu lesen bagi mana-mana kelas memberikan hak kepada pemegang untuk menjalankan fungsi yang dinyatakan dalam lesen atau perkelasan dalam lesen itu.

#### **Kehendak perubatan bagi pemegang lesen**

60. (1) Pemegang suatu lesen yang diberikan di bawah peraturan 59, selain lesen pengendali radiotelefoni penerbangan, tidak boleh menjalankan mana-mana fungsi yang baginya lesen itu berkaitan melainkan jika ia mempunyai satu perakuan perubatan berkaitan yang sah.

(2) Pemohon atau pemegang suatu lesen di bawah peraturan 59 hendaklah, dalam keadaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah, menyerahkan diri untuk suatu pemeriksaan perubatan oleh seorang pemeriksa perubatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, sama ada secara umum atau dalam suatu hal tertentu atau kelas hal, yang hendaklah membuat suatu laporan kepada Ketua Pengarah dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah itu.

(3) Pemeriksaan perubatan yang disebut dalam subperaturan (2) boleh dijalankan di Malaysia atau luar Malaysia.

(4) Pemeriksa perubatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan perubatan yang menyatakan bahawa pemohon atau

pemegang lesen itu menepati kehendak yang dinyatakan berkaitan dengan perakuan perubatan itu.

(5) Perakuan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) sah bagi tempoh yang dinyatakan dalam perakuan itu dan disifatkan menjadi sebahagian daripada lesen itu.

(6) Perakuan perubatan yang dikeluarkan di bawah subperaturan (4) hendaklah disifatkan sah bagi tempoh yang diendorskan oleh pemeriksa perubatan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Peperiksaan dan ujian yang berhubungan dengan lesen kru penerbangan**

61. Seseorang boleh memohon untuk menduduki suatu peperiksaan atau ujian bagi pengeluaran atau pembaharuan suatu lesen kru penerbangan atau pemasukan atau pembaharuan perkelasan dalam lesen kru penerbangan lesen mengikut peraturan 189.

### **Pemegang lesen tidak boleh bertindak sebagai anggota kru penerbangan apabila tidak sihat**

62. (1) Pemegang lesen kru penerbangan yang—
- (a) mengalami apa-apa kecederaan yang melibatkan ketidakupayaan untuk menjalankan fungsi yang berhubung dengan lesen;
  - (b) menghidapi apa-apa penyakit yang melibatkan ketidakupayaan untuk menjalankan fungsi itu sepanjang tempoh melebihi dua puluh satu hari;
  - (c) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia mengandung;
  - (d) dikehendaki untuk menjalani rawatan yang berterusan dengan apa-apa preskripsi perubatan; atau

- (e) telah menerima rawatan perubatan yang menghendaki dimasukkan ke hospital,

hendaklah—

- (A) dengan seberapa segera yang mungkin memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis tentang kecederaan, penyakit, kandungan atau rawatan atau dengan seberapa segera yang mungkin selepas tempoh dua puluh satu hari telah berlalu dalam hal penyakit yang disebut dalam perenggan (b); dan
- (B) tidak menjalankan keistimewaan bagi lesen dan perkelasan sehingga dia telah memuaskan hati pemeriksa perubatan bahawa kelayakan perubatannya telah pulih semula ke standard sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Lesen kru penerbangan hendaklah disifatkan telah digantung apabila kecederaan itu berlaku atau tempoh penyakit yang dinyatakan dalam subperenggan (1) telah berlalu.

(3) Penggantungan lesen kru penerbangan terhenti—

- (a) apabila pemegang lesen diperiksa secara perubatan di bawah perkiraan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dan disahkan layak untuk menyambung semula fungsinya di bawah lesen itu; atau
- (b) apabila Ketua Pengarah mengecualikan pemegang lesen daripada kehendak bagi pemeriksaan perubatan tertakluk kepada syarat sebagaimana Ketua Pengarah fikirkan patut.

(4) Lesen kru penerbangan hendaklah disifatkan telah digantung apabila kehamilan dikesan dan hendaklah terus digantung sehingga pemegang telah menjalani

pemeriksaan perubatan selepas kehamilan berakhir dan disahkan layak untuk menyambung semula tugasnya di bawah lesen itu.

### **Pengesahan lesen kru penerbangan**

63. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan pengesahan bagi mana-mana lesen kru penerbangan yang diberikan di bawah undang-undang mana-mana Negara.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

### **Organisasi latihan yang diluluskan**

64. (1) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud Bahagian ini—

- (a) meluluskan apa-apa kursus latihan atau pengajaran;
- (b) membenarkan mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa peperiksaan atau ujian; atau
- (c) meluluskan mana-mana orang atau organisasi untuk menyediakan apa-apa kursus latihan atau pengajaran.

(2) Permohonan bagi suatu kelulusan, kebenaran atau pembaharuan kelulusan atau kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

### **Pemeriksa yang dibenarkan**

65. (1) Seseorang boleh menjalankan peperiksaan atau ujian bagi pemberian, pemasukan atau pembaharuan perkelasan dalam suatu lesen juruterbang jika orang itu dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kebenaran atau pembaharuan kebenaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, mana-mana orang yang telah dibenarkan untuk menjalankan suatu peperiksaan atau ujian boleh menjalankan peperiksaan atau ujian itu dengan menggunakan—

- (a) suatu kapal udara; atau
- (b) suatu peranti simulasi latihan penerbangan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Pengajaran dalam penerbangan**

66. (1) Seseorang boleh, dengan kelulusan Ketua Pengarah, memberi apa-apa pengajaran dalam penerbangan kepada mana-mana orang yang menerbangkan atau akan menerbangkan suatu kapal udara bagi maksud untuk menjadi layak bagi—

- (a) diberikan suatu lesen juruterbang; atau
- (b) pemasukan, pembaharuan atau pengubahan bagi perkelasan dalam suatu lesen juruterbang.

(2) Permohonan bagi kelulusan atau pembaharuan kelulusan untuk memberikan pengajaran dalam penerbangan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, seseorang yang diluluskan untuk memberikan pengajaran dalam penerbangan boleh memberikan pengajaran dalam penerbangan dengan menggunakan—

- (a) suatu kapal udara; atau
- (b) suatu peranti simulasi latihan penerbangan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

### **Kelab penerbangan**

67. (1) Tiada kelab penerbangan boleh memberikan pengajaran dalam penerbangan kepada mana-mana orang bagi maksud untuk menjadi layak bagi mendapatkan suatu lesen juruterbang persendirian atau kemasukan perkelasan dalam suatu lesen juruterbang melainkan jika kelab penerbangan itu diluluskan untuk memberikan pengajaran dalam penerbangan oleh Ketua Pengarah dan pengajaran dalam penerbangan diberikan—

- (a) dengan menggunakan suatu kapal udara dengan jisim perlepasan maksimum yang diperakukan tidak melebihi 5,700 kilogram dan digerakkan oleh satu enjin piston bebalung atau satu enjin turbin bebalung; dan
- (b) dengan menggunakan helikopter satu enjin dengan jisim perlepasan maksimum yang diperakukan tidak melebihi 3,170 kilogram.

(2) Permohonan bagi kelulusan, pembaharuan atau pengubahan kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Tiada kelab penerbangan boleh menjalankan pengendalian suatu kapal udara bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “kelab penerbangan” ertiya suatu kelab yang menyediakan aktiviti penerbangan rekreatif dan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*].

### **Peranti simulasi latihan penerbangan**

68. (1) Seseorang boleh menggunakan atau menyediakan peranti simulasi latihan penerbangan bagi menjalankan suatu ujian atau suatu kursus latihan penerbangan atau pengajaran jika peranti simulasi latihan penerbangan itu telah

diluluskan oleh Ketua Pengarah dengan mengeluarkan suatu perakuan kelayakan atau perakuan kelulusan pengguna.

(2) Permohonan bagi pemberian, pembaharuan atau pengubahan suatu perakuan kelayakan di bawah peraturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

### **Buku log penerbangan peribadi**

69. (1) Anggota kru penerbangan kapal udara Malaysia atau orang yang terlibat dalam penerbangan bagi maksud untuk layak diberikan atau membaharui suatu lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini, hendaklah menyimpan suatu buku log penerbangan peribadi dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah yang dalamnya butiran yang berikut hendaklah direkodkan:

- (a) nama dan alamat pemegang buku log itu;
- (b) butiran pemegang buku log itu, jika ada, untuk bertindak sebagai anggota bagi kru penerbangan kapal udara itu; dan
- (c) nama dan alamat orang yang kepadanya pemegang buku log itu tertakluk, jika ada.

(2) Pemegang buku log hendaklah memastikan rekod dalam buku log itu adalah diperakui setiap enam bulan oleh orang yang kepadanya pemegang buku log itu tertakluk.

(3) Butiran yang dikehendaki bagi maksud subperaturan (2) termasuklah—

- (a) tarikh, tempat yang pemegang buku log itu naik dan turun daripada kapal udara dan masa penerbangan;
- (b) jenis dan tanda pendaftaran kapal udara itu;

- (c) kapasiti yang baginya pemegang itu bertindak semasa penerbangan;
  - (d) butiran apa-apa keadaan khas yang di bawahnya penerbangan itu dibuat, termasuklah penerbangan waktu malam dan penerbangan alatan; dan
  - (e) butiran apa-apa peperiksaan atau ujian yang diambil semasa penerbangan.
- (4) Bagi maksud perenggan (3)(a), masa penerbangan dikira—
- (a) berhubung dengan suatu kapal terbang, dari saat kapal terbang itu mula bergerak bagi maksud pelepasan sehingga saat ia akhirnya berhenti pada akhir penerbangan; atau
  - (b) berhubung dengan suatu helikopter, dari saat bilah rotor helikopter mula berpusing sehingga saat helikopter akhirnya berhenti pada akhir penerbangan, dan bilah rotor berhenti.
- (5) Butiran apa-apa peperiksaan atau ujian yang diambil semasa di dalam suatu peranti simulasi latihan penerbangan yang hendaklah direkodkan dalam buku log itu termasuklah—
- (a) tarikh peperiksaan atau ujian itu;
  - (b) jenis peranti simulasi latihan penerbangan;
  - (c) kapasiti yang baginya pemegang itu bertindak; dan
  - (d) sifat peperiksaan atau ujian itu.
- (6) Pemegang buku log hendaklah merekodkan butiran setiap penerbangan yang dibuatnya dalam tempoh dua puluh empat jam selepas penerbangan itu tamat.

BAHAGIAN VI  
PERLINDUNGAN KRU

**Tafsiran**

70. Dalam Bahagian ini—

“kelesuan” ertinya keadaan fisiologi kebolehan prestasi mental atau fizikal yang berkurangan disebabkan oleh kurang tidur atau berjaga lama, fasa sirkadian atau beban kerja aktiviti mental atau fizikal yang boleh menjelaskan kecergasan dan kemampuan anggota kru untuk mengendalikan dengan selamat suatu kapal udara atau menjalankan tugas yang berkaitan dengan keselamatan;

“masa penerbangan” ertinya—

- (a) berhubungan dengan suatu kapal terbang, jumlah masa dari saat mula-mula bergerak kapal terbang itu bagi maksud untuk berlepas sehingga saat ia akhirnya berhenti pada akhir penerbangan itu; dan
- (b) berhubung dengan suatu helikopter, jumlah masa dari saat bilah rotor helikopter mula berpusing sehingga saat helikopter akhirnya berhenti pada akhir penerbangan, dan bilah rotor berhenti.

**Pemakaian**

71. (1) Bahagian ini terpakai bagi kapal udara Malaysia yang—

- (a) terbang bagi maksud penerbangan pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan; atau
- (b) dikendalikan oleh seseorang atau organisasi yang baginya peraturan 145 terpakai.

(2) Bahagian ini tidak terpakai bagi—

- (a) suatu kapal udara dalam penerbangan bagi maksud pengajaran penerbangan yang diberikan oleh organisasi latihan yang diluluskan; atau
- (b) suatu kapal udara dengan jumlah berat maksimum yang dibenarkan tidak melebihi 1,600 kilogram dan yang tidak diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial atau kerja keudaraan.

#### **Tanggungjawab pengendali berhubung dengan kelesuan kru**

72. (1) Pengendali suatu kapal udara tidak boleh menyebabkan atau membenarkan kapal udara itu membuat penerbangan melainkan jika pengendali itu telah mengadakan skim pengurusan kelesuan bagi menguruskan masa penerbangan, tempoh tugas penerbangan, tempoh tugas dan had tempoh rehat bagi tiap-tiap orang yang terbang di dalam kapal udara itu sebagai anggota krunya.

(2) Pengendali hendaklah mengemukakan suatu skim pengurusan kelesuan yang diadakan di bawah subperaturan (1) kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan.

(3) Skim pengurusan kelesuan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (2) hendaklah—

- (a) dimasukkan dalam manual pengendalian yang dikehendaki oleh peraturan 111 atau 146; atau
- (b) jika apa-apa manual pengendalian tidak dikehendaki oleh peraturan 111 atau 146, dimasukkan dalam suatu dokumen yang salinannya hendaklah dijadikan tersedia kepada tiap-tiap orang yang terbang di dalam kapal udara itu sebagai anggota krunya.

(4) Pengendali hendaklah mengambil segala langkah yang semunasabahnya boleh dilaksanakan untuk memastikan bahawa tiap-tiap orang yang terbang di dalam kapal udara itu sebagai anggota krunya mematuhi skim pengurusan kelesuan itu.

(5) Pengendali tidak boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang untuk terbang sebagai anggota krunya jika pengendali mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa orang itu sedang mengalami, atau, dengan mengambil kira hal keadaan bagi penerbangan yang akan dilakukan, berkemungkinan akan mengalami, kelesuan semasa penerbangan itu yang boleh membahayakan keselamatan kapal udara itu atau orang yang berada di dalamnya.

(6) Pengendali suatu kapal udara tidak boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana orang untuk terbang sebagai anggota kru penerbangannya melainkan jika pengendali itu memiliki suatu rekod yang tepat dan terkini berkenaan dengan orang itu, dan berkenaan dengan dua puluh lapan hari terakhir sebelum sahaja penerbangan itu, yang menunjukkan—

(a) semua masa penerbangan orang itu; dan

(b) butiran ringkas sifat fungsi yang telah dijalankan oleh orang itu semasa masa penerbangan.

(7) Rekod yang disebut dalam subperaturan (6) hendaklah disimpan kekal oleh pengendali itu sehingga suatu tarikh dua belas bulan selepas penerbangan yang disebut dalam subperaturan itu.

### **Tanggungjawab kru berhubung dengan kelesuan**

73. (1) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai anggota kru suatu kapal udara jika dia mengetahui atau mengesyaki bahawa dirinya mengalami, atau, setelah mengambil kira hal keadaan penerbangan yang hendak dilakukan, berkemungkinan akan mengalami, kelesuan yang boleh membahayakan keselamatan kapal udara itu atau orang yang berada di dalamnya.

(2) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai anggota kru suatu kapal udara tanpa terlebih dahulu memastikan pengendali kapal udara itu mengetahui masa penerbangan orang itu semasa tempoh dua puluh lapan hari sebelum sahaja penerbangan itu.

**Masa penerbangan dan tanggungjawab kru penerbangan**

74. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai anggota kru suatu kapal udara Malaysia jika pada permulaan penerbangan itu agregat bagi semua masa penerbangannya yang sebelum itu—

(a) berhubung dengan suatu kapal terbang—

(i) semasa tempoh dua puluh lapan hari berturut-turut yang berakhir pada akhir hari yang penerbangan itu bermula melebihi 100 jam; dan

(ii) semasa tempoh dua belas bulan yang berakhir pada akhir bulan sebelumnya melebihi 900 jam; atau

(b) berhubung dengan suatu helikopter—

(i) semasa tempoh dua puluh lapan hari berturut-turut yang berakhir pada akhir hari yang penerbangan itu bermula melebihi 90 jam; dan

(ii) semasa tempoh dua belas bulan yang berakhir pada akhir bulan sebelumnya melebihi 800 jam.

**Perlindungan kru daripada radiasi kosmik**

75. Pengendali kapal udara Malaysia yang terbang pada suatu altitud yang melebihi 49,000 kaki hendaklah menilai pendedahan kepada radiasi kosmik terhadap krunya dan hendaklah menyimpan rekod penilaian itu mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

BAHAGIAN VII  
KAPAL UDARA DALAM PENERBANGAN

**Kemudahan penerbangan udara**

76. Seseorang yang memberikan perkhidmatan penerbangan udara di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah memastikan supaya perkhidmatan tersebut diberikan mengikut artikel 12, 25, 28 atau mana-mana artikel lain Konvensyen Chicago dan notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

**Kaedah-Kaedah Udara**

77. (1) Tiap-tiap orang dan kapal udara hendaklah mematuhi Kaedah-Kaedah Udara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar dan membenarkan pelanggaran Kaedah-Kaedah Udara melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang boleh menyimpang daripada Kaedah-Kaedah Udara hanya setakat yang diperlu—

(a) bagi mengelakkan apa-apa bahaya terdekat; atau

(b) bagi mematuhi undang-undang mana-mana Negara yang dalamnya kapal udara itu terbang.

(4) Jika apa-apa penyimpangan dibuat untuk mengelakkan apa-apa bahaya terdekat di bawah perenggan (3)(a), ketua juruterbang kapal udara itu hendaklah menyebabkan butiran bertulis mengenai perlepasan itu dan mengenai hal keadaan yang menyebabkannya diberikan dalam masa sepuluh hari selepas penyimpangan itu kepada—

(a) pihak berkuasa yang kompeten Negara yang dalam wilayahnya penyimpangan itu dibuat; atau

(b) jika penyimpangan itu dibuat melintasi laut lepas, kepada Ketua Pengarah.

(5) Ketua Pengarah boleh, jika difikirkannya suai manfaat bagi maksud untuk meningkatkan keselamatan kapal udara, memberi arahan tentang isyarat khas dan komunikasi lain untuk dibuat oleh atau dalam suatu kapal udara, laluan yang di atasnya dan ketinggian yang padanya suatu kapal udara hendaklah terbang dan apa-apa langkah berjaga-jaga yang lain untuk dipatuhi berhubung dengan penerbangan dan kawalan kapal udara, dan tiada kapal udara boleh terbang berlanggaran dengan arahan itu.

(6) Tiada apa pun dalam Kaedah-Kaedah Udara boleh melepaskan mana-mana orang daripada akibat bagi apa-apa kecuaian dalam menggunakan lampu atau isyarat atau kecuaian bagi apa-apa langkah berjaga-jaga yang dikehendaki oleh amalan penerbangan biasa atau oleh hal keadaan khas bagi kes itu.

(7) Peraturan ini terpakai bagi—

(a) semua kapal udara semasa berada dalam Malaysia; dan

(b) semua kapal udara Malaysia, di mana-mana jua berada, setakat ia tidak bercanggah dengan kaedah-kaedah yang disiarkan oleh Negara yang mempunyai bidang kuasa terhadap wilayah yang kapal udara itu terbang di atasnya.

### **Pertunjukan terbang**

78. (1) Tiada seorang pun boleh menganjurkan suatu pertunjukan terbang dalam suatu acara yang dia semunasabahnya percaya berkemungkinan akan dikunjungi oleh lebih daripada 500 orang dan terdiri daripada keseluruhannya atau sebahagiannya suatu pertunjukan terbang tanpa keizinan bertulis Ketua Pengarah.

(2) Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai juruterbang suatu kapal udara yang mengambil bahagian dalam suatu pertunjukkan terbang melainkan jika dia

mempunyai suatu keizinan juruterbang pertunjukan yang berkenaan yang diberikan kepadanya oleh Ketua Pengarah.

(3) Seseorang pengajur pertunjukan terbang tidak boleh membenarkan mana-mana orang untuk bertindak sebagai juruterbang suatu kapal udara yang mengambil bahagian dalam pertunjukan terbang melainkan jika orang itu mempunyai suatu keizinan juruterbang pertunjukan yang berkenaan yang diberikan oleh Ketua Pengarah.

(4) Permohonan bagi keizinan di bawah subperaturan (1) dan (3) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(5) Ketua juruterbang bagi suatu kapal udara yang berhasrat untuk mengambil bahagian dalam suatu pertunjukkan terbang hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan—

(a) orang yang menganjurkan suatu pertunjukkan terbang itu telah diberikan keizinan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) penerbangan itu boleh mematuhi terma dan syarat bagi keizinan itu.

(6) Orang yang menganjurkan pertunjukan terbang tidak boleh membenarkan kapal udara tentera untuk mengambil bahagian dalam pertunjukan itu melainkan jika dia mematuhi syarat berhubung dengan kapal udara tentera sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(7) Peraturan ini tidak terpakai bagi pertunjukkan terbang yang diadakan di aerodrom angkatan tentera.

**Belon, belon bertambat, layang-layang, pesawat udara, glider dan paracut naik**

79. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa keizinan Ketua Pengarah—

- (a) menerbangkan atau menyebabkan suatu belon bertambat atau layang-layang—
    - (i) untuk diterbangkan pada ketinggian yang melebihi enam puluh meter di atas aras bumi atau dalam lingkungan enam puluh meter mana-mana vesel, kenderaan atau struktur; atau
    - (ii) untuk diterbangkan dalam lingkungan lima kilometer dari sempadan suatu aerodrom;
  - (b) menerbangkan atau menyebabkan suatu belon yang melebihi dua meter dalam apa-apa dimensi lelurus pada mana-mana peringkat penerbangannya, termasuk apa-apa bakul atau kelengkapan lain yang bersambung pada belon itu, untuk diterbangkan dalam mana-mana ruang udara terkawal;
  - (c) menambat atau menyebabkan suatu pesawat udara ditambat;
  - (d) melancarkan atau menyebabkan suatu glider atau paracut naik dilancarkan dengan win dan kabel atau dengan penarik bumi kepada suatu ketinggian yang melebihi enam puluh meter di atas aras bumi.
- (2) Permohonan bagi keizinan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.
- (3) Seseorang yang menerbangkan atau mengendalikan suatu belon bertambat hendaklah memastikan belon bertambat itu, apabila dalam penerbangan, ditambatkan dengan kukuh dan tidak ditinggalkan tanpa pengawasan melainkan jika belon bertambat itu dilengkapkan dengan suatu peranti yang memastikan deflasi automatiknya jika belon bertambat itu putus bebas daripada tambatannya.

**Kuasa untuk melarang dan menyekat penerbangan**

80. (1) Menteri boleh, jika difikirkannya perlu demi kepentingan awam, untuk menyekat atau melarang penerbangan kapal udara, dengan alasan—

- (a) suatu perhimpunan atau pergerakan yang dimaksudkan yang melibatkan bilangan orang yang ramai;
- (b) suatu perlumbaan atau pertandingan kapal udara atau suatu pertunjukan terbang dimaksudkan untuk diadakan; atau
- (c) pertahanan negara.

(2) Sekatan atau larangan yang disebut dalam subperaturan (1) boleh dibuat berkenaan dengan mana-mana penerbangan—

- (a) oleh kapal udara, sama ada didaftarkan di Malaysia atau tidak, di dalam ruang udara Malaysia atau dalam sempadan sekitar suatu pepasangan luar pesisir; dan
- (b) oleh suatu kapal udara Malaysia, dalam mana-mana ruang udara lain, sebagai ruang udara berkenaan dengannya Kerajaan Malaysia telah, menurut perkiraan antarabangsa, mengaku janji untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan udara untuk kapal udara itu.

(3) Menteri boleh membuat sekatan atau larangan di bawah peraturan ini sama ada secara umum atau berhubung dengan apa-apa kelas kapal udara dan Menteri boleh mengenakan terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

(4) Jika ketua juruterbang suatu kapal udara menyedari bahawa kapal udara itu diterbangkan berlanggaran dengan mana-mana sekatan atau larangan yang dibuat oleh sebab perenggan (1)(c), dia hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya menurut subperaturan (5), menyebabkan kapal udara itu untuk meninggalkan kawasan yang baginya larangan atau sekatan itu berkaitan dengan terbang pada aras yang

setinggi mungkin melintasi kawasan itu dan kapal udara itu tidak boleh memulakan penurunan semasa melintasi kawasan itu.

(5) Ketua juruterbang bagi suatu kapal udara yang terbang dalam lingkungan suatu kawasan yang sekatan atau larangan dibuat oleh sebab perenggan (1)(c) hendaklah dengan serta-merta mematuhi arahan yang diberikan melalui radio atau melalui apa-apa isyarat visual oleh unit kawalan trafik udara yang berkaitan atau oleh suatu pengendali stesen radio aeronautik.

(6) Bagi maksud subperaturan (5)—

- (a) “isyarat visual” ertinya, pada waktu siang dan malam, suatu siri peluncur yang dilepaskan dari darat pada jarak waktu 10 saat, setiap satu menunjukkan, apabila meletup, cahaya merah dan hijau atau bintang, yang menunjukkan kepada ketua juruterbang kapal udara bahawa kapal udaranya sedang terbang di dalam atau akan memasuki suatu kawasan yang baginya suatu sekatan atau larangan adalah berkaitan dan dia dikehendaki untuk mengambil tindakan sebagaimana yang perlu untuk meninggalkan kawasan itu atau mengubah arah untuk mengelakkan kawasan itu.
- (b) “pengendali stesen radio aeronautik” ertinya orang yang diperakukan untuk mengendalikan suatu stesen radio aeronautik oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan 158;

## BAHAGIAN VIII

### PENGENDALIAN KAPAL UDARA

#### **Pengendalian kapal udara**

81. (1) Seseorang tidak boleh mengendalikan suatu kapal udara Malaysia atau kapal udara yang didaftarkan di tempat lain di dalam atau melintasi Malaysia melainkan jika orang itu mematuhi—

- (a) had pengendalian sebagaimana yang dinyatakan dalam manual penerbangan atau dokumen yang setara;
  - (b) Kaedah-Kaedah Udara; dan
  - (c) notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Tiada seorang pun boleh berlepas atau mendarat di mana-mana tempat melainkan jika—
- (a) aerodrom adalah memuaskan kepada ketua juruterbang, dengan mengambil kira ciri-ciri fizikal tempat itu, persekitaran pengendalian dan prestasi kapal udara; dan
  - (b) pada masa yang dijangkakan bagi penggunaan aerodrom itu dilengkapi dengan perkhidmatan sampingan yang diperlukan.
- (3) Bagi maksud peraturan ini, “perkhidmatan sampingan” ertinya beberapa atau semua pencahayaan, komunikasi, laporan cuaca, perkhidmatan penerbangan udara atau perkhidmatan kecemasan, sebagaimana yang berkenaan dengan hal keadaan itu.

**Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara pengangkutan udara bukan komersial**

82. (1) Ketua juruterbang suatu kapal udara pengangkutan udara bukan komersial hendaklah mengadakan suatu minima pengendalian aerodrom mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Ketua juruterbang tidak boleh terbang berlanggaran dengan apa-apa kehendak yang dinyatakan dalam minima pengendalian aerodrom yang diadakan di bawah subperaturan (1).

**Juruterbang hendaklah kekal berada di alat kawalan**

83. (1) Ketua juruterbang suatu mesin terbang yang didaftarkan di Malaysia hendaklah memastikan seorang juruterbang kekal berada di alat kawalan pada setiap masa semasa ia dalam penerbangan.

(2) Jika suatu kapal udara dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk membawa dua orang juruterbang, ketua juruterbang hendaklah memastikan kedua-dua juruterbang itu kekal berada di alat kawalan semasa pelepasan dan pendaratan.

(3) Jika suatu kapal udara membawa dua atau lebih juruterbang sama ada dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini atau tidak dan terlibat dalam suatu penerbangan bagi maksud pengangkutan udara komersial penumpang, dua juruterbang, salah seorang merupakan ketua juruterbang hendaklah kekal berada di alat kawalan semasa pelepasan dan pendaratan.

(4) Tiada ketua juruterbang helikopter boleh membenarkan rotor helikopter untuk diputarkan bagi maksud untuk membuat penerbangan melainkan jika terdapat juruterbang dengan perkelasan yang berkenaan di alat kawalan.

(5) Juruterbang yang berada di alat kawalan hendaklah dikancing selamat pada tempat duduknya sama ada oleh tali keledar dengan atau tanpa satu tali pengikat bahu pepenjuru, atau suatu abah-abah keselamatan, tetapi semasa berlepas dan mendarat suatu abah-abah keselamatan hendaklah dipakai jika abah-abah keselamatan itu dikehendaki untuk disediakan oleh peraturan 40.

**Pemakaian sut keselamatan oleh kru**

84. Tertakluk kepada kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, setiap anggota kru suatu kapal udara Malaysia hendaklah memakai sut keselamatan.

**Tindakan pra-penerbangan oleh ketua juruterbang kapal udara**

85. Sebelum suatu kapal udara berlepas, ketua juruterbang suatu kapal udara hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan—

- (a) penerbangan itu boleh dilakukan dengan selamat, dengan mengambil kira maklumat terbaru yang boleh didapati tentang laluan dan aerodrom yang akan digunakan, laporan dan ramalan cuaca yang tersedia dan apa-apa hal tindakan alternatif yang boleh diterima pakai dalam hal penerbangan itu tidak dapat disempurnakan seperti yang dirancangkan;
- (b) kelengkapan termasuklah kelengkapan radio, yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dibawa dalam hal keadaan penerbangan yang dihasratkan dibawa dan berada dalam keadaan yang boleh digunakan;
- (c) kapal udara itu dalam segala segi boleh terbang bagi penerbangan yang dimaksudkan;
- (d) muatan yang dibawa oleh kapal udara itu sedemikian beratnya, dan dibahagikan dan disimpan dengan selamatnya, yang ia boleh dibawa dengan selamat dalam penerbangan yang dimaksudkan itu;
- (e) bahawa bahan api, minyak dan bahan pendingin enjin jika dikehendaki, dibawa bagi penerbangan yang dimaksudkan, dan suatu jidar selamat telah disediakan bagi hal luar jangka;
- (f) dalam hal suatu pesawat udara atau belon, balast yang mencukupi dibawa bagi penerbangan yang dimaksudkan;
- (g) dengan mengambil kira prestasinya dalam keadaan yang dijangka dalam penerbangan yang dimaksudkan dan apa-apa halangan di tempat perlepasan dan destinasi yang dimaksudkan dan pada laluan yang dimaksudkan, ia berupaya untuk berlepas dengan selamat, sampai pada dan mengekalkan ketinggian yang selamat dan melakukan pendaratan yang selamat di tempat destinasi yang dimaksudkan; dan

- (h) apa-apa sistem pemeriksaan pra-penerbangan yang diadakan oleh pengendali dan dinyatakan dalam manual pengendalian atau di tempat lain telah dipatuhi oleh setiap anggota kru kapal udara itu.

**Taklimat penumpang oleh ketua juruterbang**

86. Ketua juruterbang kapal udara Malaysia hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan—

- (a) sebelum kapal udara berlepas pada mana-mana penerbangan, semua penumpang dibiasakan dengan kedudukan dan cara menggunakan pintu kecemasan, tali keledar, abah-abah keselamatan dan kelengkapan oksigen, jaket keselamatan dan sistem pencahayaan laluan lantai dan semua peranti lain yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini dan dimaksudkan untuk digunakan oleh penumpang secara individu dalam hal suatu kecemasan berlaku kepada kapal udara itu; dan
- (b) dalam suatu kecemasan semasa penerbangan, semua penumpang adalah diarahkan tentang tindakan kecemasan yang mereka patut ambil.

**Kelengkapan keselamatan bagi kapal udara pengangkutan udara bukan komersial**

87. (1) Ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara bukan komersial hendaklah berpuas hati atas sebab yang munasabah sebelum berlepas bahawa kapal udara itu membawa kelengkapan tambahan sebagaimana ketua juruterbang itu fikirkan perlu bagi maksud untuk memudahkan penyelamatan orang yang dibawa di dalam kapal udara itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), ketua juruterbang hendaklah mengambil kira hal keadaan bagi penerbangan yang dimaksudkan itu, termasuk secara khususnya kemungkinan bagi pendaratan di air dan ketersediaan kemudahan mencari dan menyelamat.

**Penggunaan oksigen dalam penerbangan pengangkutan udara bukan komersial**

88. Kecuali jika altitud tekanan kabin tidak melebihi 10,000 kaki semasa penerbangan, ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara bukan komersial hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan—

- (a) sebelum kapal udara itu mencapai aras penerbangan 100, cara penggunaan oksigen yang disediakan di dalam kapal udara mematuhi kehendak peraturan 40, ditunjukkan kepada semua penumpang;
- (b) apabila terbang melebihi aras penerbangan 130 semua penumpang and anggota kru diarahkan untuk menggunakan oksigen;
- (c) semasa apa-apa tempoh apabila kapal udara itu terbang melebihi aras penerbangan 100 sehingga dan termasuklah aras penerbangan 130 oksigen digunakan oleh semua kru penerbangan kapal udara itu semasa mana-mana bahagian penerbangan antara altitud itu yang melebihi tempoh tiga puluh minit; dan
- (d) semasa apa-apa tempoh apabila kapal udara itu terbang melebihi aras penerbangan 130 oksigen digunakan secara berterusan oleh semua penumpang and anggota kru.

**Pengendalian stesen radio di dalam kapal udara**

89. (1) Seseorang boleh mengendalikan stesen radio di dalam kapal udara jika orang itu dilesenkan atau selainnya diizinkan untuk mengendalikan stesen radio di bawah undang-undang Negara Pendaftar atau Negara Pengendali.

(2) Orang itu hendaklah mengendalikan stesen radio mengikut syarat lesen atau keizinan itu.

(3) Apabila suatu kapal udara dalam penerbangan berada dalam apa-apa hal keadaan yang dikendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dilengkapi dengan kelengkapan komunikasi radio, suatu awasan radio yang berterusan hendaklah disenggarakan oleh seorang anggota kru penerbangan yang mendengar isyarat dihantar pada frekuensi yang dimaklumkan atau diwakilkan untuk kegunaan oleh kapal udara itu melalui suatu mesej yang diterima daripada suatu stesen radio aeronautik yang berkenaan.

(4) Awasan radio yang disebut dalam subperaturan (3)—

- (a) boleh diberhentikan atau diteruskan pada frekuensi yang lain jika mesej daripada stesen radio aeronautik yang berkenaan membenarkannya; dan
- (b) boleh disimpan oleh suatu peranti yang dipasang di dalam kapal udara itu jika—
  - (i) stesen radio aeronautik yang berkenaan telah diberitahu berkenaan perkara itu dan tidak membangkitkan bantahan; dan
  - (ii) stesen itu telah dimaklumkan atau, dalam hal suatu stesen yang terletak di negara selain Malaysia, yang diwakilkan selainnya sebagai menghantar suatu isyarat yang sesuai bagi maksud itu.

(5) Apabila suatu kapal udara dalam penerbangan berada dalam hal keadaan yang ia dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk dilengkapi dengan radio atau kelengkapan radio penerbangan, anggota kru penerbangan hendaklah mengendalikan radio atau kelengkapan radio penerbangan itu dengan cara sebagaimana yang diarahkan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan atau sebagaimana yang

dimaklumkan berhubungan dengan apa-apa ruang udara yang dimaklumkan yang baginya kapal udara itu sedang terbang.

(6) Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu stesen radio di dalam kapal udara sehingga menyebabkan gangguan kepada, atau menjelaskan kecekapan bagi, telekomunikasi aeronautik atau perkhidmatan penerbangan udara, dan khususnya pemancaran tidak dibuat kecuali seperti yang berikut—

- (a) pemancaran bagi kelas dan frekuensi yang pada masa digunakan mengikut amalan am aeronautik antarabangsa dalam ruang udara yang padanya kapal udara itu sedang terbang;
- (b) distres, keterdesakan dan mesej keselamatan dan isyarat mengikut amalan am aeronautik antarabangsa;
- (c) mesej dan isyarat berhubung dengan penerbangan kapal udara itu, mengikut amalan am aeronautik antarabangsa; dan
- (d) mesej kesepadan awam sebagaimana yang dibenarkan oleh lesen stesen radio kapal udara yang disebut dalam subperaturan (1).

(7) Kru penerbangan yang dikehendaki untuk bertugas atas dek penerbangan di dalam suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial dan dikendalikan di bawah kaedah-kaedah penerbangan alatan tidak boleh menggunakan mikrofon pegang-tangan apabila berada di bawah aras penerbangan 150 dan semasa berlepas dan mendarat.

### **Penggunaan sistem pengelakan perlanggaran udara**

90. Ketua juruterbang suatu kapal udara yang dikehendaki di bawah peraturan 40 untuk membawa suatu sistem pengelakan perlanggaran udara hendaklah memastikan sistem itu dikendalikan mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan—

- (a) dalam hal suatu kapal udara yang baginya peraturan 111 terpakai, mengikut tatacara yang terkandung dalam manual pengendalian kapal udara itu;
- (b) dalam hal suatu kapal udara Malaysia yang baginya peraturan 111 tidak terpakai, mengikut tatacara yang sesuai dengan mengambil kira tujuan kelengkapan itu; atau
- (c) dalam hal suatu kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara, mengikut apa-apa tatacara yang dengannya ia dikehendaki untuk patuh di bawah undang-undang Negara Pendaftar.

**Penggunaan sistem perakam penerbangan dan pemeliharaan rekod**

91. (1) Ketua juruterbang suatu kapal udara yang dikehendaki di bawah peraturan 40 untuk membawa perakam penerbangan hendaklah memastikan perakam penerbangan dikendalikan secara berterusan dari masa enjin mula-mula dihidupkan bagi maksud membuat penerbangan sehingga masa enjin akhirnya dimatikan selepas mendarat dan mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua juruterbang suatu helikopter yang dikehendaki di bawah peraturan 40 untuk membawa perakam penerbangan hendaklah memastikan perakam penerbangan dikendalikan secara berterusan dari masa rotor mula-mula dipusing bagi maksud membuat penerbangan sehingga rotor berikutnya berhenti dan mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Dalam hal suatu insiden atau kemalangan, ketua juruterbang dan pengendali kapal udara hendaklah—

- (a) memastikan perakam penerbangan dinyahaktifkan; dan
- (b) memelihara perakam penerbangan dan rekod itu mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Pengendali bagi kapal udara hendaklah memastikan semakan pengendalian dan penilaian rakaman daripada perakam data penerbangan dan sistem perakam suara kokpit dijalankan mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah untuk memastikan kebolehgunaan berterusan perakam itu.

(5) Bagi maksud peraturan ini, "kemalangan" dan "insiden" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya di bawah Aneks 13 Konvensyen Chicago.

**Tugas ketua juruterbang berhubung dengan pencarian dan penyelamatan**

92. Tanpa menjaskan mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini, ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia atau kapal udara yang didaftarkan di negara asing yang terbang dalam ruang udara Malaysia hendaklah bekerjasama dalam memenuhi arahan Ketua Pengarah berhubung dengan memberikan bantuan kepada kapal udara dalam distres atau berhubung dengan pencarian dan penyelamatan.

**Cara pembawaan orang**

93. (1) Seseorang tidak boleh—

(a) berada di dalam atau di mana-mana bahagian kapal udara dalam penerbangan yang bahagian itu bukan suatu bahagian yang direka bentuk bagi penempatan orang dan khususnya seseorang tidak boleh berada di atas sayap atau bawah-pembawa suatu kapal udara; atau

(b) berada di dalam atau di atas apa-apa objek, selain glider atau mesin terbang, yang ditarik atau disambungkan kepada suatu kapal udara dalam penerbangan.

(2) Seseorang boleh mempunyai akses sementara kepada—

(a) mana-mana bahagian kapal udara bagi maksud untuk mengambil tindakan yang perlu bagi keselamatan kapal udara atau

mana-mana orang, binatang atau barang di dalam kapal udara itu; dan

- (b) mana-mana bahagian kapal udara yang di dalamnya kargo atau stor dibawa, yang merupakan suatu bahagian yang direka bentuk untuk membolehkan orang mempunyai akses kepadanya semasa kapal udara itu dalam penerbangan.

### **Pembawaan binatang hidup**

94. (1) Tiada seorang pun boleh membawa apa-apa binatang hidup di dalam kabin penumpang suatu kapal udara Malaysia bagi maksud pengangkutan udara komersial.

(2) Seseorang hendaklah membawa binatang hidup di dalam kargo kapal udara mengikut Peraturan-Peraturan Binatang Hidup Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA).

### **Pintu keluar**

95. (1) Ketua juruterbang suatu kapal terbang atau helikopter yang didaftarkan di Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersil dan membawa penumpang hendaklah memastikan tiap-tiap pintu keluar dan pintu dalaman di dalam kapal terbang atau helikopter itu dalam keadaan berfungsi.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), ketua juruterbang hendaklah memastikan semasa berlepas, mendarat atau apa-apa kecemasan setiap pintu keluar dan pintu dalaman bebas daripada halangan dan tidak dikancing dengan menguncinya atau selainnya sehingga mencegah, menghalang atau melambatkan penggunaannya oleh penumpang.

(3) Dalam hal—

- (a) suatu pintu keluar yang mengikut perkiraan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada secara am atau berhubungan dengan

suatu kelas kapal terbang atau helikopter atau suatu kapal terbang atau helikopter tertentu, tidak dikehendaki untuk digunakan oleh penumpang, pintu keluar itu bolehlah dihalang oleh kargo;

- (b) suatu pintu di antara petak kru penerbangan dengan mana-mana petak bersebelahan dengannya yang kepadanya penumpang mempunyai akses, pintu itu boleh dikunci atau diselak jika ketua juruterbang kapal terbang atau helikopter menetapkan sedemikian, bagi maksud menghalang akses oleh penumpang ke petak kru penerbangan;
- (c) mana-mana pintu dalaman yang ditempatkan sedemikian agar ia tidak boleh mencegah, menghalang atau melambatkan penumpang keluar dari kapal terbang atau helikopter itu dalam suatu kecemasan jika ia dalam keadaan yang tidak berfungsi, subperaturan (2) tidak terpakai.

(4) Pengendali suatu kapal terbang atau helikopter hendaklah memastikan setiap pintu keluar ditanda pada permukaan dalaman atau luaran dengan perkataan "keluar" dan "exit" atau "pintu kecemasan" dan "emergency exit" dengan huruf besar atau dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(5) Pengendali hendaklah memastikan setiap pintu keluar dari kapal terbang atau helikopter ditanda pada permukaan dalaman pada atau berhampiran dengan permukaan di dalam pintu itu atau tutupan lain pintu keluar itu dengan arahan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, atau dengan diagram, untuk menunjukkan cara yang betul untuk membuka pintu keluar itu.

(6) Pengendali suatu kapal terbang atau helikopter hendaklah memastikan tiap-tiap pintu keluar dari kapal terbang atau helikopter yang boleh dibuka daripada luar ditandakan pada atau berhampiran dengan permukaan luar pintu itu atau tutupan lain pintu keluar itu dengan arahan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dan dengan diagram untuk menunjukkan cara yang betul untuk membuka pintu itu yang

hendaklah diletakkan pada suatu latar belakang yang menunjukkan perbezaan yang secukupnya.

- (7) Penandaan yang dikehendaki di bawah peraturan ini hendaklah—
- (a) dicat atau dilekatkan dengan cara-cara lain yang sama kekalnya; dan
  - (b) sentiasa bersih dan tidak terselindung pada setiap masa.
- (8) Tertakluk kepada subperaturan (9), jika satu, tetapi tidak lebih daripada satu, pintu keluar daripada kapal terbang atau helikopter menjadi tidak berfungsi di suatu tempat yang ia tidak munasabah untuk pintu keluar itu dibaiki atau diganti, tiada apa-apa jua dalam peraturan ini menghalang kapal terbang atau helikopter itu daripada membawa penumpang sehingga kapal terbang atau helikopter itu mendarat seterusnya di suatu tempat yang pintu keluar itu boleh dibaiki atau diganti.
- (9) Penumpang boleh dibawa di dalam kapal terbang atau helikopter di bawah subperaturan (8) jika—
- (a) bilangan penumpang yang dibawa dan kedudukan tempat duduk yang mereka duduki mengikut susunan yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sama ada berhubungan dengan kapal terbang atau helikopter tertentu atau suatu kelas kapal terbang atau helikopter; dan
  - (b) mengikut susunan yang diluluskan itu, pintu keluar yang tidak berfungsi itu dikunci dengan dikancing atau selainnya, perkataan "keluar" dan "exit" atau "pintu kecemasan" dan "emergency exit" ditutup, dan pintu keluar itu ditanda dengan cakera merah sekurang-kurangnya berdiameter 23 sentimeter dengan palang putih mendatar melintanginya yang tertulis perkataan "dilarang keluar" dan "no exit" dalam huruf merah.

### **Penandaan kawasan pecah masuk**

96. (1) Pengendali kapal udara Malaysia yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah supaya kawasan fiuslajnya yang sesuai untuk dipecah masuk oleh kru penyelamat semasa kecemasan perlu ditanda, hendaklah memastikan kawasan itu ditanda pada permukaan luar fiuslaj itu dengan tandaan “Boleh Dipecahkan” dan “Break-in Areas” yang bagi maksud menyelamat semasa suatu kecemasan boleh secara tersedia dan efektifnya dipecah masuk oleh orang di luar kapal udara.

(2) Tandaan kawasan pecah masuk hendaklah ditandakan oleh pengendali mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Membahayakan keselamatan kapal udara**

97. Seseorang tidak boleh dengan sengaja atau cuai berkelakuan dengan cara yang boleh membahayakan keselamatan suatu kapal udara, atau mana-mana orang di dalam kapal udara itu.

### **Membahayakan keselamatan orang atau harta benda**

98. Seseorang tidak boleh dengan sengaja atau cuai menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara membahayakan mana-mana orang atau harta benda.

### **Mabuk di dalam kapal udara**

99. (1) Seseorang tidak boleh memasuki mana-mana kapal udara apabila mabuk, atau menjadi mabuk dalam mana-mana kapal udara.

(2) Seseorang tidak boleh, apabila bertindak sebagai anggota kru kapal udara atau ketika dibawa dalam kapal udara bagi maksud bertindak sedemikian, berada di bawah pengaruh alkohol, mana-mana dadah atau apa-apa bahan psikoaktif, termasuk perubatan yang ditetapkan atau propietari, yang boleh menyebabkan dia tidak boleh bertindak sebagai anggota kru itu dengan cara yang selamat dan sewajarnya.

(3) Seseorang tidak boleh memasuki atau berada di dalam kapal udara apabila berada di bawah pengaruh bahan psikoaktif.

**Merokok di dalam kapal udara**

100. (1) Merokok dilarang di dalam mana-mana kapal udara Malaysia.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), "merokok" termasuklah merokok menggunakan suatu peranti elektronik boleh alih yang dikuasakan oleh bateri seperti e-rokok, e-cig, e-curut, e-paip, pengewapan peribadi, sistem penghantaran nikotin elektronik atau apa-apa peranti lain yang serupa dengannya.

**Kuasa ketua juruterbang dan anggota kru kapal udara**

101. (1) Tiap-tiap orang di dalam suatu kapal udara hendaklah mematuhi semua perintah sah ketua juruterbang atau anggota kru kapal udara itu boleh berikan bagi maksud untuk memastikan keselamatan kapal udara itu dan orang atau harta benda yang dibawa di dalamnya, atau keselamatan, kecekapan atau keteraturan penerbangan udara.

(2) Tiada seorang pun boleh menggunakan dalam suatu kapal udara apa-apa telefon bergerak atau telefon bimbit, komputer atau alat elektronik lain yang direka bentuk untuk menghantar atau berkeupayaan untuk menghantar kuasa elektromagnet kecuali dengan kebenaran ketua juruterbang kapal udara itu.

(3) Subperaturan (2) tidak terpakai bagi—

- (a) alat-alat bantu dengar;
- (b) perentak jantung;
- (c) perakam suara boleh alih;
- (d) pencukur elektrik;
- (e) jam elektronik;

(f) apa-apa peranti elektronik boleh alih yang lain jika pengendali atau ketua juruterbang kapal udara itu telah menetapkan penggunaan peranti boleh alih itu tidak akan mengganggu apa-apa sistem atau kelengkapan kapal udara itu yang di dalamnya ia digunakan.

### **Tingkah laku yang mengganggu**

102. Seseorang tidak boleh semasa di dalam kapal udara—

- (a) menggunakan apa-apa kata-kata yang mengancam, kesat atau menghina terhadap anggota kru kapal udara;
- (b) berkelakuan dengan cara mengancam, kesat, menghina atau tidak senonoh terhadap anggota kapal udara; atau
- (c) dengan sengaja mengganggu pelaksanaan tugas oleh mana-mana anggota kru kapal udara daripada menjalankan tugasnya.

### **Penumpang gelap**

103. Tiada seorang pun boleh menyembunyikan dirinya bagi maksud untuk dibawa di dalam suatu kapal udara tanpa keizinan pengendali atau ketua juruterbang kapal udara itu atau mana-mana orang lain yang berhak untuk memberikan izin bagi dia dibawa di dalam kapal udara itu.

## BAHAGIAN IX

### MENGEKALKAN KETINGGIAN DAN PENERBANGAN

### **Tafsiran**

104. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan penerbangan” ertiaya cara penerbangan yang membenarkan pengendalian kapal udara di atas apa-apa laluan penerbangan yang diingini dalam lingkungan liputan darat atau bantuan penerbangan berdasarkan ruang dalam lingkungan had keupayaan bantuan sendiri, atau kombinasi perkara itu;

“kawasan penerbangan berdasarkan prestasi yang ditentukan” ertiinya ruang udara, laluan atau tatacara yang telah dimaklumkan, ditetapkan atau selainnya diwakilkan oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi ruang udara itu yang menghendaki keupayaan penerbangan prestasi dipenuhi oleh kapal udara yang diterbangkan di situ;

“penerbangan berdasarkan prestasi (PBN)” ertiinya kawasan penerbangan berdasarkan kehendak prestasi bagi kapal udara yang dikendalikan sepanjang laluan perkhidmatan trafik udara, dalam tatacara sua alatan atau di dalam ruang udara yang ditetapkan;

“ruang udara pengasingan minimum pada paksi tegak yang dikurangkan” ertiinya ruang udara yang telah dimaklumkan, ditetapkan atau selainnya diwakilkan sedemikian oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi ruang udara itu.

#### **Penerbangan berdasarkan prestasi bagi kapal udara Malaysia**

105. (1) Tiada ketua juruterbang boleh menerbangkan suatu kapal udara Malaysia dalam kawasan penerbangan berdasarkan prestasi yang ditentukan melainkan jika—

- (a) ia dilengkapi dengan kelengkapan penerbangan yang mematuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) pengendali bagi kapal udara itu telah dikeluarkan suatu kelulusan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) kapal udara itu, semasa dalam penerbangan dalam ruang udara itu dan dalam laluan itu atau mengikut tatacara, dikendalikan mengikut tatacara pengendalian yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran untuk kelulusan di bawah perenggan (1)(b) dan (c) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Kapal udara tidak perlu mematuhi kehendak subperaturan (1) jika penerbangan telah dibenarkan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan walaupun tiada pematuhan dan dengan syarat ketua juruterbang kapal terbang itu mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh unit kawalan trafik udara dalam hal itu.

**Penerbangan berdasarkan prestasi bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia**

106. (1) Tiada ketua juruterbang boleh menerangkan suatu kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara di dalam kawasan penerbangan berdasarkan prestasi yang ditentukan dalam Malaysia melainkan jika—

- (a) penerbangan itu mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) ia dilengkapi dengan kelengkapan penerbangan yang mematuhi undang-undang negara yang baginya kapal udara itu didaftarkan setakat yang undang-undang itu menghendaki kapal udara itu untuk hendaklah dilengkapkan sedemikian apabila terbang dalam kawasan penerbangan berdasarkan prestasi yang ditetapkan; dan
- (c) kelengkapan itu berupaya untuk dikendalikan yang membolehkan kapal udara itu memenuhi kehendak prestasi dari segi kefungsian penerbangan, ketepatan, ketelusan, kebolehsediaan dan keberterusan, dan ia dikendalikan sedemikian.

(2) Suatu kapal udara tidak perlu mematuhi kehendak subperaturan (1) jika penerbangan telah dibenarkan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan walaupun tiada pematuhan dan dengan syarat ketua juruterbang itu mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh unit kawalan trafik udara dalam hal tertentu.

**Penerbangan dalam Ruang Udara Aras Tinggi Atlantik Utara**

107. (1) Tiada ketua juruterbang boleh menerangkan suatu kapal udara Malaysia di dalam Ruang Udara Aras Tinggi Atlantik Utara melainkan jika—

- (a) penerbangan itu mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
  - (b) ia dilengkapi dengan kelengkapan penerbangan yang mematuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
  - (c) pengendali kapal udara itu telah dikeluarkan suatu kelulusan oleh Ketua Pengarah; dan
  - (d) kapal udara itu, semasa diterbangkan dalam ruang udara tersebut, dikendalikan mengikut tatacara pengendalian yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Permohonan bagi pengeluaran kelulusan di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.
- (3) Bagi maksud peraturan ini, "Ruang Udara Aras Tinggi Atlantik Utara" ertinya ruang udara yang telah dimaklumkan, ditetapkan atau selainnya diwakilkan sedemikian oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi ruang udara itu.

**Prestasi pengekalan ketinggian bagi kapal udara Malaysia**

108. (1) Tiada ketua juruterbang boleh menerbangkan suatu kapal udara Malaysia di dalam ruang udara pengasingan minimum pada paksi tegak yang dikurangkan melainkan jika—

- (a) penerbangan itu mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) kapal udara itu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi pengendalian dalam ruang udara itu;
- (c) pengendali kapal udara itu telah dikeluarkan suatu kelulusan oleh Ketua Pengarah;

- (d) kapal udara itu, semasa diterbangkan dalam ruang udara itu, dikendalikan mengikut tatacara pengendalian yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Permohonan bagi kelulusan di bawah perenggan (1)(b) dan (c) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.
- (3) Suatu kapal udara tidak perlu mematuhi kehendak subperaturan (1) jika penerbangan telah dibenarkan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan walaupun tiada pematuhan dan dengan syarat ketua juruterbang mematuhi apa-apa arahan yang boleh diberikan oleh unit kawalan trafik udara dalam hal itu.

**Prestasi pengekalan ketinggian bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia**

109. (1) Tiada ketua juruterbang boleh menerbangkan suatu kapal udara yang didaftarkan dalam mana-mana Negara dalam ruang udara pengasingan minimum pada paksi tegak yang dikurangkan yang dimaklumkan di Malaysia melainkan jika—

- (a) penerbangan itu mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) ia dilengkapi dengan sistem pengekalan ketinggian yang mematuhi undang-undang negara yang baginya kapal udara itu didaftarkan setakat yang undang-undang itu menghendaki ia untuk dilengkapi semasa diterbangkan dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan; dan
- (c) kelengkapan itu berupaya untuk dikendalikan yang membolehkan kapal udara itu untuk pengekalan prestasi pelindungan ketinggian yang ditetapkan berkenaan dengan ruang udara yang baginya kapal udara itu sedang diterbangkan, dan dikendalikan sedemikian.

(2) Suatu kapal udara tidak perlu mematuhi kehendak subperaturan (1) jika penerbangan telah dibenarkan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan walaupun tiada pematuhan dan dengan syarat ketua juruterbang itu mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh unit kawalan trafik udara yang berkenaan dalam hal tertentu.

BAHAGIAN X  
PENGENDALI UDARA

**Perakuan pengendali udara**

110. (1) Seseorang yang mempunyai tempat pernigaan utamanya di Malaysia boleh menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara Malaysia untuk diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial jika orang itu mempunyai suatu perakuan pengendali udara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan suatu perakuan pengendali udara di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Seseorang yang telah diberikan suatu perakuan pengendali udara atau seseorang yang perakuan pengendali udara telah diperbaharui atau diubah hendaklah—

(a) tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah; dan

(b) mematuhi terma yang sebagaimana yang dinyatakan dalam spesifikasi pengendalian.

(4) Tiada seorang pun boleh menawarkan penerbangan di atas suatu kapal udara Malaysia bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan orang itu mempunyai perakuan pengendali udara yang sah yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(5) Bagi maksud peraturan ini—

- (a) “spesifikasi pengendalian” ertinya kebenaran, syarat dan had yang berkaitan dengan perakuan pengendali udara dan tertakluk kepada syarat dalam manual pengendalian;
- (b) “tempat perniagaan utama” ertinya lokasi utama yang darinya kakitangan pengurusan organisasi itu mengarah, mengawal atau mengkoordinasi pengendalian penerbangannya dan aktiviti teknikal dan di lokasi itu majoriti rekod pengendalian dan rekod berkaitan keselamatan disimpan.

#### **Manual pengendalian**

111. (1) Seseorang pengendali kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial hendaklah mengemukakan suatu manual pengendalian kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan dokumen atau maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan, Ketua Pengarah boleh meluluskan manual pengendalian itu.

(5) Manual pengendalian itu hendaklah disimpan dengan terkini dan boleh dipinda atau semak semula oleh pengendali tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah.

(6) Bagi maksud subperaturan (3), jika suatu pindaan atau penyemakan semula itu berkaitan dengan pengendalian suatu kapal udara yang baginya manual pengendalian sebelumnya tidak terpakai, kapal udara itu tidak boleh diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial sehingga pindaan atau penyemakan semula telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(7) Walau apa pun subperaturan (3), Ketua Pengarah boleh mengarahkan pengendali untuk membuat apa-apa pindaan atau penyemakan semula kepada manual pengendalian bagi maksud untuk memastikan keselamatan kapal udara, atau orang atau harta benda yang dibawa di dalamnya, atau untuk keselamatan atau kecekapan penerbangan udara.

(6) Bagi maksud peraturan ini, "manual pengendalian" ertinya manual yang mengandungi tatacara, arahan dan panduan bagi kegunaan kakitangan pengendalian dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

### **Program latihan**

112. (1) Seseorang pengendali kapal udara Malaysia yang diterangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial hendaklah mengadakan program latihan darat dan program latihan penerbangan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Program latihan darat dan penerbangan di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah.

### **Program analisis data penerbangan**

113. Pengendali kapal udara Malaysia yang diterangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial hendaklah memasukkan program analisis data penerbangan sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan keselamatannya mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Pengesahan perakuan pengendali udara asing**

114. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu perakuan pengesahan bagi mana-mana perakuan pengendali udara asing yang diberikan di bawah undang-undang bagi mana-mana Negara.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan perakuan pengesahan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

**Pajakan kapal udara yang berdaftar dengan negara asing**

115. (1) Pemegang suatu perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110 yang berhasrat untuk memajak suatu kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara hendaklah memohon kelulusan daripada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

**Pajakan kapal udara Malaysia kepada mana-mana Negara**

116. (1) Pemegang suatu perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110 yang berhasrat untuk memajakkan suatu kapal udara Malaysia kepada Negara lain hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini dan peraturan 115, "pajakan" ertinya pajakan basah, pajakan kering atau pajakan lembap.

**BAHAGIAN XI**  
**PERJANJIAN ARTIKEL 83BIS**

**Pemakaian**

117. Bahagian ini terpakai bagi kapal udara Negara Pendaftar yang dikendalikan menurut suatu perjanjian bagi pemajakan, carter atau saling tukar kapal udara itu oleh pengendali Negara yang lain.

**Perjanjian Artikel 83bis**

118. (1) Tertakluk kepada suatu perjanjian Artikel 83bis, suatu Negara Pendaftar boleh memindahkan semua atau mana-mana fungsi dan tugasnya yang diperuntukkan di bawah Artikel 83bis kepada mana-mana Negara Pengendali berkaitan dengan kapal udaranya yang dikendalikan oleh pengendali Negara itu.

(2) Perjanjian Artikel 83bis hendaklah didaftarkan dengan Majlis ICAO mengikut Artikel 83bis Konvensyen Chicago.

(3) Fungsi dan tanggungjawab yang disebut dalam subperaturan (1) ialah fungsi dan tanggungjawab yang diuntukkan oleh Konvensyen Chicago kepada Negara Pendaftar berkaitan dengan artikel 12, 30, 31 dan 32(a) Konvensyen Chicago.

(4) Bagi maksud peraturan ini, "Perjanjian Artikel 83bis" ertinya suatu perjanjian yang dibuat antara Malaysia dengan Negara lain menurut Artikel 83bis Konvensyen Chicago.

## BAHAGIAN XII

### PENGENDALIAN PENGANGKUTAN UDARA KOMERSIAL

#### **Tanggungjawab pengendali**

119. (1) Tiada pengendali kapal udara Malaysia boleh menyebabkan atau membenarkan kapal udara itu untuk diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial tanpa terlebih dahulu—

- (a) menetapkan dari kalangan kru penerbangan seorang ketua juruterbang bagi kapal udara itu untuk penerbangan itu;
- (b) memastikan komunikasi dua hala bagi maksud kawalan, stesen radio aeronautik dan bantuan penerbangan yang memberikan perkhidmatan di laluan yang dimaksudkan atau mana-mana lencongan yang dirancang adalah mencukupi bagi keselamatan penerbangan kapal udara itu; dan
- (c) memastikan, bagi suatu helikopter yang diterbangkan pada waktu malam, pencahayaan yang mencukupi dalam pengendalian di mana-mana tapak pengendalian yang helikopter itu dimaksudkan untuk berlepas dan mendarat.

(2) Tiada pengendali suatu kapal udara Malaysia boleh membenarkan mana-mana orang untuk menjadi anggota kru semasa mana-mana penerbangan bagi maksud penerbangan udara komersial, kecuali penerbangan hanya bagi maksud latihan orang untuk menjalankan tugas di dalam kapal udara itu, melainkan jika—

- (a) mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (b) orang itu mempunyai latihan, pengalaman, praktikal dan ujian berkala sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan tugas untuk dilaksanakan; dan
- (c) pengendali itu berpuas hati bahawa orang itu kompeten untuk melaksanakan tugas itu, dan khususnya untuk menggunakan kelengkapan yang disediakan di dalam kapal udara itu bagi maksud itu.

(3) Pengendali hendaklah menyimpan, memelihara, menerbitkan dan menyediakan maklumat berkaitan dengan rekod berhubung dengan hal yang disebut dalam subperaturan (2)(b) mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Tiada seorang pengendali boleh, semasa mana-mana penerbangan sebuah kapal udara Malaysia bagi maksud pengangkutan udara komersial, membenarkan simulasi kecemasan atau keadaan abnormal apabila penumpang atau kargo sedang dibawa.

(5) Bagi maksud peraturan ini, “tapak pengendalian” ertiinya suatu tempat selain aerodrom, yang dipilih oleh pengendali atau ketua juruterbang untuk mendarat atau berlepas bagi suatu kapal udara.

**Pemuatan kapal udara pengangkutan udara komersial dan penggantungan muatan**

120. (1) Tiada pengendali kapal udara Malaysia yang diterangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial boleh menyebabkan atau membenarkan kapal udara itu dimuatkan atau apa-apa muatan digantung daripadanya, kecuali—

- (a) mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) di bawah selian seseorang yang menyelia pemuatan kapal udara itu, yang kepadanya arahan bertulis telah disediakan untuk pengedaran dan pelindungan muatan itu untuk memastikan—
  - (i) muatan itu boleh dibawa dengan selamat di atas penerbangan; dan
  - (ii) apa-apa syarat yang tertakluk kepadanya perakuan kelayakan terbang yang sedang berkuat kuasa bagi kapal udara itu dikeluarkan atau dijadikan sah atau terkandung di dalam manual penerbangan untuk kapal udara itu berhubung dengan pemuatan kapal udara itu dipatuhi.

(2) Orang yang menyelia pemuatan kapal udara itu hendaklah, sebelum permulaan apa-apa penerbangan, menyediakan suatu helaian muatan mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Tiada pengendali kapal udara Malaysia boleh terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial boleh menyebabkan atau membenarkan bagasi dibawa ke dalam petak penumpang kapal udara itu melainkan jika bagasi itu boleh disimpan dengan sewajarnya.

**Syarat pengendalian dan kehendak prestasi kapal terbang**

121. (1) Tiada pengendali pesawat udara boleh menyebabkan atau membenarkan suatu pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia untuk terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika ia mematuhi data sebagaimana yang diluluskan oleh Negara Reka Bentuk dan terkandung dalam manual penerbangan pesawat udara itu dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah—

- (a) berkaitan dengan beratnya dan prestasi yang berkaitan;
  - (b) bagi penerbangan dalam keadaan meteorologi yang ditetapkan; dan
  - (c) bagi penerbangan pada waktu malam.
- (2) Seseorang, apabila menerbangkan suatu pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia melintasi air bagi maksud pengangkutan udara komersial, kecuali sekiranya diperlukan bagi maksud pelepasan atau pendaratan, hendaklah terbang pada suatu altitud yang membolehkan pesawat udara itu—
- (a) jika ia mempunyai satu enjin, dalam keadaan kegagalan enjin itu; atau
  - (b) jika ia mempunyai lebih daripada satu enjin, dalam keadaan kegagalan salah satu enjin dan dengan enjin yang tinggal atau enjin dikendalikan dalam keadaan kuasa maksimum yang berterusan yang dinyatakan dalam perakuan kelayakan terbang atau manual penerbangan pesawat udara itu,

untuk sampai ke suatu tempat yang ia boleh mendarat dengan selamat.

### **Pengendalian masa lencongan lanjutan**

122. (1) Seseorang pengendali boleh menyebabkan atau membenarkan suatu kapal udara Malaysia untuk diterbangkan bagi maksud pengangkutan udara komersial bagi pengendalian masa lencongan lanjutan dengan kelulusan Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "pengendalian masa lencongan lanjutan" ertinya apa-apa pengendalian oleh suatu kapal terbang yang mempunyai dua atau lebih enjin turbin apabila masa lencongan dalam perjalanan ke aerodrom alternatif lebih besar daripada nilai ambang masa yang diadakan oleh Negara Pengendali.

### **Syarat kendalian dan keperluan prestasi helikopter**

123. (1) Tiada seorang pun boleh menerbangkan suatu helikopter yang didaftarkan di Malaysia bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika ia mematuhi data sebagaimana yang diluluskan oleh Negara Reka Bentuk dan yang terkandung dalam manual penerbangan bagi helikopter itu dan kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah—

- (a) berkaitan dengan beratnya dan prestasi yang berkaitan;
- (b) bagi penerbangan dalam keadaan meteorologi yang ditetapkan; dan
- (c) bagi penerbangan pada waktu malam.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), seseorang, apabila menerbangkan suatu helikopter yang didaftarkan di Malaysia melintasi air bagi maksud pengangkutan udara komersial, kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud pelepasan dan pendaratan, hendaklah terbang pada suatu altitud yang membolehkan helikopter itu—

- (a) jika ia mempunyai hanya satu enjin, dalam keadaan kegagalan enjin itu; atau
- (b) jika ia mempunyai lebih daripada satu enjin, dalam keadaan kegagalan salah satu enjin dan dengan enjin atau enjin yang tinggal yang dikendalikan dalam keadaan kuasa maksimum yang berterusan yang dinyatakan dalam perakuan kelayakan terbang atau manual penerbangan helikopter itu,

untuk sampai ke suatu tempat yang ia boleh mendarat dengan selamat.

(3) Ketua juruterbang bagi helikopter yang melaksanakan pengendalian prestasi Kelas 3 tidak boleh menerbangkannya melintasi air bagi maksud pengangkutan udara komersial melainkan jika ia dilengkapi dengan radas sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Dalam peraturan ini, "pengendalian prestasi Kelas 3" ertinya pengendalian dengan prestasi, dalam keadaan kegagalan enjin pada bila-bila masa semasa penerbangan, suatu pendaratan paksaan akan dikehendaki.

**Pengendalian pengangkutan udara komersial pada waktu malam atau dalam keadaan alatan meteorologi oleh kapal terbang enjin tunggal**

124. (1) Tiada ketua juruterbang pun boleh menerangkan suatu kapal terbang enjin tunggal bagi maksud pengangkutan udara komersial yang tidak dapat mengekalkan pemanjatan kecerunan yang positif dalam keadaan kegagalan suatu enjin semasa pelepasan, pada waktu malam atau dalam keadaan alatan meteorologi melainkan jika ia diterbangkan dalam suatu penerbangan VFR khas di dalam zon terkawal.

(2) Pengendali hendaklah memastikan kapal terbang yang dikuasakan turbin enjin tunggal bagi maksud pengangkutan udara komersial pada waktu malam atau dalam keadaan alatan meteorologi mematuhi perakuan kelayakan terbang dan keseluruhan tahap keselamatan diperuntukan oleh—

- (a) kebolehpercayaan enjin turbin itu;
- (b) tatacara penyenggaraan, amalan pengendalian, tatacara pengiriman penerbangan dan program latihan kru; dan
- (c) kelengkapan dan kehendak lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pengendali hendaklah memastikan mana-mana kapal terbang yang dikuasakan turbin enjin tunggal yang dikendalikan pada waktu malam atau dalam keadaan alatan meteorologi mempunyai suatu sistem pengawasan unjuran enjin.

(4) Bagi maksud peraturan ini, "penerbangan VFR khas" ertiya suatu penerbangan VFR yang dijelaskan oleh pengawal trafik udara untuk dikendalikan dalam suatu zon terkawal dalam keadaan meteorologi di bawah keadaan visual meteorologi.

#### **Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara Malaysia**

125. (1) Pengendali suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial hendaklah mengadakan dan memasukkan dalam manual pengendalian suatu minima pengendalian aerodrom mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Tiada ketua juruterbang boleh terbang berlanggaran dengan mana-mana kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam minima pengendalian aerodrom yang diadakan di bawah subperaturan (1).

#### **Minima pengendalian aerodrom bagi kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia**

126. (1) Pengendali kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial tidak boleh membenarkan atau menyebabkan kapal udara itu untuk diterbangkan di dalam atau melintasi Malaysia melainkan jika pengendali itu telah mengemukakan kepada Ketua Pengarah butiran

sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh dari semasa ke semasa menghendakinya berhubungan dengan minima pengendalian aerodrom yang ditetapkan oleh pengendali berhubung dengan aerodrom di Malaysia bagi maksud untuk mengehadkan penggunaannya oleh kapal udara untuk pelepasan atau pendaratan, termasuklah apa-apa arahan yang diberikan oleh pengendali berhubungan dengan keadaan cuaca.

(2) Kapal udara itu tidak boleh diterbangkan di dalam atau melintasi Malaysia melainkan jika pengendali itu telah membuat pindaan atau penambahan kepada minima pengendalian aerodrom yang telah ditetapkan dan mengikut apa-apa arahan yang diberikan sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh menghendakinya bagi maksud untuk memastikan keselamatan kapal udara atau keselamatan, kecekapan atau keteraturan penerbangan udara.

(3) Tiada ketua juruterbang boleh berlepas atau mendarat di suatu aerodrom di Malaysia bertentangan dengan minima pengendalian aerodrom yang ditetapkan atau arahan yang disebut dalam subperaturan (2).

(4) Tanpa menjelaskan subperaturan (3), ketua juruterbang, apabila membuat penurunan ke suatu aerodrom, tidak boleh turun di bawah 1,000 kaki di atas ketinggian aerodrom jika julat nampak landasan pada aerodrom itu pada masa itu kurang daripada minimum relevan bagi pendaratan yang diadakan mengikut subperaturan (1).

(5) Bagi maksud peraturan ini, "julat nampak landasan", berhubungan dengan landasan atau landasan pendaratan, ertiya julat yang juruterbang bagi suatu kapal udara di atas titik tengah suatu landasan boleh melihat tandaan permukaan landasan atau cahaya yang menggariskan landasan itu atau mengenal pasti titik tengah atau, dalam hal suatu aerodrom di Malaysia, jarak, jika ada, yang dimaklumkan kepada ketua juruterbang kapal udara itu oleh atau bagi pihak orang yang bertanggungjawab terhadap aerodrom itu sebagai julat nampak landasan.

**Tanggungjawab tambahan ketua juruterbang dalam pengangkutan udara komersial yang membawa penumpang**

127. (1) Ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia yang terbang bagi maksud pengangkutan udara komersial bagi penumpang sebelum apa-apa pelepasan suatu penerbangan, dan sebelum ia mendarat, hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan kru kapal udara itu dikancing selamat di tempat duduk mereka dan mana-mana orang yang dibawa mematuhi peraturan 51 dikancing selamat di tempat duduk yang diletakkan setakat yang boleh dilaksanakan berhampiran dengan aras lantai dan dekat dengan pintu kecemasan.

(2) Ketua juruterbang hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan—

(a) semua penumpang berumur dua tahun atau lebih dikancing selamat di tempat duduk mereka dengan tali keledar keselamatan, dengan tali pengikat bahu pepenjuru, jika dikehendaki untuk dibawa, atau abah-abah keselamatan; dan

(b) semua penumpang berumur dua tahun ke bawah dikencing selamat dengan menggunakan tali keledar keselamatan kanak-kanak atau peranti pengekang kanak-kanak,

dari saat apabila, selepas mengambil penumpangnya bagi maksud pelepasan suatu penerbangan—

(A) kapal udara mula-mula bergerak sehingga selepas ia berlepas;

(B) sebelum ia mendarat sehingga ia berhenti bagi maksud menurunkan penumpangnya; dan

- (C) pada bila-bila masa atas sebab udara yang bergelora atau apa-apa kecemasan yang berlaku semasa penerbangan ketua juruterbang merasakan perlu.
- (3) Ketua juruterbang hendaklah memastikan kabin kapal udara yang tidak bertekanan tidak dikendalikan melebihi aras penerbangan 100, melainkan mengikut terma suatu kelulusan yang diberikan oleh Ketua Pengarah.
- (4) Kecuali jika tekanan altitud kabin tidak melebihi 10,000 kaki semasa penerbangan, ketua juruterbang hendaklah mengambil semua langkah yang munasabah bagi memastikan—
- (a) sebelum kapal udara mencapai aras penerbangan 100, kaedah penggunaan oksigen yang disediakan di dalam kapal udara itu mematuhi kehendak peraturan 40, ditunjukkan kepada semua penumpang;
  - (b) apabila terbang melebihi aras penerbangan 130 semua penumpang dan anggota kru diarahkan untuk menggunakan oksigen; dan
  - (c) pada bila-bila masa apabila kapal udara itu terbang melebihi aras penerbangan 130 oksigen digunakan secara berterusan oleh semua penumpang dan anggota kru.

BAHAGIAN XIII  
PEMBAWAAN SENJATA PERANG DAN BARANGAN BERBAHAYA

**Tafsiran**

128. Dalam Bahagian ini—

- (a) "Arahan Teknikal" ertiya Arahan Teknikal bagi Keselamatan Pengangkutan Barang Berbahaya melalui Udara (Dok 9284),

yang diluluskan dan dikeluarkan mengikut tatacara yang diadakan oleh Majlis ICAO.

- (b) "ejen", "bagasi", "kargo", "barang berbahaya", "kemalangan barang berbahaya", "insiden barang berbahaya" dan "senjata perang" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Aneks 18 Konvensyen Chicago;

### **Program Pengangkutan Barang Berbahaya Kebangsaan**

129. Ketua Pengarah hendaklah mengadakan Program Pengangkutan Barang Berbahaya Kebangsaan bagi maksud Bahagian ini.

#### **Permit bagi pembawaan senjata perang**

130. (1) Tiada pemunya atau pengendali suatu kapal udara boleh membawa apa-apa senjata perang ke atas suatu kapal udara sebagai kargo melainkan jika—

- (a) dia mempunyai suatu permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; dan

- (b) senjata perang itu dibawa mengikut Arahan Teknikal.

(2) Subperaturan (1) terpakai bagi mana-mana kapal udara yang terbang ke atau dari Malaysia atau transit dalam Malaysia.

(3) Permohonan bagi suatu permit atau pembaharuan suatu permit di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(4) Dalam hal mana-mana kapal udara yang terbang melintasi Malaysia tanpa mendarat, orang yang mempunyai permit untuk membawa senjata perang di bawah undang-undang mana-mana Negara hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah tentang pembawaan itu sebelum kapal udara itu terbang melintasi Malaysia.

**Pembawaan senjata perang dalam kapal udara**

131. Tiada seorang pun boleh mengambil, atau menyebabkan diambil, ke dalam mana-mana kapal udara atau untuk menghantar, atau menyebabkan supaya dihantar, bagi pemuatan atau pembawaan ke dalam kapal udara, apa-apa senjata perang melainkan jika—

- (a) Arahan Teknikal telah dipatuhi;
- (b) pembawaan senjata perang itu mematuhi apa-apa arahan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
- (c) senjata perang—
  - (i) merupakan sebahagian daripada suatu bagasi penumpang yang tidak dibawa ke dalam petak penumpang di atas kapal udara atau dikonsain sebagai kargo untuk dibawa di atasnya;
  - (ii) dibawa di dalam suatu bahagian kapal udara atau dalam mana-mana perkakas yang dilekatkan kepada kapal udara itu yang tidak boleh diakses oleh penumpang; dan
  - (iii) dalam hal senjata api, ia tidak diisi peluru;
- (d) butiran senjata perang telah dikemukakan kepada pengendali sebelum penerbangan bermula; dan
- (e) dengan keizinan pengendali yang mempunyai permit di bawah peraturan 130.

**Permit bagi pembawaan barang berbahaya**

132. (1) Tiada pemunya atau pengendali suatu kapal udara boleh membawa apa-apa barang berbahaya ke atas suatu kapal udara sebagai kargo melainkan jika—

- (a) dia mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah; dan
  - (b) barang berbahaya itu dibawa mengikut Arahan Teknikal.
- (2) Subperaturan (1) hendaklah terpakai kepada mana-mana kapal udara yang terbang ke atau dari Malaysia atau transit dalam Malaysia.
- (3) Seseorang yang mempunyai permit di bawah peraturan ini tidak boleh membawa apa-apa barang berbahaya yang dilarang melainkan jika dengan kelulusan Ketua Pengarah.
- (4) Permohonan bagi suatu permit atau pembaharuan atau pengubahan permit di bawah superaturan (1) atau suatu kelulusan atau pembaharuan atau pengubahan kelulusan di bawah subperaturan (3) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

**Pembawaan barang berbahaya di atas kapal udara**

133. Tiada seorang boleh mengambil, atau menyebabkan diambil, ke dalam mana-mana kapal udara atau untuk menghantar, atau menyebabkan supaya dihantar, bagi pemuatan atau pembawaan ke atas kapal udara, apa-apa barang berbahaya melainkan jika—

- (a) Arahan Teknikal telah dipatuhi;
- (b) pembawaan barang berbahaya itu mematuhi apa-apa surat arahan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) dengan keizinan pengendali yang mempunyai permit di bawah peraturan 132.

**Obligasi pengendali dan penghantar muatan**

134. Ketua Pengarah boleh mengenakan obligasi ke atas—

- (a) pengendali, termasuk ejennya, yang mempunyai suatu permit di bawah peraturan 130 atau 132, atau seseorang yang membawa barang berbahaya di bawah peraturan 133; dan
- (b) penghantar muatan, termasuk ejennya, yang mengkonsain kepada pengendali apa-apa senjata perang atau barang berbahaya bagi pembawaan melalui udara.

### **Pelaporan dan penyiasatan kejadian**

135. (1) Dalam hal kejadian kemalangan barang berbahaya, insiden barang berbahaya atau dapatan senjata perang atau barang berbahaya dalam suatu kapal udara Malaysia yang tidak diisyiharkan atau salah isytihar, pengendali kapal udara itu hendaklah, dalam tempoh dua puluh empat jam dari kejadian itu dibawa kepada pengetahuannya, melaporkan kejadian itu kepada Ketua Pengarah mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengendali kapal udara yang mempunyai suatu perakuan pengendali udara yang diberikan di bawah undang-undang mana-mana Negara hendaklah melapor kepada Ketua Pengarah dalam tempoh dua puluh empat jam dari kejadian kemalangan barang berbahaya, insiden barang berbahaya atau dapatan senjata perang atau barang berbahaya dalam suatu kapal udara yang tidak diisyiharkan atau salah isytihar jika kapal udara itu mendarat di dalam atau berlepas dari Malaysia.

(3) Jika apa-apa kemalangan barang berbahaya, kejadian barang berbahaya atau dapatan senjata perang atau barang berbahaya dalam suatu kapal udara tidak diisyiharkan atau salah isytihar dilaporkan kepada Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1) atau (2), Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan penyiasatan dibuat mengikut cara sebagaimana yang ditentukan olehnya.

BAHAGIAN XIV  
KERJA KEUDARAAN DAN PENGENDALIAN KHAS

**Pengendalian kerja keudaraan**

136. (1) Tiada seorang pun boleh menerangkan suatu kapal udara Malaysia atau kapal udara yang didaftarkan di negara asing bagi maksud kerja keudaraan melainkan jika orang itu mempunyai perakuan kerja keudaraan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan perakuan kerja keudaraan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

**Pengguguran artikel atau binatang**

137. (1) Tiada seorang pun boleh menggugurkan atau membenarkan pengguguran artikel atau binatang daripada kapal udara dalam penerangan melainkan jika dengan keizinan bertulis Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi keizinan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Subperaturan (1) tidak terpakai bagi pengguguran artikel oleh atau dengan kebenaran ketua juruterbang kapal udara dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) pengguguran artikel bagi maksud untuk menyelamatkan nyawa;
- (b) pembuangan, dalam hal kecemasan, bahan api atau artikel lain di dalam kapal udara;
- (c) pengguguran balast dalam bentuk pasir halus atau air;

- (d) pengguguran artikel hanya bagi maksud menerangkan kapal udara; atau
- (e) pengguguran di suatu aerodrom tali tunda, kain rentang, atau artikel yang seumpamanya yang ditarik oleh kapal udara.

### **Pengguguran orang**

138. (1) Tiada seorang pun boleh menggugurkan atau membenarkan mana-mana orang digugurkan daripada kapal udara dalam penerbangan kecuali dengan keizinan bertulis Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi keizinan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Suatu kapal udara tidak boleh digunakan bagi maksud pengguguran orang melainkan jika—

- (a) terdapat suatu perakuan kelayakan terbang yang dikeluarkan atau dijadikan sah berkenaan dengan kapal udara itu di bawah undang-undang Negara Pendaftar;
- (b) perakuan atau manual penerbangan mengandungi suatu peruntukan jelas bahawa ia boleh digunakan bagi maksud itu; dan
- (c) kapal udara itu dikendalikan mengikut suatu keizinan bertulis yang diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah peraturan ini.

(4) Seseorang yang memohon atau telah diberikan keizinan untuk menggugurkan orang dari suatu kapal udara hendaklah—

- (a) menjadikan tersedia kepada Ketua Pengarah, jika diminta, suatu manual pengendalian paracut yang mengandungi maklumat dan arahan sebagaimana yang diperlukan bagi membolehkan

kakitangan dan orang yang terlibat dalam pengendalian untuk menjalankan tugas mereka; dan

- (b) memasukkan tatacara pengendalian standard ke dalam manual pengendalian.
- (5) Tiada apa pun dalam peraturan ini—
- (a) terpakai bagi orang yang turun menggunakan paracut daripada suatu kapal udara dalam suatu kecemasan;
  - (b) melarang penurunan mana-mana orang dalam suatu kecemasan atau bagi maksud menyelamatkan nyawa; atau
  - (c) melarang penurunan mana-mana orang daripada suatu helikopter yang beredar di atas darat mengikut amalan penerbangan yang normal.

BAHAGIAN XV  
PERKHIDMATAN PENGENDALIAN DARAT

**Kelulusan teknikal oleh Ketua Pengarah**

139. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perkhidmatan pengendalian darat kecuali dengan kelulusan teknikal yang diberikan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, “perkhidmatan pengendalian darat” ertinya mana-mana perkhidmatan pengendalian darat yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

BAHAGIAN XVI  
SISTEM KAPAL UDARA TANPA PEMANDU

**Sistem kapal udara tanpa pemandu**

140. (1) Tiada seorang pun boleh menerangkan sistem kapal udara tanpa pemandu—

- (a) dalam ruang udara Kelas A, B, C, atau G;
- (b) dalam lingkungan zon trafik aerodrom; dan
- (c) pada ketinggian melebihi 400 kaki di atas permukaan bumi,

melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah dan hendaklah tertakluk kepada kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Orang yang bertanggungjawab bagi suatu sistem kapal udara tanpa pemandu tidak boleh menyebabkan atau membenarkan mana-mana artikel atau binatang sama ada atau tidak ia dilekatkan pada paracut untuk digugurkan daripada sistem kapal udara tanpa pemandu itu.

(4) Bagi maksud peraturan ini, “ruang udara Kelas A, B, C atau G” ertinya ruang udara sebagaimana yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah.

**Kerja keudaraan yang melibatkan sistem kapal udara tanpa pemandu**

141. (1) Tiada seorang pun boleh menerangkan suatu sistem kapal udara tanpa pemandu bagi maksud kerja keudaraan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah menurut peraturan 189.

### **Kapal udara kecil tanpa pemandu**

142. (1) Orang yang bertanggungjawab bagi suatu kapal udara kecil tanpa pemandu boleh menerbangkan kapal udara kecil tanpa pemandu jika dia berpuas hati bahawa penerbangan itu boleh dibuat dengan selamat.

(2) Orang yang bertanggungjawab bagi suatu kapal udara kecil tanpa pemandu hendaklah mengekalkan perhubungan visual secara langsung dan tanpa bantuan dengan kapal udara kecil tanpa pemandu itu yang mencukupi untuk mengawasi laluan penerbangannya berhubung dengan kapal udara lain, orang, kenderaan, vesel dan struktur bagi maksud untuk mengelakkan pelanggaran.

### **Kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu**

143. (1) Tiada seorang pun boleh menerbangkan suatu kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu dalam mana-mana hal keadaan yang berikut tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah:

- (a) melintasi mana-mana kawasan yang ditentukan;
- (b) dalam lingkungan 150 meter dari mana-mana kawasan yang ditentukan;
- (c) melintasi mana-mana perhimpunan dalam kawasan terbuka yang dihadiri oleh lebih daripada 1,000 orang;
- (d) dalam lingkungan 150 meter dari mana-mana perhimpunan dalam kawasan terbuka yang dihadiri oleh lebih daripada 1,000 orang;
- (e) dalam lingkungan 50 meter dari mana-mana vesel, kenderaan atau struktur yang tidak berada di bawah kawalan orang yang bertanggungjawab bagi kapal udara itu;
- (f) dalam lingkungan 50 meter dari mana-mana orang; atau

(g) dalam lingkungan 30 meter dari mana-mana orang semasa pelepasan dan pendaratan.

(2) Permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Bagi maksud peraturan ini, "kawasan yang ditentukan" ertinya mana-mana kawasan yang digunakan bagi maksud kediaman, perdagangan, perindustrian atau rekreasi.

### **Sistem kapal udara tanpa pemandu melebihi 20 kilogram**

144. (1) Tiada seorang pun boleh menerbangkan kapal udara tanpa pemandu yang mempunyai jisim melebihi 20 kilogram tanpa bahan api, tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

## BAHAGIAN XVII

### PENERBANGAN AM

#### **Tafsiran**

145. Dalam Bahagian ini, "pengendalian penerbangan am" ertinya suatu pengendalian kapal udara selain pengendalian pengangkutan udara komersial atau pengendalian kerja keudaraan.

#### **Kapal udara Malaysia yang digunakan dalam pengendalian penerbangan am**

146. (1) Pemunya, pengendali atau ketua juruterbang kapal udara Malaysia yang digunakan dalam mana-mana penerbangan am tidak boleh menerbangkan kapal udara itu di dalam atau melintasi Malaysia melainkan jika mengikut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Ketua Pengarah boleh, sama ada secara am atau bagi tempoh masa yang dinyatakan olehnya, mengecualikan mana-mana orang daripada apa-apa kehendak yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1).

(3) Dalam memberikan pengecualian di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah mengambil kira keselamatan kapal udara atau orang.

**Kapal udara didaftarkan di negara asing yang digunakan dalam pengendalian penerbangan am**

147. (1) Pemunya atau pengendali suatu kapal udara yang didaftarkan di negara asing yang digunakan dalam mana-mana pengendalian penerbangan am yang beroperasi dalam Malaysia melebihi tempoh masa enam bulan tidak boleh menerbangkan kapal udara itu di dalam atau melintasi Malaysia melainkan jika pemunya atau pengendali kapal udara itu mendaftarkan kapal udara itu di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pemunya atau pengendali boleh memohon kepada Ketua Pengarah secara bertulis untuk melanjutkan tempoh masa yang disebut di bawah subperaturan (1) sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tamat tempoh masa itu dan Ketua Pengarah mempunyai budi bicara mutlak sama ada untuk melanjutkan lanjutan tempoh masa itu ataupun tidak.

(3) Jika pemunya atau pengendali kapal udara yang didaftarkan di negara asing tidak mendaftarkan kapal udara itu di bawah subperaturan (1) atau dalam tempoh yang dilanjutkan dalam subperaturan (2), Ketua Pengarah boleh menolak untuk meluluskan pelan penerbangan yang dikemukakan oleh pemunya atau pengendali berhubung dengan kapal udara itu.

BAHAGIAN XVIII  
PENGENDALIAN KAPAL UDARA ASING

**Sekatan berkenaan dengan pengangkutan bagi balasan berharga dalam kapal udara yang didaftarkan di negara asing**

148. (1) Suatu kapal udara yang didaftarkan dalam Negara Pejanji atau dalam suatu Negara tidak boleh mengambil ke dalamnya atau mengeluarkan mana-mana penumpang atau kargo dalam Malaysia, jika balasan berharga diberikan atau dijanjikan berkenaan dengan pengangkutan penumpang atau kargo itu melainkan jika terdapat suatu perjanjian berkenaan dengan hak trafik udara yang dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan Negara Pejanji atau Negara itu, yang dalamnya kapal udara itu didaftarkan.

(2) Tertakluk kepada perjanjian di bawah superaturan (1), pegawai diberi kuasa boleh melaksanakan pemeriksaan tanjakan atau menjalankan langkah pengawasan yang lain berhubung dengan mana-mana kapal udara yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Jika pemeriksaan tanjakan atau langkah pengawasan mengenal pasti suatu hal ketidakpatuhan atau mengesyaki ketidakpatuhan oleh suatu kapal udara yang disebut dalam subperaturan (1) kepada undang-undang, peraturan-peraturan dan tatacara yang terpakai dalam Malaysia atau suatu isu keselamatan yang serius seumpamanya dengan pengendali bagi kapal udara itu, pegawai diberi kuasa hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pengendali dan, jika isu itu mengkehendakinya, Negara Pengendali dan, jika Negara Pendaftar dan Negara Pengendali adalah berbeza, pemberitahuan itu hendaklah juga dibuat kepada Negara Pendaftar.

BAHAGIAN XIX  
PELESENAN PENGAWAL TRAFIK UDARA

**Pelesenan pengawal trafik udara**

149. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) bertindak sebagai pengawal trafik udara;
- (b) meletakkan dirinya, sama ada dengan menggunakan isyarat panggilan radio atau selainnya, sebagai pengawal trafik udara; atau
- (c) menyelia atau melatih mana-mana orang untuk bertindak sebagai pengawal trafik udara,

melainkan jika orang itu mempunyai lesen pengawal trafik udara yang diberikan atau diperbaharui di bawah peraturan ini dan perkelasan yang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dimasukkan ke dalam lesen itu.

(2) Permohonan bagi lesen pengawal trafik udara hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), seseorang yang menjalani latihan semasa kerja untuk bertindak sebagai seorang pengawal trafik udara berhak untuk meletakkan dirinya, sama ada dengan menggunakan isyarat panggilan radio atau selainnya, sebagai pengawal trafik udara jika dia secara langsung diselia oleh seseorang yang memegang lesen trafik udara dengan perkelasan yang berkenaan.

### **Tandatangan dikehendaki**

150. Lesen pengawal trafik udara hendaklah ditandatangani oleh pemohon yang berjaya pada masa pengeluaran atau pembaharuan lesen di hadapan orang yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

### **Kesahan lesen pengawal trafik udara**

151. Lesen pengawal trafik udara yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Bahagian ini sah bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

### **Organisasi latihan yang diluluskan**

152. (1) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud Bahagian ini—

- (a) meluluskan mana-mana kursus latihan atau pengajaran;
  - (b) membenarkan seseorang untuk menjalankan pemeriksaan atau ujian sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;
  - (c) meluluskan seseorang untuk menyediakan mana-mana kursus latihan atau pengajaran yang diluluskan di bawah perenggan (a); atau
  - (d) meluluskan penggunaan suatu simulator bagi maksud latihan kawalan trafik udara.
- (2) Permohonan bagi pengeluaran, pembaharuan dan pengubahan kelulusan atau kebenaran di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

#### **Manual Kawal Selia Perkhidmatan Penerbangan Udara**

153. (1) Ketua Pengarah boleh, dengan cara yang difikirkannya perlu, menyiarkan suatu manual, yang dinamakan "Manual Kawal Selia Perkhidmatan Penerbangan Udara", yang mengandungi standard, amalan yang disyorkan dan material panduan yang berhubungan dengan pelesenan pengawal trafik udara dan kelulusan orang untuk menyediakan latihan kepada pengawal trafik udara sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh tentukan untuk diterima pakai di Malaysia.

(2) Seseorang pemegang suatu lesen pengawal trafik udara dan orang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk menyediakan apa-apa kursus latihan atau pengajaran di bawah peraturan 152 hendaklah mematuhi standard yang terpakai yang dinyatakan dalam Manual Kawal Selia Perkhidmatan Penerbangan Udara itu.

#### **Manual Perkhidmatan Trafik Udara**

154. Seseorang tidak boleh menyediakan perkhidmatan kawalan trafik udara di mana-mana tempat melainkan jika—

- (a) perkhidmatan yang disediakan mengikut standard dan tatacara yang dinyatakan dalam Manual Perkhidmatan Trafik Udara berkenaan dengan tempat itu;
- (b) Manual dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh masa yang munasabah selepas diminta untuk menyediakan Manual itu oleh Ketua Pengarah; dan
- (c) pindaan atau penambahan telah dibuat kepada Manual sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

**Ketidakupayaan pengawal trafik udara**

155. (1) Seseorang yang mempunyai suatu lesen pengawal trafik udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 149 yang—

- (a) mengalami apa-apa kecederaan diri yang melibatkan ketidakupayaan untuk menjalankan fungsi yang baginya lesen itu berkaitan;
- (b) mengalami apa-apa penyakit yang melibatkan ketidakupayaan untuk menjalankan fungsi sepanjang tempoh lebih dari dua puluh satu hari;
- (c) mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia hamil;
- (d) menghendaki rawatan yang berterusan dengan apa-apa preskripsi perubatan; atau
- (e) telah menerima rawatan perubatan yang menghendaki dimasukkan ke hospital,

hendaklah—

- (A) seberapa segera yang mungkin memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis mengenai kecederaan, penyakit, kehamilan atau rawatan itu atau seberapa segera yang mungkin selepas tempoh dua puluh satu hari luput dalam hal suatu penyakit yang disebut dalam perenggan (b); dan
- (B) tidak menjalankan keistimewaan bagi lesen dan perkelasan sehingga dia memuaskan hati pemeriksa perubatan bahawa kelayakan perubatannya telah pulih kepada standard sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Seseorang yang mempunyai suatu lesen pengawal trafik udara yang disebut dalam subperenggan (1)(a) atau (b) tidak boleh bertindak sebagai pengawal trafik udara—

- (a) sehingga pemegang lesen itu telah menjalani pemeriksaan perubatan di bawah perkiraan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dan disahkan layak untuk menyambung fungsinya di bawah lesen itu; atau
- (b) melainkan jika Ketua Pengarah mengecualikan pemegang lesen daripada kehendak bagi pemeriksaan perubatan tertakluk kepada syarat sebagaimana yang Ketua Pengarah yang difikirkan layak.

(3) Ketua Pengarah boleh mengkehendaki pemegang suatu lesen pengawal trafik udara yang disebut dalam subperaturan (1)(c) untuk menjalani pemeriksaan perubatan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Pemegang lesen pengawal trafik udara yang telah dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan perubatan yang disebut dalam subperaturan (3) tidak boleh bertindak sebagai pengawal trafik udara mengikut perkelasan dalam lesennya jika dia disahkan tidak berkeupayaan untuk bertindak sebagai seorang pengawal trafik udara.

### **Kelesuan pengawal trafik udara**

156. Pemegang lesen pengawal trafik udara tidak boleh bertindak sebagai pengawal trafik udara jika dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia sedang mengalami kelesuan yang boleh menjadikan dia tidak berupaya untuk bertindak sebagai seorang pengawal trafik udara dalam keadaan selamat dan cara yang wajar.

### **Larangan menggunakan bahan-bahan psikoaktif**

157. Pemegang lesen pengawal trafik udara tidak boleh bertindak sebagai pengawal trafik udara jika dia berada di bawah pengaruh alkohol, apa-apa dadah atau apa-apa bahan psikoaktif, termasuk perubatan yang dipreskripsi atau perubatan proprietor, yang boleh menjadikan dia tidak berupaya untuk bertindak sebagai seorang pengawal trafik udara dalam cara yang selamat dan wajar.

## BAHAGIAN XX

### PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI AERONAUTIK

#### **Perkhidmatan telekomunikasi aeronautik**

158. (1) Tiada seorang pun boleh, melainkan dengan kelulusan Ketua Pengarah—

- (a) menyediakan apa-apa perkhidmatan telekomunikasi aeronautik, atau menyebabkan atau membenarkan apa-apa perkhidmatan telekomunikasi aeronautik diadakan, di Malaysia; atau
- (b) menyediakan perkhidmatan pemeriksaan penerbangan yang berkaitan dengan suatu sistem telekomunikasi aeronautik atau kelengkapan.

(2) Permohonan bagi kelulusan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

(3) Peruntukan peraturan ini tidak terpakai bagi hal yang berkaitan dengan apa-apa perkhidmatan telekomunikasi aeronautik yang baginya orang yang bertanggungjawab ialah Ketua Pengarah atau yang disediakan di aerodrom angkatan tentera.

### **Perakuan stesen radio aeronautik**

159. (1) Tiada seorang pun boleh mengendalikan suatu stesen radio aeronautik melainkan jika orang itu mempunyai suatu perakuan stesen radio aeronautik yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan bagi suatu perakuan stesen radio aeronautik hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah mengikut peraturan 189.

## BAHAGIAN XXI DOKUMEN DAN REKOD

### **Buku log perjalanan**

160. (1) Pengendali suatu kapal udara Malaysia hendaklah merekodkan dan menyimpan maklumat yang dinyatakan dalam notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 81(1)(c) dalam buku log perjalanan, dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalamnya.

(2) Ketua Pengarah boleh membenarkan pengendali untuk tidak menyimpan suatu buku log perjalanan jika maklumat yang berkaitan terdapat dalam dokumen lain yang dikehendaki untuk disimpan di bawah peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pengendali hendaklah memastikan semua catatan dalam buku log perjalanan dibuat dengan serentak dan bersifat kekal.

### **Dokumen yang kena dibawa**

161. (1) Ketua juruterbang tidak boleh menerangkan suatu kapal udara melainkan jika kapal udara itu membawa dokumen yang dikehendaki untuk dibawa di bawah undang-undang Negara Pendaftar.

(2) Ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia hendaklah memastikan kapal udara itu, apabila dalam penerbangan, membawa dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subperenggan (2), jika kapal udara yang dihasratkan untuk bermula dan berakhir di aerodrom yang sama dan tidak termasuk laluan dalam wilayah mana-mana Negara, dokumen itu boleh disimpan di aerodrom itu.

**Pengemukaan dokumen dan rekod**

162. (1) Ketua juruterbang suatu kapal udara hendaklah, dalam tempoh yang munasabah selepas diminta berbuat demikian oleh seseorang pegawai diberi kuasa, menyebabkan supaya dikemukakan kepada orang diberi kuasa itu—

- (a) perakuan pendaftaran dan perakuan kelayakan terbang yang sedang berkuat kuasa berkenaan dengan kapal udara itu;
- (b) lesen kru penerbangannya; dan
- (c) apa-apa dokumen lain yang kapal udara itu dikehendaki oleh peraturan 161 untuk dibawa apabila dalam penerbangan.

(2) Pengendali suatu kapal udara Malaysia hendaklah, dalam tempoh yang munasabah selepas diminta berbuat demikian oleh seorang pegawai diberi kuasa, menyebabkan supaya dikemukakan kepada pegawai diberi kuasa itu dokumen atau rekod yang berikut:

- (a) dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 161;
- (b) perakuan kelayakan terbang dan perakuan pendaftaran berkenaan dengan kapal udara itu dan lesen yang berkuat kuasa berkaitan dengan stesen radio kapal udara yang dipasang dalam kapal udara itu;

- (c) buku log kapal udara, buku log enjin dan buku log pic bebalung boleh ubah yang dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk disimpan;
- (d) jadual berat, jika ada, yang dikehendaki disimpan kekal di bawah peraturan 43;
- (e) dalam hal suatu kapal udara pengangkutan udara komersial atau kapal udara kerja keudaraan, salinan helaian muatan, buku log perjalanan dan bahagian manual pengendalian yang dikehendaki oleh peraturan 111 untuk dibawa dalam penerbangan;
- (f) apa-apa rekod yang dikehendaki oleh subperaturan 72(7) untuk disimpan kekal, dan dokumen dan maklumat lain dalam milikan atau kawalan pengendali;
- (g) rekod yang dibuat oleh mana-mana alat perakam penerbangan yang dikehendaki untuk dibawa di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Pemegang suatu lesen yang diberikan atau dijadikan sah di bawah Peraturan-Peraturan ini atau perakuan perubatan yang dikehendaki di bawah peraturan 60 hendaklah, dalam tempoh lima hari selepas diminta untuk berbuat demikian oleh seorang pegawai diberi kuasa, menyebabkan supaya dikemukakan kepada seorang pegawai diberi kuasa itu lesen atau perakuan itu.

(4) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh peraturan 69 untuk menyimpan suatu buku log penerbangan peribadi hendaklah menyebabkan supaya buku log itu dikemukakan dalam tempoh lima hari selepas diminta untuk berbuat demikian oleh pegawai diberi kuasa.

#### **Penyimpanan kekal dokumen dan rekod**

163. (1) Pengendali suatu kapal udara yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk menyimpan kekal apa-apa dokumen atau rekod hendaklah, jika dia tidak lagi

menjadi pengendali kapal udara itu, terus menyimpan kekal dokumen atau rekod itu dan jika dia mati tanggungjawab untuk menyimpan kekal dokumen dan rekod itu hendaklah terletak pada wakil dirinya.

(2) Jika orang lain menjadi pengendali kapal udara itu, pengendali yang disebut dalam subperaturan (1) atau wakil dirinya hendaklah menyerahkan kepada orang itu apabila diminta rekod kelayakan terbang berterusan kapal udara itu, buku log dan jadual berat dan apa-apa rekod yang dibuat oleh alat perakam data penerbangan dan disimpan kekal mengikut subperaturan 91(3).

(3) Jika suatu enjin atau bebalung pic berubah ditanggalkan daripada kapal udara itu dan dipasangkan di dalam kapal udara lain yang dikendalikan oleh seseorang yang lain pengendali yang disebut dalam subperaturan (1) atau wakil dirinya hendaklah menyerahkan kepada orang itu apabila diminta buku log berhubung dengan enjin atau bebalung itu.

(4) Jika mana-mana orang yang berkenaan dengannya suatu rekod telah disimpan oleh pengendali yang disebut dalam subperaturan (1) mengikut subperaturan 72(7) menjadi anggota kru penerbangan kapal udara bagi pengangkutan udara komersial yang didaftarkan di Malaysia dan dikendalikan oleh seorang yang lain pengendali yang disebut dalam subperaturan (1) atau wakil dirinya hendaklah menyerahkan rekod itu kepada orang lain itu apabila diminta.

### **Kesalahan berhubung dengan dokumen dan rekod**

164. (1) Seseorang tidak boleh dengan niat hendak memperdaya—

(a) menggunakan apa-apa kebenaran, arahan, perakuan, lesen, kelulusan, keizinan, permit, pengecualian atau dokumen lain yang dikeluarkan atau dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini yang telah dipalsukan, diubah, dibatalkan atau digantung, atau yang kepadanya orang itu tidak berhak;

- (b) meminjamkan apa-apa kebenaran, arahan, perakuan, lesen, kelulusan, keizinan, permit, pengecualian atau dokumen lain yang dikeluarkan atau dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk, atau membenarkan ia digunakan oleh, mana-mana orang lain; atau
- (c) membuat apa-apa pernyataan palsu bagi maksud untuk mendapatkan kepada dirinya atau orang lain pemberian, pengeluaran, pembaharuan atau pengubahan apa-apa kebenaran, arahan, perakuan, lesen, kelulusan, keizinan, permit, pengecualian atau dokumen lain yang dikeluarkan atau dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini.

(2) Seseorang tidak boleh dengan sengaja mencacatkan, mengubah atau menjadikan tidak boleh dibaca mana-mana buku log atau rekod lain yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini untuk disenggarakan atau apa-apa catatan yang dibuat di dalamnya, atau dengan disedarinya membuat, atau mendapatkan atau membantu dalam membuat, apa-apa catatan palsu dalam atau meninggalkan secara material daripada mana-mana buku log atau rekod, atau memusnahkan mana-mana buku log atau rekod itu dalam tempoh yang baginya ia dikehendaki di bawah Peraturan-Peraturan ini untuk disimpan kekal.

(3) Semua catatan yang dibuat secara bertulis dalam mana-mana buku log atau rekod yang disebut dalam subperaturan (2) hendaklah dibuat dengan dakwat atau cara lain yang berbentuk kekal.

(4) Seseorang tidak boleh dengan sengaja atau dengan cuai membuat apa-apa catatan yang salah dalam apa-apa butiran material atau meninggalkan apa-apa butiran material dalam suatu helaian muatan.

(5) Bagi maksud peraturan ini, apa-apa sebutan tentang kebenaran, arahan, perakuan, lesen, kelulusan, keizinan, permit, pengecualian atau dokumen lain termasuklah suatu salinan atau berupa salinannya itu.

BAHAGIAN XXII  
PELAPORAN MANDATORI KEJADIAN

**Pelaporan mandatori kejadian**

165. (1) Dalam peraturan ini, "kejadian kena lapor" ertinya—
- (a) suatu insiden berhubung dengan suatu kapal udara atau apa-apa kecacatan atau kerosakan suatu kapal udara atau apa-apa bahagian atau kelengkapan kapal udara itu, yang merupakan suatu insiden, kerosakan atau kecacatan yang membahayakan atau yang jika tidak dibetulkan akan membahayakan kapal udara itu, orang yang berada di dalamnya atau mana-mana orang lain; atau
  - (b) apa-apa kecacatan atau kerosakan bagi mana-mana kemudahan di darat yang digunakan atau yang dimaksudkan untuk digunakan berkaitan dengan pengendalian suatu kapal udara, yang merupakan suatu kecacatan atau kerosakan yang membahayakan, atau yang jika tidak dibetulkan akan membahayakan kapal udara itu atau orang yang berada di dalamnya.
- (2) Seseorang yang—
- (a) mempunyai perakuan pengendali udara yang dikeluarkan di bawah peraturan 110;
  - (b) mempunyai perakuan atau kelulusan bertulis yang diberikan di bawah peraturan 21;
  - (c) mempunyai perakuan atau kelulusan bertulis yang diberikan di bawah peraturan 30;
  - (d) mempunyai perakuan atau kelulusan bertulis yang diberikan di bawah peraturan 31;

(e) merupakan pemunya, pengendali atau ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia yang digunakan dalam mana-mana pengendalian penerbangan am atau kerja keudaraan; atau

(f) merupakan pengendali suatu aerodrom,

yang mempunyai pengetahuan mengenai apa-apa kejadian kena lapor hendaklah melaporkan kejadian itu dalam bentuk, cara dan perihalan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam tempoh empat puluh lapan jam kejadian kena lapor itu diketahuinya.

(3) Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan kejadian kena lapor yang telah dilaporkan kepada Ketua Pengarah dengan menyampaikan notis bertulis kepada orang itu.

(4) Seseorang yang telah disampaikan suatu notis di bawah subperaturan (3) hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat dalam pengetahuan atau kawalannya kepada Ketua Pengarah dalam tempoh dan dalam cara yang dinyatakan dalam notis itu.

(5) Walau apa pun peraturan 91, pengendali kapal udara hendaklah, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu laporan bagi apa-apa kejadian kena lapor telah atau akan dibuat, menyimpan kekal apa-apa data daripada alat perakam penerbangan yang relevan kepada kejadian kena lapor untuk tempoh empat belas hari dari tarikh laporan kejadian itu dibuat atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh arahkan dalam suatu hal tertentu.

BAHAGIAN XXIII  
PROGRAM KESELAMATAN DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN

**Program Keselamatan Malaysia**

166. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan hendaklah mengadakan Program Keselamatan Malaysia bagi menguruskan keselamatan penerbangan awam di Malaysia.

**Sistem pengurusan keselamatan**

167. (1) Penyedia perkhidmatan hendaklah mengadakan sistem pengurusan keselamatan menurut kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Sistem pengurusan keselamatan yang diadakan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan untuk kelulusan kepada—

(a) dalam hal penyedia perkhidmatan trafik udara, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan; dan

(b) dalam hal penyedia perkhidmatan selain penyedia perkhidmatan trafik udara, Ketua Pengarah.

(3) Dalam peraturan ini, “penyedia perkhidmatan” ertinya—

(a) organisasi latihan yang diluluskan yang terdedah kepada risiko keselamatan yang berkaitan dengan pengendalian kapal udara semasa penyediaan perkhidmatannya;

(b) pemegang perakuan pengendalian udara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;

(c) organisasi penyenggaraan yang diluluskan yang menyediakan perkhidmatan kepada pemegang perakuan pengendalian udara yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah;

- (d) mana-mana organisasi yang bertanggungjawab bagi reka bentuk jenis atau pembuatan kapal udara;
- (e) penyedia perkhidmatan trafik udara;
- (f) seseorang yang dilesenkan di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 untuk mengendalikan suatu aerodrom;
- (g) mana-mana pengendali kapal terbang dengan jisim pelepasan maksimum yang diperakukan melebihi 5,700 kilogram atau dilengkapi dengan satu atau lebih enjin jet turbo yang digunakan dalam mana-mana pengendalian penerbangan am antarabangsa; dan
- (h) organisasi penyenggaraan yang diluluskan yang memberikan perkhidmatan kepada pengendali kapal terbang yang didaftarkan di Malaysia dengan jisim pelepasan maksimum yang diperakukan melebihi 5,700 kilogram atau dilengkapi dengan satu atau lebih enjin jet turbo yang digunakan dalam mana-mana pengendalian penerbangan am antarabangsa.

BAHAGIAN XXIV  
LANGKAH KESELAMATAN

**Tanggungjawab Ketua Pengarah**

168. (1) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi melindungi penerbangan awam daripada apa-apa campur tangan yang menyalahi undang-undang dan bagi maksud itu, Ketua Pengarah hendaklah mematuhi peruntukan Aneks 17 kepada Konvensyen Chicago dan Manual Keselamatan bagi Melindungi Penerbangan Awam terhadap Tindakan Campur Tangan yang Menyalahi Undang-Undang yang dikeluarkan oleh ICAO, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

(2) Bagi maksud keselamatan penerbangan awam, Ketua Pengarah hendaklah mengadakan Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan atau apa-apa program keselamatan lain sebagaimana yang Ketua Pengarah fikirkan perlu, untuk diterima pakai oleh pengendali, pengendali aerodrom, ejen kargo udara atau mana-mana orang lain.

(3) Ketua Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan notis kepada mana-mana orang untuk menghendaki orang itu untuk mengambil langkah keselamatan yang dinyatakan dalam notis itu bagi maksud untuk melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan campur tangan yang menyalahi undang-undang.

BAHAGIAN XXV  
PENAHANAN DAN PENJUALAN KAPAL UDARA

**Tafsiran**

169. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“amaun tertunggak” ertinya, berhubung dengan suatu kapal udara yang berkenaan suatu lien sedang berkuat kuasa, berhubung dengan suatu masa tertentu—

- (a) amaun apa-apa caj yang kena dibayar berkenaan dengan kapal udara itu yang tidak dibayar pada masa itu;
- (b) amaun apa-apa penalti yang tidak dibayar pada masa itu; dan
- (c) amaun apa-apa hutang yang kena dibayar di bawah peraturan 182 berkenaan dengan kapal udara itu yang tidak dibayar pada masa itu,

setakat yang amaun itu tidak diremitkan, diketepikan atau dilupuskan.

“caj lapangan terbang” ertinya apa-apa caj yang kena dibayar kepada pengendali aerodrom;

“fi atau caj” ertinya apa-apa fi atau caj yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Fi dan Caj) 2016;

“kapal udara” termasuklah—

- (a) kelengkapan kapal udara dan apa-apa stor yang digunakan berkaitan dengan pengendaliannya, yang merupakan kelengkapan dan stor yang dibawa di dalam kapal udara itu, sama ada atau tidak harta bagi orang itu yang merupakan pengendalinya; dan
- (b) apa-apa dokumen kapal udara yang dibawa di dalamnya.

**Penahanan kapal udara apabila mungkir dalam pembayaran fi atau caj**

170. (1) Jika seseorang mungkir dalam membuat pembayaran apa-apa fi atau caj kepada Jabatan Penerbangan Awam, Ketua Pengarah boleh—

- (a) menahan kapal udara itu berkenaan dengan fi atau caj yang kena bayar atau ditanggungkan, sama ada atau tidak ia kena dibayar atau dipertanggung oleh seseorang yang merupakan pemunya atau pengendali kapal udara itu pada masa apabila penahanan itu bermula; atau
- (b) menahan mana-mana kapal udara lain yang baginya orang yang mungkir itu adalah pemunya atau pengendali kapal udara itu pada masa penahanan itu bermula.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh menahan atau terus menahan suatu kapal udara di bawah peraturan ini jika pemunya atau pengendali kapal udara itu atau mana-mana orang lain menuntut suatu kepentingan dalam kapal udara itu—

- (a) mempertikaikan bahawa fi atau caj itu kena bayar atau dipertanggung berkenaan dengan kapal udara itu; dan
- (b) memberikan kepada Ketua Pengarah, sementara menunggu pemutusan pertikaian itu, jaminan yang mencukupi bagi pembayaran caj yang dikatakan kena bayar atau dipertanggung itu.

**Tanggungjawab Ketua Pengarah apabila menahan kapal udara**

171. Jika Ketua Pengarah menahan suatu kapal udara menurut peraturan 170, dia hendaklah—

- (a) dengan secepat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, mencatatkan butiran penahanan seperti yang berikut dalam Daftar Kapal Udara:
  - (i) perihal dan amaun fi atau caj yang kena dibayar dan daripada siapa caj yang kena bayar;
  - (ii) tarikh dan masa kapal udara itu ditahan; dan
  - (iii) tarikh dan masa catatan itu dibuat; dan
- (b) mengambil semua langkah yang munasabah untuk memberi notis penahanan kepada—
  - (i) pemunya, pengendali, penerima pajak, penyewa, pencarter atau ketua juruterbang kapal udara itu; atau
  - (ii) orang yang, pada pendapat Ketua Pengarah, mempunyai suatu kepentingan bercagar dalam kapal udara itu.

### **Lien kapal udara**

172. Jika Ketua Pengarah membuat suatu catatan di bawah peraturan 171, suatu lien kapal udara hendaklah terletak hak pada Ketua Pengarah dan dia boleh menyimpan milikan kapal udara itu sehingga semua amaun tertunggak dibayar.

### **Pembatalan pendaftaran kapal udara Malaysia**

173. (1) Dalam hal suatu kapal udara Malaysia, jika suatu amaun tertunggak yang dijamin oleh suatu lien kapal udara tidak dibayar pada akhir enam bulan selepas hari lien kapal udara itu terletak hak pada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh, setelah mengambil kira semua hal keadaan termasuklah langkah-langkah, jika ada, yang diambil oleh mana-mana orang untuk membayar semua atau sebahagian daripada amaun tertunggak yang dijamin oleh lien kapal udara itu, membatalkan pendaftaran kapal udara itu daripada Daftar Kapal Udara.

(2) Suatu kapal udara yang dibatalkan pendaftarannya di bawah subperaturan (1) tidak boleh didaftarkan semula sehingga lien kapal udara itu terhenti daripada berkuat kuasa.

### **Penjualan kapal udara**

174. Jika suatu amaun tertunggak yang dijamin oleh suatu lien suatu kapal udara tidak dibayar pada akhir satu bulan selepas tarikh yang padanya lien kapal udara itu terletak hak pada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah boleh, dengan izin Mahkamah Tinggi menjual kapal udara itu.

### **Notis permohonan**

175. (1) Ketua Pengarah hendaklah, sekurang-kurangnya dua puluh satu hari sebelum memohon izin kepada Mahkamah Tinggi untuk menjual kapal udara itu, menyiarkan suatu notis dalam satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris dan hendaklah, melainkan jika dalam hal itu adalah tidak praktik untuk berbuat demikian, menyerahkan notis kepada orang yang berikut:

- (a) pemunya kapal udara itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Daftar Kapal Udara;
  - (b) orang yang didapati oleh Ketua Pengarah ialah pengendali kapal udara itu;
  - (c) orang yang didapati oleh Ketua Pengarah ialah pencarter atau penyewa kapal udara itu;
  - (d) orang yang didaftarkan sebagai pemegang gadai janji bagi kapal udara itu dalam Daftar Kapal Udara; dan
  - (e) mana-mana orang lain yang didapati oleh Ketua Pengarah mempunyai kepentingan prioriti ke atas kapal udara itu.
- (2) Suatu notis di bawah subperaturan (1) hendaklah—
- (a) menyatakan tanda kenegaraan dan pendaftaran kapal udara itu;
  - (b) menyatakan jenis kapal udara itu;
  - (c) menyatakan bahawa atas sebab kemungkiran dalam pembayaran jumlah yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah bagi apa-apa fi atau caj yang kena dibayar atau dipertanggung, Ketua Pengarah, pada tarikh yang hendaklah dinyatakan dalam notis itu, menahan kapal udara itu di bawah peraturan 170 dan, melainkan jika pembayaran jumlah yang kena dibayar dibuat dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis itu diserahkan, akan memohon izin kepada Mahkamah Tinggi untuk menjual kapal udara itu; dan
  - (d) mempelawa orang yang kepadanya notis itu diberikan untuk memberitahu Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari dari

tarikh penyerahan notis itu jika dia berhasrat untuk menjadi pihak dalam prosiding permohonan itu.

- (3) Suatu notis di bawah subperaturan (1) hendaklah disampaikan—
  - (a) dengan menyerahkan notis itu kepada orang yang kepadanya notis itu kena dihantarkan;
  - (b) dengan meninggalkan notis itu di tempat perniagaan atau kediamannya yang biasa atau yang terakhir diketahui;
  - (c) dengan menghantar melalui pos dengan cara surat berdaftar pra-bayar yang dialamatkan kepada orang itu di tempat perniagaan atau kediamannya yang biasa atau terakhir diketahui; atau
  - (d) jika orang yang kepadanya notis itu hendak dihantar ialah suatu syarikat atau pertubuhan perbadanan, dengan menyerahkan atau menghantar melalui surat berdaftar prabayar ke alamat berdaftar atau alamat pejabat utama syarikat atau pertubuhan perbadanan itu.

### **Notis jualan**

176. (1) Jika izin diberikan oleh Mahkamah Tinggi, Ketua Pengarah hendaklah menyiaran suatu notis untuk menjual kapal udara itu dalam satu surat khabar Malaysia yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa kebangsaan dan satu surat khabar yang diedarkan secara meluas di Malaysia dalam bahasa Inggeris.

(2) Jualan suatu kapal udara menurut izin yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi hendaklah tertakluk kepada syarat yang Mahkamah Tinggi boleh kenakan, sebagaimana yang difikirkannya adil.

### **Hasil jualan**

177. Hasil apa-apa jualan di bawah Bahagian ini hendaklah digunakan dengan susunan yang berikut:

- (a) membayar apa-apa duti kastam yang kena dibayar yang berbangkit daripada kapal udara itu dibawa masuk ke dalam Malaysia;
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Ketua Pengarah dalam menahan, menyimpan dan menjual kapal udara itu, termasuklah perbelanjaan berkaitan dengan permohonan kepada Mahkamah Tinggi dan pengambilan insurans yang dikehendaki di bawah peraturan 182;
- (c) membayar apa-apa caj berkenaan dengan mana-mana kapal yang Mahkamah Tinggi dapat kena bayar kepada Ketua Pengarah;
- (d) membayar apa-apa caj lapangan terbang yang dipertanggungkan berkenaan dengan kapal udara itu yang kena bayar oleh pengendali kapal udara itu kepada mana-mana pengendali aerodrom yang di aerodrom itu kapal udara itu ditahan di bawah peraturan 170; dan
- (e) lebihan, jika ada, hendaklah dibayar kepada atau di kalangan orang atau orang-orang yang kepentingan dalam kapal udara itu telah terlucut atas sebab penjualan itu.

### **Mendapatkan kembali fi atau caj melalui tindakan sivil**

178. Tiada apa-apa pun dalam Bahagian ini boleh menjelaskan hak Ketua Pengarah untuk mendapatkan kembali apa-apa fi atau caj atau mana-mana bahagian daripadanya melalui tindakan sivil.

### **Pemberhentian lien kapal udara**

179. (1) Suatu lien kapal udara hendaklah terhenti berkuat kuasa jika—

(a) tiada apa-apa amaun tertunggak yang dijamin oleh lien kapal udara itu; atau

(b) kapal udara itu dijual di bawah Bahagian ini.

(2) Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu catatan dalam Daftar Kapal Udara bahawa lien kapal udara terhenti berkuat kuasa.

**Membuka dan menanggalkan bahagian atau kelengkapan kapal udara di bawah lien**

180. Seseorang yang, mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu lien kapal udara sedang berkuat kuasa berkenaan dengan suatu kapal udara, membuka atau menanggalkan mana-mana bahagian atau kelengkapan daripada kapal udara itu, tanpa kelulusan Ketua Pengarah, melakukan suatu kesalahan.

**Perlindungan terhadap tindakan**

181. Tiada suatu tindakan pun boleh diambil terhadap Ketua Pengarah bagi atau berkenaan dengan—

(a) apa-apa kerugian atau kerosakan kepada suatu kapal udara semasa penahanannya mengikut peraturan 170; atau

(b) apa-apa kerugian ekonomi yang ditanggung oleh seseorang akibat daripada penahanan kapal udara itu.

**Insurans kapal udara**

182. (1) Jika suatu kapal udara ditahan di bawah peraturan 170, Ketua Pengarah hendaklah menginsuranskan kapal udara itu dan terus menginsuranskannya terhadap kerugian atau apa-apa kerosakan kepada kapal udara itu semasa penahanannya atau semasa ia berada dalam jagaan, milikan atau kawalan Ketua Pengarah.

- (2) Insurans itu hendaklah untuk faedah—
- (a) Ketua Pengarah;
  - (b) Seseorang, yang pada pendapat Ketua Pengarah, mempunyai kepentingan terjamin atas kapal udara itu; dan
  - (c) pemunya kapal udara itu.

(3) Jika suatu amaun bagi suatu premium insurans itu dibayar oleh Ketua Pengarah, amaun itu menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah oleh orang yang baginya amaun itu dijamin oleh lien kapal udara berkenaan dengan kapal udara itu kena dibayar.

## BAHAGIAN XXVI

### PENYIASATAN KEMALANGAN DAN INSIDEN KAPAL UDARA

#### **Tafsiran dan pemakaian**

183. (1) Dalam Bahagian ini—

“insiden” ertinya insiden sebagaimana yang disebut dalam Aneks 13 kepada Konvensyen Chicago;

“kemalangan” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya di bawah Aneks 13 kepada Konvensyen Chicago.

(2) Bahagian ini terpakai bagi suatu kemalangan atau insiden yang—

- (a) berlaku kepada mana-mana kapal udara di Malaysia;

- (b) melibatkan kapal udara Malaysia di tempat lain;

- (c) melibatkan kapal udara awam dan kapal udara tentera;

- (d) melibatkan suatu kapal udara tentera semasa kapal udara itu telah berada di atas, atau semasa berlepas atau mendarat di atas, suatu aerodrom yang digunakan keseluruhannya atau terutamanya bagi maksud penerbangan awam; atau
- (e) melibatkan kapal udara tentera yang Menteri, dengan persetujuan Menteri Pertahanan, boleh arahkan penyiasat untuk menyiasat.

### **Pelantikan penyiasat dan penyiasat bertanggungjawab**

184. (1) Bagi maksud Bahagian ini, Menteri hendaklah secara bertulis melantik sejumlah penyiasat untuk menjalankan penyiasatan kemalangan atau insiden.

(2) Menteri hendaklah menentukan di kalangan penyiasat, seorang pegawai penyiasat yang bertanggungjawab dengan suatu siasatan di bawah Bahagian ini yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan, menganjurkan dan menyelia keseluruhan penyiasatan yang dikendalikan oleh penyiasat.

### **Pemberitahuan mengenai kemalangan dan insiden**

185. (1) Jika seseorang yang bertanggungjawab mempunyai pengetahuan mengenai mana-mana kemalangan atau insiden yang berlaku di Malaysia, orang yang bertanggungjawab hendaklah dengan segera memaklumkan kemalangan atau insiden itu kepada penyiasat yang bertanggungjawab.

(2) Bagi maksud peraturan ini, "orang yang bertanggungjawab" ertinya ketua juruterbang kapal udara yang terlibat dengan kemalangan atau insiden, atau jika ketua juruterbang terbunuh atau hilang upaya, maka pemilik, pengendali atau penyewa kapal udara itu.

### **Penjalanan penyiasatan**

186. (1) Penyiasat yang bertanggungjawab hendaklah menyebabkan suatu penyiasatan mengenai mana-mana kemalangan atau insiden yang dimaklumkan di bawah peraturan 185 untuk dijalankan dengan segera.

(2) Penyiasatan di bawah subperaturan (1) hendaklah dijalankan mengikut Aneks 13 kepada Konvensyen Chicago dan apa-apa notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan oleh Menteri.

**Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat**

187. Menteri boleh mengeluarkan notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang difikirkannya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan Aneks 13 kepada Konvensyen Chicago dan mana-mana orang yang gagal mematuhi notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat itu melakukan suatu kesalahan.

**Objektif penyiasatan**

188. (1) Objektif asas penyiasatan di bawah Bahagian ini adalah untuk mencegah kemalangan dan insiden di masa hadapan dan bukannya bagi maksud pengagihan kesalahan atau liabiliti.

(2) Penjalanan penyiasatan di bawah subperaturan (1) hendaklah berasingan daripada mana-mana penyiasatan lain oleh pihak berkuasa lain bagi maksud pengagihan kesalahan dan liabiliti.

**BAHAGIAN XXVII**

**AM**

**Permohonan bagi lesen, perakuan, permit, dsb.**

189. (1) Permohonan bagi—

(a) perakuan, pembaharuan perakuan, pengubahan perakuan atau pengesahan perakuan;

(b) lesen, pembaharuan lesen, pengubahan lesen, pengesahan lesen, atau pemasukan, pembaharuan atau pengubahan pengelasan dalam lesen;

(c) permit, pembaharuan permit atau pengubahan permit;

- (d) kelulusan;
- (e) kebenaran;
- (f) keizinan; atau
- (g) apa-apa permohonan lain di bawah Peraturan-Peraturan ini,

hendaklah—

- (A) dalam bentuk dan cara dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah;
  - (B) disertakan dengan fi yang ditetapkan bagi permohonan itu; dan
  - (C) mengikut apa-apa kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Jika Ketua Pengarah memberikan atau membenarkan permohonan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran atau keizinan kepada pemohon setelah pembayaran fi yang ditetapkan dibayar, jika ada.

- (3) Ketua Pengarah bolehlah mengenakan terma dan syarat pada perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran, keizinan atau apa-apa permohonan lain yang diberikan atau dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### **Pemindahmilikan perakuan, lesen, permit, dsb.**

190. Suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah khas kepada orang yang kepadanya ia dikeluarkan dan tidak boleh dipindahmilikkan atau diserahkan kepada mana-mana orang lain.

**Kehilangan atau kerosakan perakuan, lesen, permit, dsb.**

191. Jika suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hilang atau rosak, orang yang kepadanya ia dikeluarkan hendaklah—

- (a) segera memaklumkan Ketua Pengarah secara bertulis berhubung dengan kehilangan atau kerosakan itu; dan
- (b) secepat yang dapat dilaksanakan, mengemukakan suatu permohonan kepada Ketua Pengarah bagi menggantikan perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain mengikut peraturan 189.

**Penyerahan balik perakuan, lesen, permit, dsb.**

192. (1) Seseorang yang mempunyai suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh menyerahkan balik perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain itu dengan memberikan suatu notis bertulis kepada Ketua Pengarah tidak kurang daripada enam bulan sebelum tarikh penyerahan balik yang dicadangkan.

(2) Jika Ketua Pengarah membenarkan orang itu menyerahkan balik perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain, penyerahan balik itu hendaklah berkuat kuasa enam bulan dari tarikh Ketua Pengarah menerima notis bertulis di bawah subperaturan (1) atau pada mana-mana tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, dan orang itu hendaklah—

- (a) mengambil segala langkah dan memberikan segala bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) mengemukakan perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain kepada Ketua Pengarah pada atau sebelum tarikh kuat kuasa penyerahan balik itu.

(3) Penyerahan balik perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain di bawah subperaturan (1) tidak boleh dibatalkan melainkan jika Ketua Pengarah membenarkan penyerahan balik itu untuk ditarik balik.

**Penggantungan, pembatalan dan pengubahan perakuan, lesen, permit, dsb.**

193. (1) Ketua Pengarah boleh mengantung, membatalkan atau mengubah perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran, kaizinan atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini kepada mana-mana orang dalam mana-mana hal keadaan seperti yang berikut:

- (a) jika orang itu melanggar mana-mana terma dan syarat pada perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain itu;
- (b) jika orang itu melanggar mana-mana peruntukan Akta atau Peraturan-Peraturan ini;
- (c) jika pengeluaran perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain diperoleh secara fraud atau salah nyataan; atau
- (d) jika berlaku kematian, ketidakupayaan atau kebankrapan oleh orang itu atau, dalam hal suatu syarikat, jika berlaku pembubaran atau pelantikan seorang penerima atau pengurus.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh menggantung, membatalkan atau mengubah mana-mana perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain melainkan jika orang itu telah diberikan pelung untuk membuat suatu representasi.

(3) Sementara menunggu keputusan untuk menggantung, membatalkan atau mengubah perakuan, lesen, permit, kelulusan, kebenaran, keizinan atau dokumen lain di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh, jika difikirkan perlu, menggantung

sementara atau mengubah, dengan atau tanpa syarat, perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain itu.

(4) Ketua Pengarah boleh mengubah suatu manual penerbangan, jadual prestasi atau dokumen lain yang dimasukkan secara rujukan ke dalam perakuan kelayakan terbang apabila alasan yang mencukupi ditunjukkan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah dengan atau tanpa siasatan.

(5) Jika suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini—

- (a) telah dibatalkan, pemegang perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain itu hendaklah dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pembatalan memulangkan perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain kepada Ketua Pengarah; atau
- (b) digantung atau digantung sementara, perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain itu tidak berkuat kuasa semasa tempoh penggantungan.

### **Pengukuran unit**

194. (1) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu notis, surat pekeliling atau arahan berhubung dengan unit pengukuran untuk digunakan dalam pengendalian penerbangan awam udara dan darat di Malaysia dengan menurut Aneks 5 kepada Konvensyen Chicago.

(2) Seseorang yang terlibat dalam pengendalian penerbangan awam udara dan darat di Malaysia hendaklah mematuhi notis, surat pekeliling atau arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah subperaturan (1).

(3) Bagi maksud peraturan ini, "seseorang yang terlibat dalam penerbangan awam udara dan darat" termasuklah—

- (a) seseorang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan latihan kepada kru penerbangan, jurutera penyenggaraan kapal udara, pegawai operasi penerbangan/pengirim penerbangan atau mana-mana kakitangan lain;
- (b) seseorang pengendali;
- (c) seseorang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah bagi reka bentuk, pembuatan atau pembinaan produk aeronautik;
- (d) seseorang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan pengurusan kelayakan terbang berterusan, penyelenggaran produk aeronautik dan latihan penyelenggaran;
- (e) seseorang pengendali aerodrom; dan
- (f) seseorang yang menyediakan perkhidmatan penerbangan udara.

### **Penerbangan melintasi negara asing**

195. (1) Pengendali dan ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia (atau, jika tempat utama perniagaan atau tempat tinggal pengendali di dalam Malaysia, mana-mana kapal udara lain) yang diterbangkan melintasi mana-mana Negara tidak boleh membenarkan kapal udara itu digunakan bagi maksud yang menjelaskan keselamatan, ketenteraman awam atau kesihatan awam, atau keselamatan penerbangan udara yang berhubungan dengan, Negara itu.

(2) Seseorang pengendali tidak melanggar subperaturan (1) jika orang itu tidak tahu atau mengesyaki kapal udara itu sedang atau akan digunakan bagi maksud yang disebut dalam subperaturan (1).

(3) Pengendali dan ketua juruterbang suatu kapal udara Malaysia (atau, jika tempat utama perniagaan atau tempat tinggal pengendali di dalam Malaysia, mana-mana kapal udara lain) yang diterbangkan melintasi mana-mana Negara hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh pihak berkuasa aeronautik yang berkaitan Negara itu apabila—

- (a) penerbangan itu belum dibenarkan dengan sewajarnya; atau
- (b) ada alasan yang munasabah bagi pihak berkuasa aeronautik yang berkaitan untuk mempercayai bahawa kapal udara itu digunakan atau akan digunakan bagi maksud yang menjelaskan keselamatan Negara itu, ketenteraman awam atau kesihatan awam, atau keselamatan penerbangan udara yang berhubungan dengan, Negara itu,

melainkan jika nyawa orang dalam penerbangan atau keselamatan kapal udara akan terancam disebabkannya.

(4) Seseorang tidak melanggar subperaturan (3) jika orang itu tidak tahu atau mengesyaki arahan diberikan oleh pihak berkaitan aeronautik yang berkaitan.

(5) Kehendak dalam subperaturan (3) tidak menjelaskan mana-mana kehendak lain untuk patuh kepada arahan pihak berkuasa aeronautik.

(6) Bagi maksud peraturan ini, “pihak berkuasa aeronautik yang berkaitan” termasuklah mana-mana orang, sama ada anggota tentera sesuatu Negara atau pihak berkuasa awam, yang diberi kuasa di bawah undang-undang Negara itu untuk mengeluarkan arahan kepada kapal udara yang diterbangkan melintasi Negara itu.

### **Pemakaian Peraturan-Peraturan ini kepada kapal udara yang dikawal Malaysia yang tidak didaftarkan di Malaysia**

196. (1) Menteri boleh mengarahkan bahawa mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini atau notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang

dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sebutan dalam peruntukan itu atau notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat itu tentang kapal udara Malaysia termasuklah sebutan mana-mana kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara.

(2) Arahan di bawah subperaturan (1) hanya boleh menyatakan kapal udara yang tidak didaftarkan di Malaysia tetapi pada masa itu di bawah pengurusan seorang yang, atau setiap orang yang, layak untuk memegang kepentingan di sisi undang-undang atau benefisial melalui pemunyaan dalam suatu kapal udara yang didaftarkan di Malaysia.

#### **Pemakaian Peraturan-Peraturan kepada Kerajaan dan tentera pelawat**

197. (1) Peruntukan Peraturan-Peraturan ini melainkan jika dinyatakan selainnya, terpakai bagi atau berhubungan dengan suatu kapal udara yang dimiliki atau diambil kerja secara eksklusif dalam perkhidmatan Kerajaan, sebagaimana ia terpakai bagi kapal udara lain yang didaftarkan di Malaysia atau yang boleh didaftarkan sedemikian.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), jabatan atau pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan bagi pengurusan kapal udara itu adalah disifatkan sebagai pengendali kapal udara itu, dan, dalam hal suatu kapal udara yang dimiliki oleh Kerajaan, menjadi pemunya berkepentingan Kerajaan dalam kapal udara itu.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), tiada apa-apa dalam peraturan ini boleh menjadikan mana-mana jabatan atau pihak berkuasa lain yang bertanggungjawab bagi pihak Kerajaan bagi pengurusan mana-mana kapal udara bertanggungan kepada mana-mana penalti.

(4) Melainkan diperuntukkan dengan nyata selainnya, tentera laut, tentera dan tentera udara dan anggota mana-mana tentera pelawat dan apa-apa harta benda yang dipegang atau digunakan bagi maksud ketenteraan hendaklah dikecualikan

daripada Peraturan-Peraturan ini setakat yang terpakai seolah-olah angkatan itu adalah sebahagian daripada angkatan tentera dan pada masa itu berkhidmat di situ.

(5) Melainkan diperuntukkan selainnya oleh subperaturan (6), Kaedah-Kaedah Udara, dan peraturan 44, tiada apa pun dalam Peraturan-Peraturan ini boleh terpakai bagi mana-mana kapal udara tentera.

(6) Apabila suatu kapal udara tentera yang diterbangkan oleh seorang juruterbang awam dan tidak diperintahkan oleh seorang yang bertindak dalam menjalankan tugas sebagai anggota mana-mana angkatan tentera atau anggota tentera pelawat, peraturan 97, 98, 99 dan peruntukan Kaedah-Kaedah Udara hendaklah terpakai bagi penerbangan itu.

#### **Kesan luar wilayah bagi Peraturan-Peraturan ini**

198. Kecuali jika konteksnya menghendaki selainnya, peruntukan Peraturan-Peraturan ini—

- (a) setakat ia terpakai, sama ada secara sebutan nyata atau selainnya kepada suatu kapal udara Malaysia, terpakai bagi kapal udara itu di mana-mana jua ia berada;
- (b) setakat ia terpakai bagi kapal udara lain, terpakai bagi kapal udara lain itu apabila ia berada dalam Malaysia atau atas, atau dalam sempadan sekitar bagi, suatu pepasangan luar pesisir;
- (c) setakat ia melarang, menghendaki atau mengawal selia, sama ada dengan sebutan nyata atau selainnya, apa-apa perlakuan oleh orang di dalam, atau oleh mana-mana kru, mana-mana kapal udara Malaysia, terpakai bagi orang-orang itu dan kru itu di mana-mana jua mereka berada; dan
- (d) setakat ia melarang, menghendaki atau mengawal selia perlakuan apa-apa yang berhubungan dengan mana-mana kapal udara Malaysia oleh orang lain terpakai bagi mereka di mana-mana jua mereka berada.

**Pengecualian bagi kelas kapal udara tertentu**

199. Selain peraturan 79, 98, 131, 133 dan 136 dan Bahagian XVI, Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi—

- (a) apa-apa belon kecil;
- (b) apa-apa layang-layang;
- (c) apa-apa kapal udara kecil tanpa pemandu; dan
- (d) apa-apa kapal udara pengawasan kecil tanpa pemandu.

**Menjalankan tugas dan kuasa Ketua Pengarah**

200. Ketua Pengarah hendaklah pada setiap masa melaksanakan tugas dan menjalankan kuasanya di bawah Peraturan-Peraturan ini dengan cara yang selaras dengan obligasi Kerajaan Malaysia di bawah Konvensyen Chicago, mana-mana triti lain yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan mana-mana perjanjian antara Malaysia dengan mana-mana Negara berhubung dengan mana-mana hal di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**Kelulusan bagi orang untuk mengemukakan laporan**

201. Berhubung dengan mana-mana fungsi Ketua Pengarah di bawah mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah boleh meluluskan seseorang sebagai layak untuk menyediakan laporan dan boleh menerima laporan itu.

**Notis, surat pekeliling, arahan dan maklumat**

202. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat sebagaimana yang difikirkannya perlu dan suai manfaat untuk menguatkuaskan peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

**Penahanan kapal udara**

203. (1) Jika Ketua Pengarah mendapati mana-mana kapal udara dimaksudkan atau berkemungkinan akan diterbangkan—

(a) dalam apa-apa hal keadaan yang peraturan 4, 16, 27, 48, 53, 85, 91, 100, 131 atau 132 akan dilanggar berhubung dengan penerbangan itu;

(b) dalam apa-apa hal keadaan yang penerbangan itu akan—

(i) berlanggaran dengan mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini;

(ii) berlanggaran dengan mana-mana notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau

(iii) menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang atau harta; atau

(c) ketika dalam keadaan tidak layak untuk terbang, sama ada atau tidak penerbangan itu akan—

(i) berlanggaran dengan mana-mana peruntukan lain Peraturan-Peraturan ini;

(ii) berlanggaran dengan mana-mana notis, surat pekeliling, arahan atau maklumat yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau

(iii) berlanggaran dengan mana-mana perintah, kehendak atau arahan yang dibuat menurut Peraturan-Peraturan ini,

Ketua Pengarah boleh mengarahkan—

- (A) pemunya, pengendali atau ketua juruterbang kapal udara supaya dia tidak membenarkan kapal udara itu membuat penerbangan yang berkenaan atau mana-mana perihalan penerbangan yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu; dan
- (B) menahan kapal udara itu,

sehingga arahan itu dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh memasuki dan memeriksa mana-mana kapal udara.

(3) Dalam hal suatu kapal udara yang didaftarkan di mana-mana Negara, jika Ketua Pengarah mendapati kapal udara itu dimaksudkan atau berkemungkinan akan diterbangkan dalam hal keadaan yang peraturan 148 akan dilanggar, Ketua Pengarah boleh mengarahkan ketua juruterbang kapal udara itu supaya dia tidak membenarkan kapal udara itu membuat penerbangan tertentu itu atau mana-mana perihalan penerbangan lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu sehingga arahan itu dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud subperaturan (3), Ketua Pengarah hendaklah, dengan segera, memaklumkan kepada Negara Pendaftaran segala perincian yang diperlukan untuk merumuskan keputusan berhubung dengan kapal udara itu.

### **Pengawasan pengawalseliaan keselamatan**

204. (1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menjalankan pengawasan pengawalseliaan keselamatan untuk menentukan pematuhan kepada Peraturan-Peraturan ini.

(2) Tanpa menjaskan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) mengakses dan memeriksa mana-mana produk aeronautik, kapal udara, aerodrom, kemudahan penerbangan, tempat atau bangunan;
- (b) memeriksa, membuat salinan atau mengambil ekstrak daripada mana-mana buku, manual, buku minit, rekod atau apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah untuk disimpan;
- (c) mengambil gambar premis, barang, bagasi, pakej dan apa-apa harta atau material yang dijumpai di situ; atau
- (d) membuat apa-apa ujian yang Ketua Pengarah fikirkan perlu,

bagi maksud untuk menentukan pematuhan Peraturan-Peraturan ini.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh sebab apa-apa yang dibuat semasa, atau bersampingan dengan pengawasan kawal selia keselamatan di bawah peraturan ini hendaklah dibayar dan didapatkan semula daripada pemegang perakuan, pemegang lesen, pemegang permit atau mana-mana orang yang telah diberikan kelulusan, keizinan atau kebenaran.

(4) Mana-mana orang yang enggan untuk mematuhi permintaan, tuntutan atau arahan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah Peraturan-Peraturan ini, melakukan suatu kesalahan.

### **Halangan penyiasatan**

205. Mana-mana orang tidak boleh dengan sengaja menyekat atau menghalang mana-mana orang yang bertindak dalam penjalanan kuasanya atau pelaksanaan tugasnya di bawah Peraturan-Peraturan ini.

**Penalti**

206. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian A Jadual Ketiga melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian B Jadual Ketiga melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lapan puluh ribu ringgit.

(3) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan yang dinyatakan dalam Bahagian C Jadual Ketiga melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau

(b) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peraturan 110 atau 114 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh—

(a) dalam hal kesalahan kali pertama—

- (i) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya; atau
- (ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit; atau

(b) dalam hal kesalahan kali kedua atau kali kemudian—

- (i) jika orang itu ialah seorang individu, didenda tidak melebihi seratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; atau
- (ii) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi seratus lima puluh ribu ringgit.

PART XXVIII  
PERUNTUKAN KECUALIAN

**Pembatalan Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996**

207. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 [P.U. (A) 139/1996] dibatalkan.

**Perakuan, lesen, permit, dsb. terus sah**

208. (1) Suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 hendaklah terus menjadi sah di bawah

Peraturan-Peraturan ini sehingga tarikh luput perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain.


(2) Tiada apa-apa pun dalam peraturan ini boleh ditafsirkan sebagai melanjutkan kesahan suatu perakuan, lesen, permit, kelulusan, keizinan, kebenaran atau dokumen lain yang dinyatakan dalam subperaturan (1) melampaui tarikh tamat tempohnya.

**Pembayaran yang kena bayar kepada Kerajaan**

209. Semua pembayaran yang kena bayar kepada Kerajaan di bawah Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 boleh didapatkan semula di bawah Peraturan-Peraturan itu seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

**JADUAL PERTAMA**  
**[Subperaturan 7(2)]**

**KLASIFIKASI KAPAL UDARA**



1. Secara umumnya ditentukan "belon layang-layang".
2. "Apungan" atau "bot" boleh ditambah sebagaimana berkaitan.
3. Termasuklah kapal udara dilengkapi dengan gear pendaratan jenis ski (mengantikan "ski" dengan "mendarat").
4. Bagi maksud melengkapkan sahaja.

JADUAL KEDUA  
[Peraturan 149]

PERKELASAN PENGAWAL TRAFIK UDARA

1. Perkelasan yang berikut boleh dinyatakan dalam suatu lesen pengawal trafik udara:

- (a) perkelasan kawalan aerodrom, yang membenarkan pemegang lesen pengawal trafik udara untuk menyediakan atau mengawal selia penyediaan perkhidmatan kawalan aerodrom, atau kedua-duanya;
- (b) perkelasan pengawasan kawalan sua, yang membenarkan pemegang lesen untuk menyediakan atau mengawal selia penyediaan perkhidmatan kawalan sua, atau kedua-duanya;
- (c) perkelasan tatacara kawalan kawasan, yang membenarkan pemegang lesen untuk menyediakan atau mengawal selia perkhidmatan kawalan kawasan, atau kedua-duanya;
- (d) perkelasan pengawasan kawalan kawasan, yang membenarkan pemegang lesen untuk menyediakan atau mengawal selia perkhidmatan kawalan kawasan, atau kedua-duanya;
- (e) perkelasan tatacara kawalan sua, yang membenarkan pemegang lesen untuk menyediakan atau mengawal selia penyediaan perkhidmatan kawalan sua, atau kedua-duanya.

2. Suatu perkelasan dinyatakan dalam suatu lesen pengawal trafik udara menjadi tidak sah jika pengawal trafik udara tidak memberikan perkhidmatan kawalan trafik udara yang dinyatakan dalam perkelasan itu bagi tempoh enam bulan atau lebih.

3. Jika suatu perkelasan yang dinyatakan dalam suatu lesen pengawal trafik udara menjadi tidak sah, perkelasan itu hendaklah kekal tidak sah sehingga Ketua Pengarah berpuas hati bahawa keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan kawalan trafik udara yang dinyatakan dalam perkelasan itu oleh pengawal trafik udara yang berkenaan itu telah dipulihkan.

### JADUAL KETIGA

[Peraturan 206]

### KESALAHAN

Mana-mana orang yang melanggar peruntukan yang disenaraikan dalam Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C Jadual ini adalah melakukan kesalahan.

### BAHAGIAN A

---

<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>
72	Tanggungjawab pengendali berhubung dengan kelesuan
73	Tanggungjawab kru berhubung dengan kelesuan
74	Masa penerbangan dan tanggungjawab kru penerbangan
94	Pembawaan binatang hidup
156	Kelesuan pengawal trafik udara

### BAHAGIAN B

---

<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>
4	Kapal udara hendaklah didaftarkan
11	Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia

- 12 Perubahan pemilikan kapal udara Malaysia kepada orang yang tidak layak
- 14 Perubahan dalam Daftar Kapal Udara
- 16 Kenegaraan dan tanda pendaftaran
- 38 Rekod kapal udara
- 39 Penyempurnaan dan penyimpanan rekod
- 43 Jadual berat kapal udara
- 69 Buku log penerbangan peribadi
- 75 Perlindungan kru daripada radiasi kosmik
- 79 Belon, belon bertambat, layang-layang, pesawat udara, glider dan paracut naik
- 80 Kuasa untuk melarang dan menyekat penerbangan
- 86 Taklimat penumpang oleh ketua juruterbang
- 91 Penggunaan sistem perakam penerbangan dan pemeliharaan rekod
- 92 Tugas ketua juruterbang berhubung dengan pencarian dan penyelamatan
- 93 Cara pembawaan orang
- 95 Pintu keluar
- 96 Penandaan kawasan pecah masuk
- 100 Merokok dalam kapal udara
- 101 Kuasa ketua juruterbang dan anggota kru kapal udara
- 102 Tingkah laku yang mengganggu

- 103 Penumpang gelap
- 111 Manual pengendalian
- 112 Program latihan
- 113 Program analisis data penerbangan
- 137 Pengguguran artikel dan binatang
- 138 Pengguguran orang
- 142 Kapal udara kecil tanpa pemandu
- 160 Buku log perjalanan
- 161 Dokumen yang kena dibawa
- 162 Pengemukaan dokumen dan rekod
- 163 Penyimpanan kekal dokumen dan rekod
- 190 Pemindahmilikan perakuan, lesen, permit, dsb.
- 191 Kehilangan atau kerosakan perakuan, lesen, permit, dsb.
- 192 Penyerahan balik perakuan, lesen, permit, dsb.

### BAHAGIAN C

---

<i>Peraturan</i>	<i>Perkara</i>
21	Perakuan kelulusan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik
22	Perakuan pengesahan bagi reka bentuk, pengeluaran dan pembinaan produk aeronautik
23	Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan produk aeronautik

- 24 Pemerakuan, pengesahan dan kelulusan bagi reka bentuk bagi pengubahsuaian dan pembaikan produk aeronautik
- 26 Perakuan kelayakan terbang hendaklah berkuat kuasa
- 29 Pengeluaran, pembaharuan dan pengubahan permit untuk terbang
- 30 Kehendak bagi pelepasan penyenggaraan
- 31 Kelulusan bagi organisasi untuk terlibat dalam pengurusan kelayakan terbang berterusan, penyenggaraan produk aeronautik dan latihan penyenggaraan
- 32 Kelulusan organisasi berhubung dengan penyenggaraan dan latihan penyenggaraan
- 33 Penandatangan yang diluluskan
- 34 Maklumat kelayakan terbang berterusan yang mandatori
- 35 Lesen penyenggaraan kapal udara
- 37 Kelulusan bagi kursus latihan dan pengajaran bagi penyenggaraan kapal udara
- 40 Kelengkapan bagi pengendalian kapal udara
- 41 Kelengkapan radio bagi pengendalian kapal udara
- 42 Kehendak minimum kelengkapan
- 44 Perakuan bunyi bising
- 45 Kehendak bagi perakuan bunyi bising oleh kapal udara yang didaftarkan di luar Malaysia
- 46 Perakuan bunyi bising hendaklah dibawa
- 48 Komposisi kru kapal udara
- 49 Juruterbang dikehendaki dalam penerbangan pengangkutan udara komersial

- 50 Latihan dan ujian bagi penerbangan solo atau dual
- 51 Bilangan anggota kru kabin yang dikehendaki dalam kapal udara
- 52 Kuasa untuk mengarahkan penambahan kru penerbangan dan anggota kru kabin atas kapal udara
- 53 Kehendak bagi lesen berhubung dengan anggota kru penerbangan
- 54 Kehendak bagi lesen yang berkaitan berhubung dengan kapal udara yang didaftarkan dalam suatu Negara
- 55 Pengendali radio telefoni penerbangan
